

The image shows the cover of the PNB 2021 Annual Report. The background is a photograph of five children running across a green field in front of the Merdeka Stadium. The children are wearing face masks and holding small Malaysian flags. The stadium's name 'STADIUM MERDEKA' is visible on the facade. The sky is blue with white clouds. The PNB logo is at the top center.

PNB

Permodalan Nasional Berhad

STADIUM MERDEKA

Pelaburan Bertanggungjawab

*Menuju Masa Depan
Sifar Bersih*

Laporan Tahunan 2021

Dalam Laporan Ini

01 TENTANG LAPORAN INI	
02 KAMI ADALAH PNB	
Mengenai Kami	4
Sorotan Kewangan Utama	6
Rantaian Nilai Mampam	10
Struktur Organisasi	12
03 KEKUATAN DAN KEUTUHAN PENJAGAAN KAMI	
Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra	15
Lembaga Pengarah	16
Pasukan Kepimpinan	21
04 PERUTUSAN KEPIMPINAN	
Perutusan Pengerusi Kumpulan	25
Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan	29
05 PORTFOLIO PELABURAN MAMPAN	
Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan	38
Perumpukan Aset Strategik	40
Pelaburan Strategik	42
Pasaran Awam	48
Pasaran Persendirian	59
Hartanah	63
Perkembangan Kemajuan Merdeka 118	65
06 PELAN STRATEGIK ASNB	
Transformasi Unit Amanah	70
07 MAJU BERSAMA	
Pendekatan Kami Terhadap Kelestarian	77
Mentadbir Aspirasi Kelestarian Kami	80
Melibatkan Diri dengan Pihak Berkepentingan Kami	83
Menentukan Kematatan	84
Pengurusan Modal Insan	85
Komitmen Advokasi Sosial Kami	95
08 KOMITED KEPADA TADBIR URUS KUKUH	
Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat	113
Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	125
Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti	135
Laporan Jawatankuasa Audit	142
Minggu Integriti, Risiko, Asurans & Pematuhan (iRAC)	147
Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah	148
09 MENCIPTA NILAI KEWANGAN	
Penyata Kewangan Proforma 5 Tahun Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak	154
Laporan Juruaudit Bebas	155
Dana Unit Amanah	156

Pelaburan Bertanggungjawab

*Menuju Masa Depan
Sifar Bersih*

Di PNB, kami amat komited terhadap mandat untuk meningkatkan kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia melalui Pelaburan Lanjut Bertanggungjawab yang mengutamakan kepentingan pemegang unit kami. Ini adalah pendekatan teras kami untuk memastikan kami melabur secara berhemah dan teliti untuk memperoleh hasil yang mampam.

Melangkah ke hadapan, pelancaran Rangka Kerja Kelestarian kami akan membantu untuk meningkatkan dan melindungi nilai yang kami cipta untuk pemegang kepentingan kami sambil memenuhi aspirasi Kelestarian kami sendiri.



Scan di sini untuk maklumat lanjut

Tentang Laporan Ini

Laporan Perjalanan Tahun Ini

Ini adalah Laporan Tahunan Permodalan Nasional Berhad (PNB) 2021, dokumen yang kami gunakan untuk memaklumkan pihak berkepentingan mengenai prestasi kami dalam melaksanakan mandat kami untuk meningkatkan kekayaan masyarakat Bumiputera dan semua rakyat Malaysia.

Penyediaan laporan ini telah berpandukan kepada keperluan piawaian pelaporan kewangan yang berkaitan, dan juga sebagai Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG 2021). Dari segi kemampanan, kami dipandu oleh Piawaian Inisiatif Pelaporan Global dalam penyediaan bahagian kemampanan laporan ini.

SKOP DAN SEMPADAN

Laporan ini menerangkan prestasi kewangan dan bukan kewangan PNB dalam tempoh dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021. Kami membincangkan prestasi pelaburan kami, perumpukan aset strategik dan menyediakan kemas kini mengenai portfolio pelaburan kami. Selain daripada melaporkan prestasi, laporan ini juga mempertimbangkan cabaran kepada perniagaan, dan peluang serta risiko yang boleh memberi kesan kepada prestasi kami.

MAKLUM BALAS

PNB menghargai maklum balas, komen dan pertanyaan anda mengenai Laporan ini. Pertanyaan boleh diajukan kepada: info@pnb.com.my

Kami adalah PNB

Mengenai Kami	3
Sorotan Keuangan Utama	6
Rantai Nilai Mampan	10
Struktur Organisasi	12

Mengenai Kami

VISI

Untuk menjadi Firma Pelaburan
Distinktif Bertaraf Dunia

MISI

Untuk meningkatkan kekayaan
ekonomi masyarakat
Bumiputera dan seluruh rakyat
Malaysia, demi kemakmuran
negara

FOCUS 4

Menggariskan bidang berimpak
tinggi berikut:

Kepelbagaian

Memacu kepelbagaian pada semua
kelas aset dan geografi

Penciptaan Nilai

Menaik taraf nilai Syarikat Strategik
dan Teras

Pengurusan Risiko

Memupuk budaya risiko yang mantap
dengan menambah baik elemen-
elemen utama pengurusan risiko
organisasi

Transformasi Organisasi

Penambahbaikan dalam Modal Insan
& Budaya, Tadbir Urus & Proses,
Digital dan Struktur & KPI

Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Tun Arifin Zakaria

Pengerusi Kumpulan
(Dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan
berkuatkuasa pada 6 Mei 2021)

Encik Ahmad Zulqarnain Onn

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
(PGCE)

Datuk Seri Asri Hamidin @ Hamidon

Tan Sri Datuk Zainun Ali

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Datu Haji Soedirman Haji Aini

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Dato' Johan Ariffin

Datin Norazah Mohamed Razali

(Dilantik sebagai Pengarah berkuatkuasa pada
6 Mei 2021)

PERSARAAN PENGARAH

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz

(Bersara sebagai Pengerusi
Kumpulan pada 1 Mei 2021)

JAWATANKUASA PELABURAN

Tun Arifin Zakaria

Pengerusi
(Dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa
pada 19 Mei 2021)

Encik Ahmad Zulqarnain Onn

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani N.
Hassan Thani

Tan Sri Dr. Mohd. Daud Bakar

Dato' Johan Ariffin

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz

(Bersara pada 1 Mei 2021)

JAWATANKUASA PENAMAAN DAN IMBUHAN

Datu Haji Soedirman Haji Aini

Pengerusi
(Perjawatan semula sebagai Pengerusi pada
17 September 2021)

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Datin Norazah binti Mohamed Razali
(Dilantik berkuatkuasa pada 6 Mei 2021)

Datuk Mohd. Anwar Yahya

(Dilantik berkuatkuasa pada 17 September
2021)

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz

Pengerusi
(Bersara pada 1 Mei 2021)

JAWATANKUASA RAYUAN

Tan Sri Datuk Zainun Ali

Pengerusi

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Datu Haji Soedirman Haji Aini

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

NILAI KAMI

P

Berhemah (Prudence)

Kami sentiasa mengambil pendekatan
berhemah dan tidak akan berkompromi
sama sekali dalam perihal integriti, demi
memenuhi amanah pemegang unit kami

A

Kebolehsesuaian (Adaptability)

Kami berusaha untuk meningkatkan
kebolehsesuaian dan mengamalkan cara
bekerja yang lebih dinamik, seiring dengan
persekitaran yang sentiasa berubah

PENAFIAN

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Aset Campuran Seimbang) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Aset Campuran Seimbang) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

YPB
Yayasan Pelaburan Bumiputra

PNB
Permodalan Nasional Berhad

ASN
Amanah Saham Nasional Berhad

Pemegang Lesen
Perkhidmatan
Pasaran Modal Untuk
Pengurusan Dana



Syarikat Pengurusan
Unit Amanah
Berlesen

**DANA UNIT
AMANAH HARGA TETAP**



Amanah Saham Bumiputera
Amanah Saham Bumiputera 2
Amanah Saham Bumiputera 3
- Didik



Amanah Saham Malaysia
Amanah Saham Malaysia 2
- Wawasan
Amanah Saham Malaysia 3

**DANA UNIT
AMANAH HARGA BERUBAH**



Amanah Saham Nasional
ASN Equity 2
ASN Equity 3
ASN Equity 5
ASN Equity Global
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global
ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1
ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2

JAWATANKUASA AUDIT

Datuk Mohd. Anwar Yahya
Pengerusi

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Datu Haji Soedirman Haji Aini
(Dilantik berkuatkuasa pada 17 September 2021)

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood
Pengerusi

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Datuk Mohd. Anwar Yahya

Datin Norazah Mohamed Razali
(Dilantik berkuatkuasa pada 17 September 2021)

JAWATANKUASA PEMATUHAN

Tan Sri Datuk Zainun Ali
Pengerusi

Encik Ahmad Zulqarnain Onn

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari
(Dilantik berkuatkuasa pada 17 September 2021)

JAWATANKUASA TENDER

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani
Pengerusi

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Encik Ahmad Zulqarnain Onn

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Tan Sri Dr. Mohd. Daud Bakar
Pengerusi

Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad

Dato' As-Sheikh Haji Nooh Gadot

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhi Haji Ab. Majid

Dr. Aida Othman

Encik Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali
(Dilantik berkuatkuasa pada 29 Mac 2021)

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
(Dilantik berkuatkuasa pada 17 Disember 2021)

Dato' Idris Kechot
(Bersara pada 9 Mac 2021)

Tan Sri Dato Seri Dr. Haji Harussani Haji Zakaria
(Meninggal dunia pada 30 Mei 2021)

PEJABAT BERDAFTAR

Permodalan Nasional Berhad
Aras 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03 2050 5500
Faks: 03 2050 5268

JURUAUDIT

Ernst & Young PLT

BANK

Maybank Islamic Berhad
Malayan Banking Berhad

C

Kerjasama (Collaboration)

Kami memupuk budaya yang berpaksikan kerjasama, saling menghormati dan pemeraksanaan dalam mencapai aspirasi bersama


E

Kecemerlangan (Excellence)

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui kecekapan tinggi dalam pelaksanaan mandat kami

Sorotan Kewangan Utama


RM **336.7** bilion



**ASET DI BAWAH
PENGURUSAN**

(RM bilion)


276.2 bilion



**UNIT DALAM
EDARAN**

(bilion)


14.8 juta




BILANGAN
AKAUN

(juta)

**PENDAPATAN KASAR PROFORMA 5 TAHUN
KUMPULAN PNB YANG DIGABUNGAN SERENTAK
(RM bilion)**




**PENDAPATAN BERSIH PROFORMA 5 TAHUN
KUMPULAN PNB YANG DIGABUNGAN SERENTAK
(RM bilion)**




Sorotan Kewangan Utama

PERUNTUKAN ASET KUMPULAN PNB MENGIKUT KELAS ASET (%)









PERUNTUKAN ASET KUMPULAN PNB MENGIKUT GEOGRAFI (%)












Sorotan Kewangan Utama

PRESTASI DANA UNIT AMANAH

	Aset Campuran					
	 ASB	 ASB 2	 ASB 3 Didik	 ASM	 ASM 2 Wawasan	 ASM 3
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31 Dis	31 Mac	30 Jun	31 Mac	31 Ogos	30 Sep
Pengagihan (sen seunit)	5.00*	4.25	4.25	4.00	4.00	4.00
Pendapatan bersih (RM juta)	6,936.1	496.8	298.2	838.6	926.8	583.1
Unit dalam edaran TKB (bilion unit)	181.9	11.5	6.8	21.3	23.0	14.8

* Terdiri daripada agihan pendapatan 3.50 sen seunit dan bonus 0.75 sen seunit


	Ekuiti				Aset Campuran Imbang			Aset Campuran Konservatif	
	 ASN	 ASN Equity 2	 ASN Equity 3	 ASN Equity 5	 ASN Imbang 1	 ASN Imbang 2	 ASN Imbang 3 Global	 ASN Sara 1	 ASN Sara 2
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31 Dis	30 Jun	31 Mar	30 Sep	30 Nov	31 Mac	31 Dis**	31 Mac	30 Sep
Hasil Pengagihan (%)	2.63	3.47	3.96	2.99	2.88	3.36	1.23	3.14	2.77
Jumlah Pulangan (%)	0.55	5.42	18.32	10.71	6.38	16.64	3.04	11.22	3.58
Pendapatan Bersih*** (RM juta)	33.7	24.6	77.5	12.1	30.7	49.1	20.5	95.0	49.6
Unit dalam edaran TKB (bilion unit)	1.8	1.3	2.2	0.3	1.0	1.5	1.4	2.6	1.7

** Untuk 16.9.2020 hingga 31.12.2021


*** Bahagian yang direalisasikan dari jumlah pendapatan komprehensif, termasuk Rizab Kesamaan Pendedaran (DER)

PENGAGIHAN PENDAPATAN (RM BILION)

Pengagihan Pendapatan Terkumpul



Pembayaran Pengagihan Pendapatan Tahunan



Rantai Nilai Kami

1 Pemegang unit melabur dalam produk-produk ASNB

2 PNB menguruskan pelaburan dana unit amanah

PNB MENJALANKAN PROSES YANG MANTAP DARI HUJUNG KE HUJUNG DALAM PEMILIHAN PELABURAN



DENGAN MODEL TADBIR URUS KENDALIAN YANG BERKESAN

Unit-unit Perniagaan

Kepimpinan

Jawatankuasa Pelaburan



**Dana Unit Amanah
Harga Tetap**



**Dana Unit Amanah
Harga Berubah**



Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Pengurusan Aset,
Unit-unit Perniagaan Strategik

Dana
Proprietari

Dana Unit
Amanah
Harga Tetap

Dana Unit
Amanah
Harga
Tetap

Asurans Kumpulan

Jabatan
Kewangan &
Pengurusan
Audit

Jabatan
Pematuhan

Jabatan Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pelaburan
Dana Unit Amanah

Jawatankuasa
Pelaburan PNB

Jawatankuasa
Pematuhan

Jawatankuasa
Audit

Jawatankuasa
Pengurusan Risiko

Lain-lain Jawatankuasa
Lembaga PNB

Juruaudit Luar



Badan Berkanun



Membolehkan perkongsian kekayaan korporat kepada pemegang unit


6

5 Pengagihan Pendapatan tahunan kepada pemegang unit diperolehi daripada prestasi portfolio

5



Lembaga Pengarah



3

Pelaburan dilakukan menjangkau pelbagai portfolio kelas aset dan geografi bagi mengurus pendedahan risiko

PORTFOLIO PELABURAN




4


Pulangan portfolio dijana daripada keuntungan modal yang direalisasi dan pendapatan berulang daripada setiap kelas aset

Prestasi aset didorong oleh kombinasi faktor makro ekonomi dan pasaran

Struktur Organisasi

- Unit Perniagaan
- Bahagian
- Jabatan
- Anak Syarikat yang Beroperasi





Kekuatan dan Kentuhan Penjagaan Kami

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra

15

Lembaga Pengarah

16

Pasukan Kepimpinan

21

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra



YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

*PENGERUSI YPB/
PERDANA MENTERI MALAYSIA*



**YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA
ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ**

*TIMBALAN PENGERUSI YPB/
MENTERI KEWANGAN*



YABHG TUN ARIFIN ZAKARIA

PENGERUSI KUMPULAN PNB



YBHG TAN SRI HAJI AMBRIN BUANG

Lembaga Pengarah



TUN ARIFIN ZAKARIA

*Pengerusi Kumpulan
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

Umur | Warganegara
72 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
6 Mei 2021

Mesyuarat
Lembaga
Pengarah



AHMAD ZULQARNAIN ONN

*Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*

Umur | Warganegara
49 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
1 Julai 2020

Mesyuarat
Lembaga
Pengarah



KELAYAKAN

- LLB (Kepujian) dari University of Sheffield, United Kingdom
- Sarjana Undang-Undang dari University of London, University College, United Kingdom
- Tetamu ke Badan Peguam Inggeris di Lincoln's Inn
- Ahli Kehormat Pengarah di Lincoln's Inn

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Amanah Saham Nasional Berhad, Microlink Solutions Berhad dan Vertice Berhad
- Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra
- Pengerusi Majlis Penasihat Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia
- Pengerusi Majlis Penasihat Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia
- Presiden Inns of Court Malaysia

PENGALAMAN KERJA

Tun Arifin bin Zakaria dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad pada 6 Mei 2021. Sebelum pelantikan ini, Tun Arifin mempunyai perjalanan kerjaya yang panjang dan terbilang dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Beliau berkhidmat sebagai Ketua Hakim Negara Malaysia dari November 2011 hingga April 2017. Kerjaya perundangan cemerlang Tun Arifin bermula apabila beliau menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia pada tahun 1974 sebelum dilantik sebagai Peguam Persekutuan di Bahagian Penasihat Jabatan, Peguam Negara dan seterusnya sebagai Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, Penolong Pendaftar Kanan dan Peguam Kanan Persekutuan dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri.

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) dari Harvard University, Amerika Syarikat

PENGALAMAN KERJA

Ahmad Zulqarnain dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan dan Pengarah PNB pada 1 Julai 2020. Sebelum pelantikan tersebut, beliau merupakan Timbalan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad bertanggungjawab dalam menyelia Dana Strategik Khazanah Nasional. Beliau juga mengetuai Kumpulan Institusi Kewangan dan Pengurusan Strategik Khazanah sepanjang tempoh perkhidmatannya. Sebelum menyertai Khazanah, beliau merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad antara tahun 2009 hingga 2014 yang menyaksikan beliau menubuhkan sebuah syarikat insurans jaminan kewangan pertama di Malaysia. Beliau turut memegang peranan dalam pelbagai institusi kewangan dan syarikat, termasuk Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, sebuah syarikat pengurusan aset negara yang ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai tindak balas dasar terhadap krisis kewangan Asia.



DATUK SERI ASRI HAMIDIN @ HAMIDON

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur | Warganegara
56 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
23 Julai 2020

Mesyuarat
Lembaga
Pengarah



TAN SRI DATUK ZAINUN ALI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur | Warganegara
70 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
1 Januari 2019

Mesyuarat
Lembaga
Pengarah



KELAYAKAN

- Program Pengurusan Perniagaan Premier Harvard
- Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Hiroshima, Jepun
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi dan Pengarah 1Malaysia Development Berhad dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Tenaga Nasional Berhad, DanaInfra Nasional Berhad, GovCo Holdings Berhad, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera

PENGALAMAN KERJA

Datuk Seri Asri dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 23 Julai 2020. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF). Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Perbendaharaan. Datuk Seri Asri memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Kemudian, beliau berpindah ke Badan Pencegah Rasuah pada April 1998, sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Perkhidmatan Awam mulai Mac 2003.

Datuk Seri Asri meneruskan perkhidmatannya sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Kewangan dan memegang beberapa jawatan lain sejak itu, antaranya Timbalan Setiausaha Rendah, Pelaburan, MoF Inc. dan Bahagian Penswastaaan. Beliau pernah dilantik sebagai Setiausaha Rendah, Bahagian GIC, MOF pada Julai 2015 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) pada Mac 2018.

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) (Cantab) dari University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian) dari Universiti Malaya

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Allianz Malaysia Berhad

MAKLUMAT LAIN

- Ahli Lembaga Penasihat Rangkaian Integriti Kehakiman Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Dilantik sebagai Naib Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa bermula pada 1 Julai 2020
- Hakim dalam Tribunal Pentadbiran Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IsDb) Jeddah
- Perunding di Zain & Co
- Penimbangtara berdaftar dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur
- Ahli Persatuan Hakim Wanita Antarabangsa yang berpangkalan di Washington D.C.

PENGALAMAN KERJA

Tan Sri Datuk Zainun dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 selepas berkhidmat dengan Kerajaan dalam pelbagai jawatan dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman sejak tahun 1976. Selepas berkhidmat sebagai Penasihat Undang-undang di Kementerian-kementerian yang merangkumi perkhidmatannya sebagai Pendaftar Syarikat dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, beliau dinaikkan ke Kamar Mahkamah pada tahun 1996 sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Kemudiannya beliau dinaikkan pangkat ke Mahkamah Rayuan dan terakhirnya berkhidmat di mahkamah tertinggi pada tahun 2012 sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Lembaga Pengarah



DATUK DR. MOHD. YAAKUB HAJI JOHARI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur | Warganegara
66 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
1 Januari 2017

Mesyuarat
Lembaga
Pengarah



DATU HAJI SOEDIRMAN AINI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur | Warganegara
66 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
1 Januari 2017

Mesyuarat
Lembaga
Pengarah



KELAYAKAN

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Sosiologi dari University of Salford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains (Pengajian Liberal) dari University of Manchester, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari University of Sussex, United Kingdom

PENGALAMAN KERJA

Datuk Dr. Mohd. Yaakub dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah sambil Sains Politik di Institut Teknologi MARA dan pada tahun 1983, beliau menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah sebagai Penolong Pengarah (Penyelidikan dan Perundingan) di Jabatan Ketua Menteri. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Pengurusan) pada tahun 1984.

Beliau menyertai Institut Kajian Pembangunan, Sabah (IDS), sebuah badan pemikir rasmi negeri sebagai Pengarah Bersekutu (Hal Ehwal Sosial) pada tahun 1985 dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif/Felo Penyelidik Kanan pada tahun 1991-1994. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Eksekutif IDS selama 15 tahun dari tahun 1994-2009 sebelum pelantikannya sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dari tahun 2009-2020. Beliau merupakan Pengerusi IDS berkuat kuasa mulai 14 Disember 2020 dan melepaskan jawatan tersebut berkuat kuasa pada 30 November 2021. Pada 1 April 2022, beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola Yayasan Universiti Kolej Sabah (UCSF).

KELAYAKAN

- Felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (UK)
- Akauntan Bertauliah Malaysia dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Mengikuti Program Dasar Makro Ekonomi dan Pengurusan di Harvard University

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Sarawak Plantation Berhad, Sarawak Consolidated Industries Berhad, Amanah Saham Sarawak Berhad, Sara Worldwide Vacations Berhad dan Damai Golf & Country Club Berhad

PENGALAMAN KERJA

Datu Haji Soedirman bin Aini, berumur 66 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya dengan Petrolia Nasional Berhad pada tahun 1982 dan selepas berkhidmat selama 13 tahun dengan syarikat tersebut, beliau meletakkan jawatan pada tahun 1995 untuk menyertai Kerajaan Negeri Sarawak.

Sebelum bersara dari Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2018, Datu Haji Soedirman memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC). Perkhidmatan beliau sebelum ini dalam Perkhidmatan Awam Sarawak termasuk menjawat Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial, Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri. Antara November 2002 dan September 2003, beliau dipinjamkan ke Amanah Saham Sarawak Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya. Sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan Kerajaan Negeri Sarawak, beliau berkhidmat dalam pelbagai Lembaga termasuk MLNG3 dan MIDA. Kini, beliau menganggotai Lembaga Pengarah syarikat senaraian awam dan pelbagai syarikat berkaitan Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Lembaga Pengarah



DATO DR. NIK RAMLAH NIK MAHMOOD

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur | Warganegara
66 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
1 Januari 2019

Mesyuarat
Lembaga
Pengarah



DATO' JOHAN ARIFFIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur | Warganegara
63 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
1 Januari 2019

Mesyuarat
Lembaga
Pengarah



KELAYAKAN

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- United Malacca Berhad, Axiata Group Berhad, Edotco Group Sdn Bhd, Institute for Capital Market Research Malaysia (ICMR) dan International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

PENGALAMAN KERJA

Dato Dr Nik Ramlah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 dan Amanah Saham Nasional Berhad pada 1 Januari 2017. Beliau bersara pada bulan Mac 2016 setelah bekerja di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) selama hampir 23 tahun dengan memegang pelbagai jawatan daripada Pengurus Pembaharuan Undang-undang kepada Timbalan Ketua Eksekutif. Sepanjang tahun beliau berkhidmat di SC, Dato Dr. Nik Ramlah terlibat secara langsung dalam kebanyakan bidang pembangunan dan pengawalseliaan pasaran modal, menyediakan panduan strategik dan undang-undang dalam pembangunan produk dan pasaran, pasaran bon, pengurusan dana, tadbir urus korporat dan Kewangan Islam. Sebelum menyertai SC, Dato Dr. Nik Ramlah merupakan Profesor Madya di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya yang pernah berkhidmat sebagai Timbalan Dekan.

KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dari University of Miami, Coral Gables, Florida, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dari Indiana University, Bloomington Indiana, Amerika Syarikat

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), Mitraland Group of Companies, Etiqa Insurance Pte Ltd dan Etiqa Life Centre for Insurance (Cambodia) Plc
- Etiqa Family Takaful Berhad dan Maybank Ageas Holdings Berhad

PENGALAMAN KERJA

Dato' Johan dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019. Beliau memulakan kerjayanya di Bahagian Hartanah Citibank. Selepas itu, beliau memegang pelbagai jawatan kanan dalam beberapa syarikat subsidiari senaraian awam sambil menceburi sendiri bidang perundingan pemasaran dan pengiklanan serta perniagaan pembangunan hartanah yang berjaya. Kemudiannya beliau mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum mengetuai TTDI Development Sdn Bhd sehingga Januari 2009. Beliau juga berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad selama sembilan tahun sehingga April 2018 dan Sime Darby Property Berhad sehingga Jun 2020. Beliau merupakan Pengerusi Battersea Project Holding Company Limited dari September 2015 hingga September 2018.

Lembaga Pengarah



DATIN NORAZAH MOHAMED RAZALI
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur | Warganegara
52 | **Malaysia**

Tarikh Lantikan
6 Mei 2021

Mesyuarat
 Lembaga
 Pengarah



KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Pengurusan, Imperial College Business School, Universiti London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Diploma Pengurusan, Imperial College, United Kingdom

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Sime Darby Property Berhad dan MISC Berhad

MAKLUMAT LAIN

- Layak sebagai Peguambela dan Peguamcara untuk Mahkamah Tinggi Malaya
- Dijemput ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1994



PENGALAMAN KERJA

Datin Norazah binti Mohamed Razali dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad pada 6 Mei 2021.

Beliau memulakan kerjayanya dengan Tetuan Sidek, Teoh, Wong & Dennis sebagai peguamcara pada tahun 1994. Selepas memperoleh MBA di United Kingdom, beliau kembali ke Asia Tenggara dan menyertai firma perunding pengurusan Booz, Allen & Hamilton di Singapura. Kemudiannya, beliau menyertai Boston Consulting Group (BCG) pada tahun 2000 sebagai perunding yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Di BCG, Datin Norazah dinaikkan pangkat sebagai Prinsipal pada tahun 2007. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Projek serta secara bergilir-gilir sebagai Ketua Pengambilan untuk Asia Pasifik.

Beliau dipilih sebagai Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan BCG pada tahun 2010 serta ahli pasukan Kepimpinan Eksekutifnya untuk Asia Tenggara. Sebagai Rakan Kongsi, beliau menjalankan pelbagai peranan kepimpinan dalam firma itu termasuk, menerajui BCG Malaysia dari tahun 2011 sehingga 2014 dan Amalan Sektor Awam di Malaysia dari tahun 2012 hingga 2017.

Walaupun tidak lagi menjadi Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan di BCG, Datin Norazah kekal sebagai Penasihat Kanan (Amalan Sektor Awam, BCG Malaysia) iaitu peranan yang dipikul beliau sejak Ogos 2017. Beliau memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam menasihati pelanggan sektor swasta dan awam mengenai transformasi dan pertumbuhan, penstrukturan semula serta pembangunan bakat.



Pasukan Kepimpinan



*Menyampaikan Strategi Kami,
Memacu Prestasi*



Pasukan Kepimpinan

AHMAD ZULQARNAIN ONN

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

1

Mengemudi keseluruhan pelaburan, kewangan, operasi dan hala tuju strategik PNB untuk memastikan pertumbuhan dan kemampanan perniagaan dalam mencapai mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia. Memastikan pelaksanaan visi dan misi syarikat untuk melindungi kepentingan jangka panjang pemegang saham, pemegang unit, kakitangan dan pihak berkepentingan yang lain.

DATO' MOHD. NIZAM ZAINORDIN

Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

2

Memimpin dan mengemudi perancangan kewangan, belanjawan, pelaporan dan proses pemulihan PNB, selain memantau semua polisi dan proses perolehan untuk memastikan PNB memiliki kekuatan dan kesinambungan kewangan untuk melaksanakan Pelan Strategik syarikat dan keseluruhan operasi perniagaan.

HANIZAN HOOD

Ketua Pegawai Pelaburan, Pasaran Awam

3

Bertanggungjawab menguruskan portfolio aset-aset awam PNB dan dana di bawah pengurusan yang merangkumi ekuiti awam domestik & global, pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang. Menerajui unit operasi utama iaitu Pengurusan Dana, Pendapatan Tetap, Analisis Pelaburan, Ekonomi, Operasi Pasaran Ekuiti, Perbendaharaan, Operasi Pelaburan dan Tadbir Urus. Hanizan juga merupakan Pengurus Dana yang Ditetapkan untuk dana di bawah pengurusan.

RICK RAMLI

Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Strategik & Persendirian

4

Mengemudi keseluruhan aktiviti operasi dan pelaburan yang merangkumi empat bidang utama iaitu Pelaburan Strategik, Pengawasan Pelaburan, Hartanah dan Pelaburan Ekuiti Persendirian. Tanggungjawab utama termasuklah menerajui penglibatan dengan syarikat Strategik dan Teras PNB, selain mengemudi keputusan pelaburan yang melibatkan kelas kecil aset di bawah portfolio Hartanah dan Ekuiti Persendirian bagi mencapai objektif pelaburan jangka panjang.

MOHAMMAD HUSSIN

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

5

Memimpin ASNB dalam mengembang dan melaksanakan strategi perniagaan secara keseluruhan untuk menguruskan simpanan masyarakat Bumiputera dan rakyat Malaysia yang membolehkan perkongsian kekayaan korporat kepada pemegang unit. Ini dilaksanakan menerusi penawaran produk dan perkhidmatan yang komprehensif serta rangkaian saluran yang luas di seluruh negara yang bertujuan meningkatkan jangkauan produk dan perkhidmatan ASNB dan menambah baik pengalaman para pemegang unit.

SHAHIN FAROUQUE JAMMAL AHMAD

Ketua Kumpulan, Pelaburan Strategik

6

Memimpin penglibatan dengan syarikat Strategik dan Teras PNB berkaitan dengan pembentukan dan pelaksanaan bagi pelan penciptaan nilai termasuk inisiatif transaksional, operasi dan organisasi. Ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi prestasi keseluruhan dan meningkatkan kemampanan pulangan bagi pihak berkepentingan PNB.

MOHAMAD IDROS MOSIN

Ketua Kumpulan, Hartanah

7

Memimpin dan menyelia pelaburan dan operasi hartanah PNB, termasuk aktiviti perbankan tanah, projek pembangunan, hartanah pelaburan, hospitaliti, aset pemulihan di negara ini serta dana pemilikan dan hartanah antarabangsa.

MOHD IRWAN AHMAD MUSTAFA@MUSTAFA

Ketua Kumpulan, Pelaburan Persendirian

8

Memimpin dan mengurus semua pelaburan ekuiti persendirian PNB di bawah Rangka Kerja Pelaburan Persendirian berstruktur yang membolehkan penggunaan yang berkesan dan konsisten dalam kelas aset ini melalui pelaburan langsung dan pelaburan dana global.

FADZIHAN ABBAS MOHAMED RAMLEE

Ketua Pegawai Strategi

9

Memimpin pembangunan Pelan Strategik PNB serta memantau pelaksanaannya untuk memastikan organisasi mengekalkan tumpuan strategiknya. Beliau juga memimpin fungsi Perumpukan Aset Strategik dan Transformasi yang bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan perumpukan aset jangka panjang PNB, penilaian prestasi dan menjajarkan proses pengurusan utama dengan strategi.

MUZZAFFAR OTHMAN

Ketua Pegawai Teknologi

10

Memimpin pembentukan dan pelaksanaan strategi IT dan transformasi digital seluruh organisasi PNB, memacu pembangunan standard teknologi syarikat, proses tadbir urus dan pengukuran prestasi. Beliau juga memastikan penyelarasan strategi IT dengan strategi perniagaan keseluruhan dan penyampaian keupayaan yang diperlukan untuk mencapai kejayaan perniagaan.

Pasukan Kepimpinan

NORHANIFAH A. JALIL

Ketua Kumpulan, Modal Insan

11

Mengemudi pembangunan strategi Modal Insan PNB dan memacu pelaksanaan rangka kerja Modal Insan yang bertujuan untuk memupuk bakat dan menyampaikan kecekapan. Memastikan aliran bakat yang berterusan dalam mendukung agenda kepimpinan PNB menerusi program biasiswa dan rangka kerja pengurusan bakat. Menerajui inisiatif pembudayaan yang membangunkan tenaga kerja berprestasi tinggi di PNB.

SUZANA AHMAD

Ketua Pegawai Risiko

12

Memimpin pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) seluruh Kumpulan PNB. Perkara ini dapat dilakukan dengan merumuskan selera risiko dan infrastruktur yang koheren untuk menyokong strategi pengurusan risiko, perancangan dan pembangunan satu sistem pencegahan dan pemulihan dari ancaman berpotensi serta melaporkan isu-isu pengurusan risiko seluruh organisasi untuk menyokong proses membuat keputusan dan pengawasan risiko yang berkesan.

NIMMI KAMAL

Ketua Kumpulan, Hal Ehwal Awam

13

Bertanggungjawab untuk menyatukan komunikasi strategik organisasi, kelestarian dan pengurusan pihak berkepentingan. Sebagai penjaga jenama korporat PNB, beliau mempertahankan reputasi PNB sebagai firma pelaburan distinktif bertaraf dunia dan memacu formulasi dan pelaksanaan inisiatif penjenamaan. Beliau juga berada di barisan hadapan dalam amalan ESG organisasi, berkolaborasi dan menyepadukannya dalam usaha organisasi menuju ke arah Masa Depan Sifar Bersih.

HARTINI ZAINAL ABIDIN

Ketua Kumpulan, Setiausaha Syarikat & Undang-undang

14

Mengawasi dan memimpin fungsi kesetiausahaan syarikat dan penyediaan nasihat undang-undang kepada PNB dan kumpulan syarikatnya serta menguruskan proses perniagaan Jabatan Setiausaha Syarikat dan Jabatan Undang-undang.

FAIRUZ SUZANA HJ. KAMARUDDIN

Ketua Kumpulan, Pematuhan & Integriti

15

Memimpin Bahagian Pematuhan & Integriti dan memikul tanggungjawab utama dalam merancang dan melaksanakan Program Pematuhan dan Integriti untuk Kumpulan PNB dalam memastikan kepatuhan sepenuhnya terhadap semua keperluan pengawalseliaan, polisi dan prosedur dalaman yang relevan dalam operasi perniagaan selain mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dan piawaian etika.

NORAMLY BACHOK @ ABDUL AZIZ

Ketua, Asurans Dalaman

16


Memimpin fungsi audit dalaman untuk memberikan jaminan bebas dan objektif serta aktiviti perundingan dengan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses tadbir urus, pengurusan risiko, kawalan dalaman dan sistem pengurusan kualiti dalam Kumpulan.

DR. AHMAD BASRI IBRAHIM

Ketua, Pengurusan Syariah

17

Memimpin Jabatan Pengurusan Syariah yang memikul peranan Sekretariat kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB, dan menguruskan semua perkara kewangan Islam dan berkaitan Syariah dalam Kumpulan PNB serta mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi kepatuhan Syariah bagi produk unit amanah ASNB.



Perutusan Kepimpinan

PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN

*Pemegang-Pemegang
Unit Amanah Yang
Dihormati,*

Tahun 2021 kita akhiri bersama-sama saya sebagai Pengerusi Kumpulan kali pertama, dan sekali lagi daya ketahanan dan ketangkasan menjadi sorotan penting dalam pembangunan syarikat kita. Dengan satu lagi tahun yang mencabar, marilah kita merenung secara positif sejauh mana pencapaian kami dalam membentuk perniagaan kami bagi memenuhi kedua-dua jangkaan masyarakat terhadap kita dan mandat sosial kita. Mandat sosial tersebut - untuk meningkatkan kekayaan masyarakat Bumiputera dan semua rakyat Malaysia - tidak berubah dalam semua yang kami lakukan dan pengaruhnya menjangkau jauh. Pendirian kami adalah untuk melabur secara berkesan, mengenal pasti impak kuat peruntukan modal dalam memudahkan hasil positif, bukan sahaja untuk masyarakat sekeliling kita tetapi juga untuk persekitaran di mana kami beroperasi dan industri yang akan membentuk masa depan kita.



Tun Arifin Zakaria
Pengerusi Kumpulan

Perutusan Pengerusi Kumpulan

PNB terus menyampaikan pulangan yang berpatutan kepada semua pemegang unit kami dan penghargaan harus diberikan kepada usah gijih warga kerja kami yang dihormati dan komited.

MENYAMPAIKAN PERTUMBUHAN STRATEGIK


Walaupun berhadapan dengan persekitaran kewangan yang mencabar, PNB terus memberikan pulangan yang berpatutan kepada pemegang unit kami. Penghargaan sewajarnya diberikan kepada usaha gigih warga kerja kami yang dihormati dan komited. Sepanjang tahun ini, kami melihat peningkatan ketara didorong oleh strategi kepelbagaian berterusan dana. Ia telah menjana prestasi kukuh daripada pelaburan ekuiti globalnya dalam keadaan pasaran ekuiti domestik yang lebih lemah. Bagi tahun laporan ini, pelaburan luar negara PNB membentuk 17.0% daripada portfolio berbanding 8.5% pada tahun 2019. Pelaburan dalam pendapatan tetap pula meningkat daripada 6.4% pada tahun 2019 kepada 6.5% manakala pelaburan dalam hartanah meningkat daripada 3.4% pada tahun 2019 kepada 5.2% pada tahun 2021. Terdapat ganjaran yang ketara daripada kepelbagaian ini yang terhasil daripada prestasi yang lebih baik secara relatif daripada semua pelaburan baharu ini. Melangkah ke hadapan, portfolio yang lebih pelbagai ini, termasuk dalam industri baharu yang semakin penting dalam tempoh pasca COVID-19 dan keupayaan pengurusan risiko kami yang dipertingkatkan, akan meningkatkan potensi untuk prestasi masa hadapan yang lebih baik.

MENJANA NILAI MASA DEPAN MENERUSI KELESTARIAN DAN PENGAWASAN


Kami komited dalam mematuhi pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam keseluruhan operasi kami. Hasrat kami adalah untuk menyelaraskan ESG secara sistematik ke dalam semua aktiviti pelaburan; untuk mengekalkan komunikasi ESG yang telus dengan pihak berkepentingan; dan untuk memastikan tingkah laku korporat kami mempamerkan amalan ESG yang kukuh. Sehubungan dengan perkara ini, kami melancarkan Rangka Kerja Kelestarian buat julung kalinya pada April 2022 yang dihasilkan daripada semakan dalaman yang intensif, dalam usaha kami untuk memahami isu-isu yang penting kepada perniagaan kami dan pihak berkepentingan kami, yang meliputi pemegang unit, kakitangan, syarikat portfolio dan masyarakat yang lebih luas. Bersama dengan sokongan tadbir urus yang kukuh, kami melihat potensi terbesar untuk PNB memberi impak dalam bidang perubahan iklim, kepelbagaian dan keterangkuman. Semua ini merupakan tiga teras aspirasi kelestarian kami dan saya percaya bahawa dengan terus menjadikan teras-teras ini penanda aras adalah penting untuk perniagaan kami dan komuniti pihak berkepentingan kami. Di samping tiga aspirasi kelestarian ini, terdapat sepuluh komitmen julung kali kami yang bakal mendorong kami untuk menjadi Syarikat Sifar Bersih menjelang tahun 2025, dengan Portfolio Sifar Bersih menjelang tahun 2050 dan RM10 bilion dalam aset Hijau dan Peralihan baharu menjelang tahun 2030. Berkenaan dengan perspektif Sosial, kami komited untuk mengguna pakai polisi Gaji Kehidupan Wajar untuk kakitangan kami sendiri, menerbitkan kertas polisi hak buruh, memacu sekurang-kurangnya 40% penyertaan wanita dalam kepimpinan PNB, dan mengimbangi aktiviti untuk keuntungan dan pelaburan sosial. Akhir sekali, kami menganjurkan amalan tadbir urus yang baik dengan mewujudkan model pengawasan triple bottom line (memberi perhatian terhadap keuntungan, orang dan planet), memacu ketelusan yang lebih tinggi dalam pengundian dan memastikan pendedahan pelaporan kami sejajar dengan Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD).

PNB mempunyai komitmen jangka panjang untuk menyampaikan pulangan kewangan yang mampan sebagai sebahagian daripada mandat kami bagi meningkatkan kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia serta meningkatkan penyertaan mereka dalam sektor korporat. Namun begitu, kami menyedari bahawa apa yang berjaya membawa kami ke tahap pada hari ini tidak lagi mencukupi untuk membawa kami ke masa hadapan. Dalam dunia dengan perubahan pesat dan cabaran-cabaran sistematik, seperti perubahan iklim, penggunaan sumber yang tidak mampan dan ketaksamarataan sekadar menyebut beberapa contoh, memenuhi mandat kami dan menyampaikan pulangan menjadi semakin mencabar. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja menimbulkan risiko kepada portfolio kami tetapi juga memberi kesan kepada komuniti kami dan persekitaran tempat kami beroperasi. Di PNB, kami sedang berusaha untuk bekerjasama dengan syarikat pelaburan kami dalam membangunkan rancangan penciptaan nilai yang akan memastikan pertumbuhan mampan prestasi operasi dan kewangan mereka. Terdapat tekanan yang tinggi bagi syarikat-syarikat ini untuk bukan sahaja mencapai prestasi kewangan tetapi juga menyepadukan aspek ESG ke dalam perniagaan mereka. Rangka kerja pengawasan dan kelestarian PNB merupakan dua bidang tumpuan dalam membantu mencipta nilai untuk pihak berkepentingan kami.


PENINGKATAN PELABURAN LUAR NEGARA



PENINGKATAN PELABURAN PENDAPATAN TETAP



PENINGKATAN PELABURAN HARTANAH



Perutusan Pengerusi Kumpulan



Pelancaran Minggu Saham Digital 2021.

MENYUMBANG KEMBALI KEPADA MASYARAKAT

Sejak penubuhannya, PNB sentiasa memainkan peranan penting dalam pembinaan negara. Kami melaburkan masa, kepakaran dan pembiayaan ke dalam program jangka panjang untuk membantu dalam pembinaan masyarakat yang lebih berdaya tahan dan mampan. Bersama warisan yang membanggakan dalam melakukan perubahan dan mencipta impak positif berpanjangan, kami memahami akan kepentingan untuk PNB menjadi pemain peranan yang aktif dan sentiasa terlibat sama. Teras untuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami iaitu Pendidikan, Peningkatan Komuniti, Literasi Kewangan dan Perkongsian Pengetahuan membawa kepada beberapa program yang direka bentuk untuk menyampaikan manfaat sebenar dan ketara kepada pihak berkepentingan kami ketika kami menangani keperluan masyarakat.

Kami menyasarkan untuk memecahkan halangan dan mewujudkan dunia yang memberikan peluang adil kepada semua orang bagi memaksimumkan potensi mereka. Melalui teras pendidikan program kami, kami membantu masyarakat dalam membuat persediaan untuk masa depan. Antara program-program ini ialah Biasiswa Global PNB dan Anugerah Yayasan Tun Ismail yang berjaya melahirkan lebih 400 orang sarjana sejak dilancarkan. Selain itu, kami menawarkan biasiswa melalui Inisiatif Akauntan Bertauliah PNB, Anugerah Biasiswa Anak Kakitangan PNB, Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu dan program Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI).

Di PNB, kami percaya bahawa literasi kewangan yang lebih baik dapat memupuk pembangunan ekonomi yang lebih padu. Memandangkan pelbagai kuasa pasaran

mempengaruhi ekonomi global dan pasaran kewangan, maka menjadi lebih mahir dalam hal kewangan boleh memperkasakan rakyat Malaysia dalam membuat keputusan kewangan yang lebih bijak. Minggu Saham Digital (MSD) sulung kami pada tahun 2020, yang merupakan suatu adaptasi digital untuk Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), merupakan satu kejayaan yang memberangsangkan apabila mencapai sejumlah 2.2 juta tontonan dan memperoleh 7.5 juta kunjungan unik. MSD dipacu berdasarkan dua tema menyeluruh, iaitu rangkuman matlamat pendidikan dalam setiap program untuk memasukkan lebih banyak kandungan literasi kewangan dan memperhalusi kandungan kami bagi sasaran lapisan masyarakat yang berbeza sebagai usaha menggalakkan penyertaan digital yang lebih besar.

Selain itu, menerusi ASNB, kami menganjurkan pelbagai program seperti Fiesta Labor, Kuiz Pelaburan dan Seminar 360. Setiap program bertujuan menyampaikan pengetahuan tentang literasi kewangan dan berkongsi maklumat tentang produk dan perkhidmatan ASNB. Ketiga-tiga program ini dialihkan ke platform dalam talian ekoran sekatan COVID-19, namun ia tetap mendapat sambutan baik daripada orang ramai.

PNB juga menganjurkan dua forum pengetahuan pada tahun 2021. Setiap satunya dianjurkan menerusi platform maya dan menampilkan beberapa penceramah tempatan dan luar negara yang terkenal. Forum tersebut merangkumi topik *Rising Above COVID-19: Reimagining Work in Malaysia & Beyond* dan *Climate Change: A New Green Deal for Malaysia*.

Selain itu, kami bekerjasama dengan beberapa kementerian, NGO dan agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan barisan hadapan kepada masyarakat kita dan kami berbesar hati dapat memainkan peranan kecil ketika masyarakat kita memerlukan bantuan pada tahun ini. Pada tahun 2021, kami menderma sebanyak RM24.5 juta untuk memastikan perkhidmatan barisan hadapan dapat terus menyampaikan sokongan kritikal mereka kepada mereka yang memerlukan. Ini termasuk Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Yayasan Sejahtera dan Yayasan Ikhlas dan Ikatan Pengamal Perubatan Muslim Malaysia (I-MEDIK). Selain itu, bantuan kewangan berjumlah RM7.9 juta turut disalurkan kepada Program Bantuan Banjir pada tahun 2021.

MENGEKALKAN KEKUATAN LEMBAGA PENGARAH KAMI

Kejayaan jangka panjang perniagaan kami sangat bergantung kepada cara Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawabnya kepada pihak berkepentingannya. Ini bermakna pengoperasian bukan sahaja untuk kepentingan pelanggan dan pemegang saham tetapi juga dengan cara yang mengakui peranan yang kita perlu mainkan dalam masyarakat yang lebih luas. Ia termasuk perkara yang berkaitan dengan mereka yang bekerja dengan kami dan banyak kumpulan serta individu secara lebih meluas, daripada keperluan untuk memupuk hubungan perniagaan syarikat dengan pembekal sehingga kepada kesan operasi kami terhadap masyarakat setempat kami.

Pada bulan Mei, kami mengalu-alukan penyertaan Datin Norazah Mohamed Razali ke Lembaga Pengarah. Datin Norazah membawa bersama beliau pengalaman dua dekad dalam jawatan kepimpinan dalam perundingan, khususnya semasa beliau berkhidmat di Boston Consulting Group. Menyertai Jawatankuasa Kesenian PNB pada tahun ini ialah Dato' Nafisah Radin dan Cik Suridah Jalaluddin. Ahli baharu Jawatankuasa Penasihat Syariah termasuk Encik Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali dan Profesor Dr. Mohamad Akram Laldin. Amat mendukacitakan, Tan Sri Dato' Seri Dr Haji Harussani Haji Zakaria, yang merupakan ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, meninggal dunia pada tahun 2021. Kami terhutang budi atas sumbangan besar Allahyarham Tan Sri Dato' Seri kepada Kumpulan dan kami yakin bahawa warisan beliau akan kekal diingati. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan pemegang saham, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga beliau dan berterima kasih atas dedikasi dan komitmen beliau sepanjang tempoh transformasi dalam sejarah syarikat.

Perutusan Pengerusi Kumpulan

WARGA KAMI

Kejayaan PNB dibina berdasarkan reputasi dan nilai kami, model perniagaan kami yang pelbagai, kekuatan kewangan kami dan yang paling penting, pada kualiti, profesionalisme dan komitmen warga kakitangan kami. Walaupun masih banyak yang perlu kami lakukan sebagai sebuah organisasi ketika kami berhadapan dengan tahap gangguan yang tinggi dan ketidakpastian pasaran, kami tidak mungkin mampu menyampaikan hasil ini atau menyumbang kepada masyarakat yang lebih luas seperti yang kami lakukan jika tidak kerana warga kami yang bangkit menghadapi semua cabaran pada masa yang luar biasa ini. Bagi pihak Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, saya ingin merakamkan penghargaan atas semua yang mereka telah lakukan dan bakal lakukan untuk PNB.

MERDEKA 118

Kemeriahan Merdeka 118 mencapai tahap tertinggi pada tahun laporan ini dengan penyempurnaan puncak yang merupakan bahagian terakhir struktur luar menara. Pencapaian penting ini diraikan pada satu majlis rasmi yang disempurnakan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 30 November 2021. Keseluruhan kemajuan pembinaan menara berada pada tahap 90% pada bulan April 2022 dengan menara berada pada sasarnya untuk siap dibina pada suku keempat tahun 2022. Dengan selesai pembinaannya, Merdeka 118 akan mengambil tempat yang sepatutnya sebagai sebuah landskap ikonik baharu Malaysia. Ia bukan sekadar sebuah menara pejabat, tapi akan menjadi suatu pembangunan yang dibezakan dengan komponen besar pelancongan (The View at 118) dan lokasinya yang bersebelahan dengan pusat bersejarah yang pernah menyaksikan negara mengisytiharkan kemerdekaannya. Memandangkan terdapat banyak komponen pada Merdeka 118, kami menjangkakan pulangan mampan jangka panjang daripada keseluruhan pembangunan dan menjangka dapat meraih hasil pelaburan ini dalam tempoh 10 hingga 15 tahun.

MEMANDANG KE HADAPAN

Kami melihat sinar harapan pada penghujung tahun 2021, selepas berhadapan dengan landskap makro ekonomi yang mencabar pada sebahagian besar tempoh tahun ini. Ekonomi di seluruh rantau ini mula dibuka ekoran pencapaian kadar vaksinasi yang kukuh, membawa harapan bahawa ia bukan sahaja akan kekal dibuka secara konsisten sepanjang tahun 2022 tetapi bakal membuka jalan bagi penarikan semula semua sekatan kawalan sempadan di seluruh dunia.

Rantainya bekalan kekal berada dalam tekanan kerana ia disusun semula untuk keselamatan bekalan dan juga pemulihan permintaan mendedahkan kekurangan komponen kritikal, seperti mikrochip. Tekanan inflasi berleluasa dalam pengangkutan, logistik, tenaga dan

pemprosesan makanan serta beberapa industri lagi. Keyakinan bahawa tekanan inflasi seperti itu bersifat sementara semakin surut di kebanyakan negara dengan jangkaan mengenai masa dan berapa banyak kadar faedah akan dinaikkan.

Kami menjangkakan pertumbuhan KDNK global sebenar yang positif pada tahun 2022, yang akan terus tidak sekata di seluruh rantau ini. Pertumbuhan dalam ekonomi maju utama (iaitu AS, Zon Euro, UK, Jepun) dijangka menyederhana berikutan kesan yang pudar daripada program rangsangan monetari dan fiskal yang besar, keadaan kewangan yang lebih ketat, tekanan inflasi dan konflik Ukraine. Sebaliknya, pertumbuhan ASEAN-6 dijangka berkembang ekoran pemulihan ekonomi yang lebih meluas dan mampan dengan pembukaan semula ekonomi dan sempadan domestik, pengembangan berterusan dalam permintaan global dan domestik, dan keadaan pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik daripada jangkaan yang menyokong perbelanjaan domestik.

Prospek secara universal tidaklah muram. Terdapat banyak tanda yang menggalakkan sebelum peningkatan kekacauan geopolitik baru-baru ini. Banyak yang dipelajari semasa pandemik mengenai amalan kerja, baik untuk syarikat mahupun individu yang boleh memacu produktiviti yang diperlukan untuk membina ekonomi berpendapatan tinggi yang kita inginkan.

Sungguhpun begitu, masa sukar pasti ada pada masa di hadapan dan kini sudah sampai masanya untuk bersyukur di atas kekuatan modal kami. Kami memasuki tempoh ini dengan sebuah pasukan kepimpinan yang cergas sejajar dengan tumpuan strategik kami dan bakat manusia yang ramai yang komited untuk menyokong pemegang unit kami ketika mereka mengharungi landskap geopolitik baharu dan tidak diinginkan.

Pada peringkat Lembaga Pengarah, kami kekal komited untuk menyokong pelaburan dalam wawasan, inovasi dan bakat yang diperlukan untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingan dan menyokong pertumbuhan masa depan yang akan memberikan nilai yang mampan dalam jangka panjang.

PENGHARGAAN

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli lembaga pengarah PNB dan ASNB atas kebijaksanaan mereka dalam membantu mengemudi syarikat dalam memastikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pasukan pengurusan di bawah kepimpinan Encik Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, atas usaha gigih dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam mengemudi syarikat dengan jayanya pada masa yang mencabar ini. Semoga rahmat Allah bersama kita semua.

TUN ARIFIN ZAKARIA



Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada majlis penyempurnaan puncak menara Merdeka 118.

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN



Ahmad Zulqarnain Onn
Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

*Pemegang-Pemegang
Unit Amanah Yang
Dihormati,*

Tahun 2021 merupakan tahun pertumbuhan yang membanggakan meskipun kita menghadapi keadaan luaran yang unik.

Ia merupakan tahun yang mencabar dalam pelbagai perkara, namun tekanan-tekanan ini juga telah membawa perubahan yang besar. Kita telah melihat peralihan ketara ke arah penggunaan digital akibat pandemik yang mengubah tingkah laku pengguna, di samping peningkatan pesat dalam kepentingan isu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi pengguna, pelabur dan pembuat dasar. Oleh itu, dalam tahun yang diselangi dengan perubahan, PNB telah bertindak balas dengan kekuatan dan daya tahan untuk memberikan nilai kepada pihak berkepentingan kami. Kami kekal fokus pada pelaksanaan strategi jangka panjang kami, yang telah menghasilkan pulangan positif dan memberikan sumbangan pendapatan yang lebih besar daripada aset pelaburan global dan dividen yang tinggi daripada pelaburan domestik.

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Pencapaian Utama pada tahun 2021

Aset di Bawah Pengurusan (AUM) kami meningkat daripada RM322.6 bilion pada tahun 2020 kepada RM336.7 bilion pada tahun 2021. Unit dalam Edaran meningkat daripada 264 bilion unit kepada 276.2 bilion unit dalam tempoh yang sama dalam tahun tinjauan. Kepercayaan dan keyakinan rakyat Malaysia terhadap PNB dicerminkan dalam peningkatan jumlah pemegang akaun bagi semua 16 dana ASNB, daripada 14.5 juta pada tahun 2020 kepada 14.8 juta pada tahun 2021. PNB juga terus memberikan pulangan yang kompetitif kepada pemegang unit kami pada tahun 2021, dengan jumlah pembayaran RM12.3 bilion untuk semua dana. Dana Unit Amanah (UTF) harga tetap kami terus menunjukkan prestasi melebihi penanda aras kadar Deposit Tetap 12 bulan Maybank, manakala UTF harga berubah mencatat jumlah pulangan yang lebih baik berbanding pulangan harga tahunan KLCI.

Aset di Bawah Pengurusan kini berjumlah RM336.7 bilion

Aset di Bawah Pengurusan
(RM bil)


298.5 +4.5% 312.0 +3.4% 322.6 +4.4% 336.7

	2018	2019	2020	2021
Proprietari	46.9	47.9	49.6	51.3
UTF	251.6	264.1	273.0	285.4


Dana utama kami ASB, kekal sebagai alat simpanan dan pelaburan penting untuk Bumiputera dan menjadi satu keperluan asas untuk perancangan kewangan, meningkatkan unit dalam edarannya kepada 181.9 bilion unit, seiring dengan bilangan pemegang unit yang meningkat kepada 10.4 juta. ASB terus memberikan pulangan yang mampan dan berdaya saing, dengan mengatasi penanda aras kadar Deposit Tetap 12 bulan Maybank dan pulangan tahunan KLCI. Selaras dengan ekonomi global dan pasaran yang pulih daripada persekitaran pasca pandemik, ASB akan terus memainkan peranan penting dalam membina kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia.

Unit dalam Edaran ASB meningkat kepada 181.9 bilion unit, dengan bilangan pemegang unit meningkat kepada 10.4 juta

Unit dalam Edaran
(bilion unit)



Bilangan Pemegang Akaun
(juta)



MENCAPAI KEMAJUAN STRATEGIK SEPANJANG TAHUN


Kepelbagaian

Kami terus melaksanakan strategi Focus 4 kami dengan melabur untuk pertumbuhan yang kukuh dan pelbagai. Dengan matlamat untuk memastikan portfolio yang berdaya tahan dalam semua keadaan, strategi kepelbagaian global kami membuahkan hasil yang positif, dengan sumbangan yang lebih tinggi daripada ekuiti antarabangsa.

Walaupun portfolio kami secara tradisinya tertumpu kepada ekuiti domestik, kami telah membuat kemajuan yang besar dalam mengembangkan dan mempelbagaikan portfolio kami ke arah pelbagai geografi dan kelas aset yang lebih luas bagi melindungi pelaburan kami daripada keadaan pasaran yang turun naik dan tidak menentu.

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Strategi kepelbagaian kami berjalan dengan baik seperti yang dirancang:



Pada tahun 2021, kami mengambil bahagian dalam enam IPO antarabangsa, yang telah meningkatkan keterlihatan jenama PNB dalam pasaran modal ekuiti antarabangsa.

Pasukan Pelaburan Dana Global kami bekerjasama dengan pengurus dana Ekuiti Persendirian (PE) global untuk mempelbagaikan dan meningkatkan lagi pendedahan PNB melalui komitmen ke dalam dana Ekuiti Persendirian global merentasi pelbagai strategi dan rantau. Bahagian Pasaran Persendirian mempunyai sasaran penggunaan dan komitmen dana tahunan hampir USD1 bilion, dengan kira-kira 30% disalurkan melalui Program Langsung/Pelaburan Bersama, dan kira-kira 70% melalui komitmen dana dalam Program Pelaburan Dana Global (GFI).

Sejak pelaksanaan Rangka Kerja Pelaburan Persendirian (PIF) pada tahun 2017, PNB telah mencatat pencapaian penting komitmen pelaburan dengan 28 dana dan tiga Akaun Terurus Terpisah (SMA), serta 14 pelaburan langsung dan bersama. Usaha penggunaan dana yang dipercepatkan membolehkan kepelbagaian yang berkesan merentasi Amerika Utara, Eropah dan Asia Pasifik dalam pelbagai strategi Ekuiti Persendirian termasuk Pengambilalihan (Buyout), Pertumbuhan (Growth), Sekunder (Secondaries) dan Pelaburan Bersama (Co-Investments). Sehingga kini, pendedahan dalam pasaran ekuiti awam antarabangsa dipelbagaikan dengan baik dalam banyak sektor di kedua-dua Pasaran Maju (DM) dan Pasaran Baharu Muncul (EM). Pendedahan ekuiti awam antarabangsa kami telah meningkat dua kali ganda dari tahun 2020 kepada sekitar 40% pada tahun 2021. Pada tahun 2021, kami membuat komitmen sekitar RM600 juta ke dalam lapan dana baharu bersama lapan pengurus PE terkenal dan turut meluluskan lapan pelaburan bersama.

Dengan peruntukan yang lebih tinggi sebanyak 5.2% pada TK2021 daripada 4.3% pada tahun sebelumnya, portfolio Hartanah kami terus menyalurkan modal ke dalam dana hartanah global di pelbagai negara dan segmen selaras dengan Rangka Kerja Pelaburan Hartanah kami. Kira-kira 12% dana dilaburkan buat masa ini di Amerika Utara, 26% di Eropah dan 15% di Asia Pasifik, tidak termasuk Malaysia, dan dalam pelbagai sektor hartanah, termasuk logistik dan pejabat bagi merebut peluang meneroka rantai bekalan dan hartanah logistik. Pada tahun 2021, kami membuat komitmen pelaburan bernilai kira-kira RM17.6 bilion ke dalam lapan portfolio domestik dan di seluruh dunia.

Walaupun kami memfokuskan pelaburan kami pada pertumbuhan mampan dan sektor bertahan yang mampu memberikan hasil yang stabil dan berulang sebagai penahan terhadap sebarang ketidakpastian pasaran semasa, kami masih melabur sepenuhnya dalam pasaran domestik kita. Dalam membina portfolio yang mampu bertahan dalam semua keadaan, kami mempertimbangkan perumpukan aset yang tepat untuk menjana pulangan yang mampan. Kami terus menerajui kebanyakan IPO terbesar di Malaysia dan melabur dalam pelaburan hartanah, terutamanya dalam bidang logistik yang berkembang pesat dengan momentum yang dihasilkan daripada e-dagang. Pada tahun 2021, kami mengambil bahagian sebagai pelabur penyokong dalam dua IPO di Malaysia.

Kami sentiasa mencari peluang usaha niaga yang menarik di Malaysia dan mencari syarikat dengan bukti kelayakan ESG yang kukuh, berkembang maju mengikut arah aliran mega dan yang akan mendapat manfaat daripada pembukaan semula ekonomi. Selain itu, antara peluang-peluang lain yang akan kami terokai ialah Sekuriti Hutang Persendirian (PDS) dan Sukuk.

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

PENCIPTAAN NILAI

Di bawah teras Focus 4 kami yang kedua, Rangka Kerja Pengawasan yang dilancarkan pada tahun 2020 menggariskan komitmen kami terhadap aktivisme Pemegang Saham. Dengan pendekatan kepada komunikasi penerima pelaburan yang mempertimbangkan bidang disiplin modal, tadbir urus, kesihatan organisasi serta panduan untuk menjadi pelabur menambah nilai, Rangka Kerja ini membuahkan hasil yang menggalakkan setakat ini. Inisiatif-inisiatif sepanjang tahun dalam tinjauan termasuk:

1

surat Pemegang Saham Tahunan untuk menggariskan pandangan dan objektif PNB;

2

mesyuarat berkala dalam kalangan ahli Majlis Pelaburan Strategik untuk berkongsi amalan terbaik dan menjajarkan kepentingan;

3

menyampaikan Garis Panduan Pengundian PNB untuk menggalakkan persekitaran yang telus serta bertanggungjawab; dan

4

penerbitan Penyata Pematuhan PNB dengan Kod Pelabur Institusi Malaysia bagi memastikan piawaian tadbir urus korporat yang baik.

TRANSFORMASI ORGANISASI

Dalam menambah baik sistem teras kami dan meningkatkan perkhidmatan kepada pemegang unit melalui inisiatif digital yang dipercepatkan, kami terus memperkenalkan produk dan perkhidmatan digital untuk memudahkan proses pelaburan dan memanfaatkan kuasa teknologi digital untuk menggalakkan keterangkuman kewangan.

Sejak dilancarkan pada TK2020, aplikasi pelaburan mikro kami, Raiz Malaysia, telah membuka jalan kepada semua rakyat Malaysia untuk memulakan perjalanan simpanan mereka dengan mengumpul dan melaburkan secara automatik duit baki maya mereka ke dalam dana unit amanah harga berubah ASNB. Aplikasi ini berjaya menarik lebih 502,000 pendaftaran dan hampir 2.32 juta akaun pelaburan pada akhir TK2021. Jumlah dana di bawah pengurusan hampir mencecah RM38.5 juta. Ia satu hasil yang membanggakan daripada duit baki yang diabaikan.

Tahun dalam tinjauan ini juga menyaksikan pelancaran pendaftaran mudah alih dan ciri *onboarding* baharu (e-KYC), serta fungsi pelaburan berasaskan matlamat untuk aplikasi myASNB. Dengan lebih daripada 26,000 pemegang unit baharu membuat akaun baharu dan lebih daripada 45,000 pemegang unit sedia ada membuat akaun myASNB, pencapaian matlamat kewangan seseorang menjadi lebih lancar dan mudah untuk semua rakyat Malaysia yang melabur.

Target Labur ialah kemudahan pelaburan berasaskan matlamat dalam aplikasi myASNB yang membolehkan anda merancang pelbagai matlamat kewangan. Ciri ini menyediakan cadangan untuk jumlah pelaburan bulanan berdasarkan sasaran matlamat dan memberikan sorotan kemajuan anda ke arah matlamat anda. Target Labur terbuka kepada semua dana ASNB.

Ulisan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan



Pelancaran rasmi dana ASN Equity Global di Minggu Saham Digital 2021.

MENYEDIAKAN PILIHAN DAN MENINGKATKAN PENGALAMAN PEMEGANG UNIT KAMI

Meningkatkan pengalaman pemegang unit kami dan menyediakan pilihan selanjutnya menunjukkan komitmen kami untuk menjadi responsif dan proaktif terhadap keperluan Pemegang Unit kami. Dalam tempoh tinjauan, PNB melancarkan ASN Equity Global, dana ASNB pertama yang tertumpu sepenuhnya kepada ekuiti global dan Wakaf ASNB. Dana ini yang membuka peluang kepada pelabur ASNB untuk membuat amal kebajikan melalui dana unit amanah ASNB mereka.

ASN Equity Global ialah usaha kami dalam memperkenalkan konsep pelaburan kontemporari yang menyediakan pilihan untuk pelabur yang cenderung ke arah pelaburan global berasaskan aliran mega dan saham bertema untuk menjana pulangan jangka panjang. Bagi pelabur Malaysia yang mempunyai toleransi risiko yang lebih tinggi dan mencari pulangan yang lebih tinggi dalam jangka panjang, ASN Equity Global sangat sesuai dalam portfolio pelaburan mereka. Sukacita saya melaporkan bahawa sehingga kini, 836.75 juta unit telah dilanggan oleh 16,355 pelabur.

Dalam institusi seperti PNB, teras kewujudan kami terletak kepada kepercayaan yang diberikan ke atas kami - kepercayaan daripada kesemua rakyat Malaysia dan kepercayaan terhadap produk dan perkhidmatan kami. Dalam tempoh tinjauan, ASNB dilantik sebagai Mutawalli oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), yang pertama seumpamanya untuk institusi pengurusan unit amanah. Kepentingan pelantikan ini perlu diberi perhatian kerana ASNB diamanahkan untuk menguruskan dana wakaf untuk manfaat ummah dan masyarakat, dengan komitmen terhadap tadbir urus dan profesionalisme.

Dilancarkan semasa acara Minggu Saham Digital (MSD), Wakaf ASNB memberi peluang kepada pelabur ASNB untuk mendermakan unit amanah mereka melalui Wakaf. Dana-dana ini akan dikekalkan sebagai pelaburan utama untuk menjana potensi pulangan tahunan. Seterusnya, pulangan daripada pelaburan utama disalurkan kepada projek berkepentingan awam setiap tahun, meskipun selepas pelabur meninggal dunia. Pulangan itu akan disalurkan kepada projek-projek Wakaf dalam sektor kesihatan, pendidikan dan pemerkasaan masyarakat serta untuk misi kemanusiaan melalui proses penilaian dan pemilihan bersama oleh Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP.

MEMACU AGENDA KEMAMPANAN

Kami percaya bahawa perniagaan yang ditadbir dengan baik, berjalan dengan cara yang mampan, akan memberikan hasil keseluruhan yang lebih baik serta pulangan yang lebih kukuh dan lebih berdaya tahan kepada pemegang unit, dan faedah jangka panjang kepada masyarakat. Itulah sebabnya kami memberi pertimbangan sewajarnya kepada risiko Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan peluang yang berkaitan dengan perniagaan, bangunan dan infrastruktur di bawah pelaburan dan pengurusan kami.

Walau bagaimanapun, kunci kepada kelestarian jangka panjang kami bukan hanya tentang membuat perubahan dalam apa yang kami lakukan - ia juga tentang cara kami melakukannya. Ia bermakna mengambil berat tentang cara kita menjalankan perniagaan, kesannya kepada planet ini dan komuniti kita, dan peluang yang kita ada untuk mempengaruhi orang lain dengan cara kepimpinan melalui teladan. Oleh itu kepercayaan panduan kami tentang Kelestarian melibatkan:

• ESG memacu nilai jangka panjang

- Pertama, kami percaya bahawa dengan menyepadukan isu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) secara lebih sistematik dalam pelaburan dan operasi kami, kami akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk merebut peluang-peluang baharu sambil mengambil kira risiko yang berkembang pesat dalam memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami dan mengekalkan mandat sosial kami.

• Kepimpinan yang bertanggungjawab

- Kedua, kami juga percaya bahawa dengan saiz dan pengaruh kami, terutamanya dalam Malaysia dan rantau Asia Tenggara yang lebih luas, kami mempunyai peranan penting untuk membantu menangani cabaran sistemik yang dihadapi oleh komuniti dan pihak berkepentingan kami hari ini.

• Tindakan kolektif dan perkongsian

- Ketiga, kami sedar bahawa kami bersendirian tidak dapat menyelesaikan cabaran-cabaran ini. Hanya dengan tindakan kolektif dan perkongsian yang lebih besar antara sektor swasta dan awam, kita akan dapat memberi impak dunia yang nyata dan berkekalan serta menangani cabaran ini dengan berkesan.

• Kota apa yang dikata

- Keempat, untuk melihat perubahan pada orang lain, kita perlu mengubah diri kita terlebih dahulu, kotakan apa yang dikata.


• Kemajuan berbanding kesempurnaan

- Akhir sekali, dan yang paling penting, kami percaya tentang kemajuan berbanding kesempurnaan. Berdasarkan sains tentang perubahan iklim, komponen penting Rangka Kerja Kelestarian kami terus berkembang, dan perkara ini tidak akan menghalang kami untuk terus menambah baik komitmen kami.

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Pada 21 April 2022, kami memperkenalkan Rangka Kerja Kelestarian kami yang berpaksikan pada tiga teras ESG yang akan memacu perjalanan kelestarian kami ke hadapan. Ketiga-tiga teras disokong lagi oleh 10 komitmen yang akan menyaksikan kami meneruskan perjalanan penyahkarbonan dengan mengutamakan mencapai pelepasan sifar bersih pada peringkat organisasi, selain mengurangkan sumbangan pelepasan tidak langsung kami daripada portfolio kami.

Kami juga akan mengutamakan hak pekerja, sambil menjadi lebih telus tentang dasar pengundian kami serta rasional niat mengundi kami pada mesyuarat agung tahunan syarikat pelaburan kami.



Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Kami komited untuk menangani perubahan iklim dalam dua cara, pertama dengan menunjukkan kepimpinan dalam operasi kami dan kedua dengan mengurangkan pelepasan dan kepekatan karbon dalam portfolio kami sendiri dengan fokus ke atas dunia sebenar penyahkarbonan ke arah sifar bersih. Dalam operasi kami sendiri, kami telah menetapkan sasaran untuk menjadi sifar bersih menjelang 2025 dan telah memulakan proses mengukur pelepasan karbon kami sendiri dan merangka laluan yang diperlukan untuk mengurangkan pelepasan tersebut. Walau bagaimanapun, kesan iklim positif terbesar kami adalah melalui portfolio yang kami uruskan. Bagi membolehkan peralihan kepada ekonomi hijau, kami akan memberi tumpuan kepada mengimbangi semula portfolio kami agar pelepasan portfolio berkurangan dari semasa ke semasa. Selanjutnya, kami komited untuk bekerjasama dengan syarikat pelaburan kami untuk membantu mereka mencapai matlamat iklim mereka dan bersama kami memainkan peranan dalam menangani perubahan iklim.

PNB mempunyai warisan yang diakui dalam membuat perubahan dan mencipta impak positif berpanjangan. Kami percaya kepada kepentingan untuk aktif dan terlibat, bagi menjadikan perniagaan dan masyarakat kita lebih kuat dan lebih berdaya tahan. Kami mahukan pelaburan kami mempunyai manfaat yang mampan untuk komuniti, pemegang unit dan perniagaan kami. Justeru, usaha melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kekal sebagai asas kepada pendekatan kami. Pemerkasaan masyarakat melalui pendidikan menjadi aspek teras dalam aktiviti CSR kami. Lebih 5,000 pelajar di Malaysia dan di peringkat antarabangsa telah ditaja sejak penubuhan PNB, dengan keyakinan kukuh bahawa pendidikan adalah pengubah nasib untuk ramai pelajar dan keluarga mereka. Kami mempunyai peranan penting dalam menjadikan masyarakat lebih inklusif dan berdaya tahan, serta membantu mobiliti sosial, supaya lebih ramai orang dapat menjalani kehidupan yang mereka inginkan. Matlamat kami adalah membantu pemerkasaan rakyat bagi membina masa depan yang lebih baik untuk diri sendiri, keluarga dan komuniti mereka. Untuk mencapai matlamat ini, kami menyediakan program peningkatan kemahiran dan memasukkan prinsip 'gaji kehidupan wajar' ke dalam polisi pampasan kami sendiri. Kami juga akan mempunyai peluang untuk meningkat secara dalaman, dengan mewujudkan lebih fleksibiliti dalam perkembangan kerjaya kakitangan berkembang. Walau bagaimanapun, setakat ini risiko terbesar kepada portfolio kami ialah isu hak buruh yang boleh menghalang prestasi banyak syarikat Malaysia yang bergantung kepada buruh migran. Bagi mengurangkan perkara ini, agenda penglibatan pihak berkepentingan Kumpulan kami akan menjadikan hak pekerja sebagai keutamaan tertinggi, di samping komitmen kami terhadap penyahkarbonan.

Dalam menyokong amalan tadbir urus yang kukuh, kami berpandangan bahawa sebagai pengurus dana dan aset yang bertanggungjawab dan mampan, kami menggabungkan pemahaman yang kukuh tentang asas pelaburan dan risiko dengan wawasan yang jelas tentang faktor alam

sekitar, sosial dan tadbir urus. Kami percaya bahawa kunci kepada pelaburan yang berjaya ialah mencipta nilai. Mana-mana organisasi yang mengambil kira hak semua pihak berkepentingan ialah syarikat yang diurus dengan baik, dan oleh itu menjadi cadangan pelaburan semulajadi kepada pelabur jangka panjang. Kami percaya bahawa pihak berkepentingan sebuah syarikat bukan sahaja pelaburnya, tetapi juga kakitangan, pelanggan, pembekal, komuniti dan persekitaran. Syarikat-syarikat juga memperoleh lesen untuk beroperasi dengan mengambil kira kepentingan kewangan dan bukan kewangan mereka. Oleh itu, PNB akan menggunakan ketelusan untuk kedua-dua polisi pengundian dan undian sebenar kami pada mesyuarat agung syarikat. Undi kami akan dipandu oleh polisi pengundian kami dan akan mewujudkan saluran komunikasi dan penglibatan antara PNB, syarikat pelaburan, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah. Sebarang perubahan kepada dasar pengundian kami akan dimaklumkan dengan jelas kepada orang ramai dan syarikat pelaburan. Kami telah pun menerbitkan hasrat pengundian kami sebelum mesyuarat agung, bersama dengan rasional kami. Kami percaya perkara ini akan memberikan input yang berharga kepada syarikat pelaburan, dan membolehkan Lembaga Pengarah terlibat dengan PNB sekiranya ada pihak tidak bersetuju dengan resolusi yang dicadangkan.

MENUJU MASA DEPAN

Sepanjang tahun 2021, kami banyak meluangkan masa dengan syarikat pelaburan, media dan pembuat dasar sambil kami berusaha menyampaikan cita-cita kami untuk masa depan. Sentimen mula beralih ke arah yang positif dan kami semua komited untuk membawa pihak berkepentingan kami bersama kami dalam perjalanan yang menarik ini.

Gelombang tawaran kami yang seterusnya bermula dengan pendemokrasian akses kepada nasihat dan perancangan kewangan profesional kepada rakyat Malaysia biasa, pada entri asas yang rendah. Sepanjang sejarah lebih 40 tahun kami, kami telah mendemokrasikan pelaburan domestik dengan memperkenalkan produk-produk kepada semua lapisan rakyat Malaysia, dengan pelaburan permulaan minimum RM10 dan pelaburan tambahan RM1. Falsafah yang sama ini akan digunakan dalam nasihat dan perancangan kewangan kepada semua rakyat Malaysia kerana kami percaya bahawa setiap individu layak mendapat gabungan yang betul antara aset dan portfolio pelaburan. Alatan akan disediakan untuk membantu pelbagai jenis pelabur dan juga merangkumi semua rakyat Malaysia melalui pelbagai titik hubungan. Matlamat utama adalah untuk menjadikan proses nasihat yang berkisaran tentang memupuk hubungan yang lebih holistik dengan pelabur.

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan



Kami akan terus memperkukuh dan mempelbagaikan portfolio kami dengan bijaksana. Perkara ini akan disokong oleh kalibrasi portfolio kami yang disokong melalui kerjasama dengan beberapa pengurus dana yang lebih terkemuka. Matlamatnya adalah untuk mengembangkan AUM kami dan menyasarkan pertumbuhan sekitar 4-5% setahun. Dengan jumlah permodalan pasaran syarikat tersenarai di Bursa Malaysia sekitar 9-10%, masalah yang kami hadapi berkisar pada persekitaran faedah yang rendah, di samping penilaian aset yang tinggi. Oleh itu, keupayaan untuk menentukan perumpukan aset yang betul mengikut geografi dan kelas aset memastikan portfolio akan terus menjana pulangan yang mampan. Dalam menumpukan penciptaan nilai, pada masa ini kami menggunakan kaedah tradisional pemilihan aset dan saham, digabungkan dengan perspektif atas ke bawah, berpandukan pandangan makro jangka panjang dan sasaran perumpukan aset yang optimum, dengan pendekatan berasaskan fundamental dari bawah ke atas dalam pemilihan aset.

Strategi jangka sederhana hingga jangka panjang kami menumpukan untuk meluaskan portfolio kami dan meneruskan usaha kepelbagaian untuk membina portfolio yang berdaya tahan, bertahan dalam semua keadaan yang mampu menghadapi dan mengurangkan risiko portfolio serta menjana pulangan yang mampan kepada Pemegang Unit kami.

Akhir sekali, peralihan kami ke arah agenda ESG akan memberi peluang yang besar untuk PNB, memandangkan syarikat yang akan dinilai secara positif oleh pasaran berpotensi meningkat apabila mereka menambah baik metrik mereka dalam pemarkahan ESG.

PENGHARGAAN

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Dr Zeti Akhtar atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau sepanjang beliau menjadi Pengerusi Kumpulan PNB. Sebagai ganti di tempat beliau, saya amat mengalu-alukan Pengerusi Kumpulan baharu kami, Tun Arifin Zakaria, dan berterima kasih kepada beliau kerana mengemudi Kumpulan PNB melalui tahun yang sukar dan mencabar. Saya juga berterima kasih atas dedikasi dan nasihat yang diberikan oleh Lembaga Pengarah PNB dan ASNB yang telah membantu kami mengharungi satu lagi tahun yang luar biasa.

Kepada pelbagai Kementerian, Agensi, Pengawal Selia, Majlis dan Jawatankuasa Fatwa Kerajaan dan kepada kepimpinan dan kakitangan syarikat pelaburan kami, sokongan dan penglibatan anda telah membantu memajukan cita-cita kami dan menyampaikan mandat sosial kami. Oleh itu, saya amat berterima kasih.

Sebagai penutup, saya ingin memberi penghormatan kepada kakitangan kami yang telah memberi khidmat lebih daripada sepatutnya dan memastikan organisasi kami terus berjalan tanpa henti dan melakukannya dalam keadaan yang amat sukar.

Portfolio Pelaburan Mampan

Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan	38
Perumpukan Aset Strategik	40
Pelaburan Strategik	42
Pasaran Awam	48
Pasaran Persendirian	59
Hartanah	63
Perkembangan Kemajuan Merdeka 118	65

Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan

FALSAFAH PELABURAN


Pada dasarnya, PNB menggunakan falsafah pelaburan berasaskan nilai yang mengimbangi pelbagai jenis strategi pelaburan dalam kelas aset yang berbeza: daripada pegangan jangka panjang dalam syarikat berkualiti dengan hasil berulang yang stabil, kepada pelaburan yang didorong oleh momentum dengan keuntungan modal melalui aktiviti dagangan.

Dalam usaha mencapai objektif, kami menggabungkan perspektif dari atas ke bawah, berdasarkan maklumat pandangan makro jangka panjang dan sasaran perumpukan aset optimum, dengan pendekatan yang didorong oleh asas-asas dari bawah ke atas dalam pemilihan aset untuk penciptaan nilai.

Kepelbagaian merupakan aspek penting daripada strategi kami yang bertujuan untuk memperluaskan lagi campuran aset dan geografi portfolio kami. Secara keseluruhan, strategi ini membolehkan kami membina portfolio yang seimbang dengan profil risiko berhemat dalam memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami.


Perumpukan Aset Kumpulan PNB mengikut Geografi (2021)

Domestik
83%



Antarabangsa
17%


Ekuiti Awam	69.3%
Hartanah	16.4%
Pelaburan Persendirian	11.2%
Tunai & Pasaran Wang	3%



TADBIR URUS PELABURAN

Pengesyoran pelaburan melalui proses tadbir urus berbilang lapisan untuk memudahkan membuat keputusan yang berkesan melalui semak dan imbang yang mantap





PROSES PELABURAN

Proses pelaburan hujung ke hujung yang kukuh meliputi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan



Perumpukan Aset Strategik



Rangka Kerja SAA PNB memberi panduan bagi proses membuat keputusan dalam menetapkan sasaran peruntukan modal jangka panjang yang optimum. Rangka kerja ini memainkan peranan penting dalam inisiatif PNB untuk mencapai kepelbagaian risiko yang lebih baik daripada portfolio pelaburannya merentasi kelas aset yang berlainan.

Sasaran optimum SAA untuk setiap dana masing-masing disesuaikan untuk mengambil kira selera risiko yang ditentukan, sasaran pulangan dan kekangan pelaburan dana di bawah pengurusan PNB. Ia seterusnya disokong oleh pandangan kami mengenai prospek jangka pendek dan jangka panjang, serta jangkaan tahap risiko dan pulangan di seluruh pasaran modal dan kelas aset yang kami laburkan.


Input-input ini dibangunkan melalui proses SAA yang dibina berdasarkan kepercayaan kukuh kami terhadap budaya kolaborasi silang dan akauntabiliti kolektif di seluruh organisasi. Perkara ini penting dalam memastikan sumber dan kemahiran diajarkan sepenuhnya dan tertumpu kepada memenuhi objektif dana kami dan akhirnya jangkaan pemegang unit kami. Melalui pendekatan berstruktur dan inklusif ini, kami dapat terus mewujudkan pandangan yang lebih tepat dan terkini mengenai faktor asas yang mendorong jangkaan risiko dan pulangan pelaburan kami, yang membawa kepada keputusan peruntukan jangka panjang yang optimum.

Meskipun kami kekal fokus pada pembinaan portfolio yang akan menjana pertumbuhan yang mampan dalam jangka masa panjang, kami tidak terlepas daripada persekitaran global yang kompleks di mana dana kami beroperasi. Oleh itu, sasaran SAA jangka panjang kami ditambah baik dengan kecenderungan taktikal jangka sederhana dan jangka pendek masing-masing melalui Perumpukan Aset Dinamik dan Perumpukan Aset Taktikal, ini membolehkan fleksibiliti dalam anjakan berhati-hati dan bersifat sementara dalam julat perumpukan aset yang dibenarkan. Selain itu, semua aspek strategi pelaburan kami, termasuk pemilihan campuran aset dan pengurusan kecairan, disokong oleh polisi pengurusan risiko kukuh, seterusnya memastikan ketahanan dan kecairan yang mencukupi pada setiap masa untuk memenuhi sebarang liabiliti ketika mengejar peluang pelaburan yang sesuai. Kami sentiasa menilai dan menyemak perjalanan penyaluran setiap dana dalam kami merancang perjalanan kepelbagaian portfolio kami dengan berhati-hati menuju masa depan, di samping mengurus dengan proaktif keadaan pasaran yang berubah dan keperluan kecairan segera.


Sejak pengenalan Rangka Kerja SAA pada tahun 2017 dan kajian semula separuh penggal pada tahun 2019, kami terus teguh dalam komitmen kami untuk mencapai objektif dana kami melalui strategi kepelbagaian aset kami yang berterusan. Ia termasuk meningkatkan pendedahan pendapatan tetap dan alternatif kami secara progresif, dan meningkatkan pelaburan secara berhati-hati dalam aset global untuk kumpulan semasa kami bagi satu dana proprietari dan 16 unit amanah, seterusnya melengkapkan pegangan ekuiti domestik semasa kami. Sempena kitaran SAA semasa yang berakhir menjelang tahun 2022, kami juga berhasrat untuk melaksanakan kajian semula SAA yang komprehensif untuk menetapkan sasaran baharu bagi dana kami yang semakin meningkat dan mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan selanjutnya dalam perjalanan kepelbagaian kami.

Pada asasnya, keupayaan jangka panjang kami untuk terus menegakkan mandat kami tertumpu kepada secepat mana kami menyesuaikan diri dengan persekitaran global yang berkembang. Berdasarkan kedudukan dan pengaruh kami, kami sedar akan tugas penting untuk melabur secara bertanggungjawab dan mampan. Oleh itu, kami berhasrat untuk menguatkan lagi pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) secara lebih sistematik dalam proses pelaburan kami. Secara keseluruhannya, perkara ini membolehkan dana kami berada pada kedudukan yang lebih baik untuk merebut peluang baharu dan memaksimumkan manfaat kepelbagaian ke arah mencapai keseimbangan pulangan risiko yang optimum, seterusnya menetapkan tahap untuk pulangan yang berterusan dan mampan pada tahun-tahun akan datang sambil turut meninggalkan kesan positif yang berkekalan pada generasi masa hadapan.

RANGKA KERJA SAA



Perumpukan Aset Kumpulan PNB mengikut Kelas Aset & Geografi (2021 & 2020)




Pelaburan Strategik

••
Berpandukan **Rangka Kerja Pengawasan PNB**, kami terus melaksanakan tanggungjawab pengawasan kami untuk memastikan syarikat pelaburan kami mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dan memberikan nilai jangka panjang yang mampan kepada pemegang saham.

✓ Baharu ✓ Penambahbaikan

➤ Pengawasan Jangka Panjang



➤ Rakan kongsi/pelabur yang menambah nilai

✓ Peneraju Pengawasan Pelaburan

✓ Penumpuan ESG

- Matrik Pengemukaan
- Ketelusan dalam Pengundian



- Calon-calon Lembaga Pengarah yang tepat
- Lembaga Pengarah yang efektif



- Penglibatan dan penilaian Lembaga Pengarah yang efektif
- Program pembangunan Lembaga Pengarah



Pelabur yang terlibat

Penglibatan yang telus dan efektif

Perwakilan lembaga pengarah dan hak-hak pelantikan yang sesuai

Penilaian keberkesanan lembaga pengarah

Garis Panduan Pengundian yang jelas dan telus



Pendekatan Manusia, Planet dan Keuntungan

Strategi Bakat



Kumpulan bakat berpotensi untuk penggantian CEO

Menanda aras kesejahteraan organisasi

Pelabur yang menumpu kepada *triple bottom-line*

Pada tahun 2021, kami menambah baik Rangka Kerja Pengawasan PNB untuk memasukkan empat elemen yang melibatkan Ketelusan dalam Matriks Pengundian & Pengemukaan, Keberkesanan Tadbir Urus, Penglibatan dengan Pelabur Bersama serta Penggunaan ESG.

Majlis Pelaburan Strategik (SIC) terus memacu agenda kritikal tetapi relevan kepada syarikat-syarikat strategik, teras dan dalam kawalan PNB termasuk berkenaan bakat dan kelestarian dengan pembentukan Jawatankuasa Kecil Manusia dan Jawatankuasa Kecil Kestarian.

Jawatankuasa Kecil Manusia

Memacu sinergi dalam kalangan Kumpulan Syarikat PNB dalam bidang pembangunan Bakat dan Modal Insan, mewujudkan peluang yang lebih besar untuk pembinaan keupayaan melalui mobiliti bakat merentasi syarikat, bimbingan dan perkongsian amalan terbaik.

Jawatankuasa Kecil Kestarian

Memacu penerimaan agenda Kestarian PNB dalam kalangan syarikat pelaburan PNB, mewujudkan platform untuk berkongsi amalan terbaik dan kerjasama dalam usaha-usaha berkaitan kelestarian.

Kami terus menyumbang ke arah usaha untuk mengimbangi semula portfolio kami dan kepelbagaian merentasi kelas aset dan pasaran geografi yang berbeza.

Kami telah menjana kira-kira RM1.4 bilion daripada pegangan dalam beberapa Syarikat Teras pada tahun 2021. Transaksi ini membolehkan PNB menjual pelaburan yang telah lama dipegang dan melabur semula hasilnya, sejajar dengan strategi pelaburan PNB untuk menghasilkan lebih banyak kepelbagaian merentasi pelbagai kelas aset.



Budaya berpandukan prestasi







Lembaga Pengarah yang berkesan

Pelaburan Strategik




SYARIKAT STRATEGIK

Syarikat-syarikat yang PNB mempunyai pegangan majoriti atau kepentingan yang mengawal ke atas syarikat tersebut.

PATAMI: Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti. Semua Permodalan Pasaran dan angka Pegangan Saham adalah setakat 31 Disember 2021.

 MALAYAN BANKING BERHAD Diaudit TKB 31 Disember 2021	Pendapatan	RM25,448 juta	Permodalan Pasaran	RM98,592 juta
	PATAMI	RM8,096 juta	Pegangan Saham	47%
 SIME DARBY BERHAD Diaudit TKB 30 Jun 2021	Pendapatan	RM44,483 juta	Permodalan Pasaran	RM15,799 juta
	PATAMI	RM1,425 juta	Pegangan Saham	51%
 Plantation SIME DARBY PLANTATION BERHAD Tidak diaudit TKB 31 Disember 2021	Pendapatan	RM18,695 juta	Permodalan Pasaran	RM26,003 juta
	PATAMI	RM2,257 juta	Pegangan Saham	56%
 Property SIME DARBY PROPERTY BERHAD Tidak diaudit TKB 31 Disember 2021	Pendapatan	RM2,220 juta	Permodalan Pasaran	RM4,047 juta
	PATAMI	RM137 juta	Pegangan Saham	58%
 S P SETIA BERHAD Tidak diaudit TKB 31 Disember 2021	Pendapatan	RM3,763 juta	Permodalan Pasaran	RM5,232 juta
	PATAMI	RM284 juta	Pegangan Saham	61%
 UMW HOLDINGS BERHAD Tidak diaudit TKB 31 Disember 2021	Pendapatan	RM11,061 juta	Permodalan Pasaran	RM3,470 juta
	PATAMI	RM268 juta	Pegangan Saham	61%

Pelaburan
Strategik

 VELESTO ENERGY BERHAD Tidak diaudit TKB 31 Disember 2021	Pendapatan	RM378 juta	Permodalan Pasaran	RM986 juta
	PATAMI	(RM91) juta	Pegangan Saham	54%
 DUOPHARMA BIOTECH BERHAD Tidak diaudit TKB 31 Disember 2021	Pendapatan	RM639 juta	Permodalan Pasaran	RM1,582 juta
	PATAMI	RM66 juta	Pegangan Saham	51%
 MNRB HOLDINGS BERHAD Diaudit TKB 31 Mac 2021	Pendapatan	RM2,836 juta	Permodalan Pasaran	RM877 juta
	PATAMI	RM189 juta	Pegangan Saham	55%
 SAPURA ENERGY BERHAD Tidak diaudit 9 Bulan Tempoh Berakhir 31 Oktober 2020	Pendapatan	RM3,674 juta	Permodalan Pasaran	RM799 juta
	PATAMI	(RM2,282) juta	Pegangan Saham	40%

Pegangan Saham Syarikat-syarikat Teras Terpilih

Syarikat yang mana PNB memiliki lebih daripada 10% pegangan saham atau pendedahan lebih daripada RM1 billion.

19%



Axiata Group Berhad

19%



IJM Corporation Berhad

18%



Tenaga Nasional Berhad

18%



Gamuda Berhad

17%



Telekom Malaysia Berhad

14%



Bank Islam Malaysia Berhad

12%



CIMB Group Holdings Berhad

11%



Digi.Com Berhad

11%



Maxis Berhad

10%



Petronas Gas Berhad

Pelaburan Strategik


PERKHIDMATAN KEWANGAN



- Maybank ditubuhkan pada tahun 1960, dan hari ini merupakan syarikat terbesar mengikut permodalan pasaran di Bursa Malaysia dan antara 500 syarikat teratas dalam syarikat terkemuka dunia Forbes Global 2000.
- Kumpulan Maybank menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan komprehensif yang merangkumi perbankan komersial, perbankan pelaburan, perbankan Islam, perbankan luar pesisir, insurans dan takaful, perkhidmatan pemegang amanah, pengurusan aset, pembrokeran saham, perkhidmatan penama, modal teroka dan perbankan internet.
- Misi Maybank adalah untuk menjadikan perkhidmatan kewangan lebih baik dan menarik kepada orang ramai dengan menyediakan akses yang mudah kepada pembiayaan dalam persekitaran digital dan fizikal, menawarkan syarat dan harga yang adil, memberi nasihat kepada pelanggan berdasarkan keperluan mereka, mengutamakan pengalaman pelanggan dengan menggunakan teknologi digital generasi akan datang dan sentiasa berada di hati masyarakat.



- MNRB Holdings Berhad (MNRB) ialah syarikat pemegang pelaburan, yang menyediakan produk dan perkhidmatan insurans semula, takaful dan takaful semula melalui anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya. Antara anak syarikat milik penuh MNRB ialah Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re), Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family), Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS General) dan Malaysian Re (Dubai) Ltd.
- Malaysian Re ialah syarikat insurans semula nasional yang terkemuka di Malaysia.
- Takaful IKHLAS Family dan Takaful IKHLAS General memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada dua juta pemegang polisi.



PERLADANGAN



Plantation

- Dua ratus tahun yang lalu, penjajah yang bercita-cita tinggi tiba di Timur Jauh untuk kembara mencuba nasib, dan menanam benih untuk masa depan yang mereka sendiri tak dapat bayangkan. Hari ini, Sime Darby Plantation Berhad berdiri megah sebagai pengeluar terbesar minyak sawit mampan yang diperakui dan salah satu syarikat perladangan terbesar di dunia. Dengan keluasan ladang kira-kira lapan kali ganda saiz Singapura sekarang, ia syarikat yang bersepadu sepenuhnya, secara menegak dan mendatar, dengan operasi dalam keseluruhan rantaian nilai minyak sawit. Dalam operasi perladangannya, lima pusat R&D dan 11 kilang penapisan di seluruh dunia, penanam, saintis, ahli teknologi dan penapis bekerja bersama untuk membangun dan menghasilkan produk minyak dan lemak bertapis berkualiti tinggi, oleokimia, biodiesel berasaskan minyak sawit, nutrasetikal, dan derivatif serta hasil pertanian lain daripada kelapa sawit.
- Disokong oleh tenaga kerja lebih 80,000 orang di 12 negara, Sime Darby Plantation memberi perkhidmatan kepada pelbagai pelanggan di lebih 100 negara. Melalui usaha berterusannya untuk mencapai kecemerlangan dalam perniagaan, kelestarian, penyelidikan dan inovasi, Sime Darby Plantation menjadi rakan kongsi pilihan bagi pemegang kepentingan utamanya. Ia juga merupakan syarikat Malaysia yang pertama memenangi Anugerah Edison yang diidamkan untuk GenomeSelect™ - benih kelapa sawit dengan hasil tinggi yang mengurangkan keperluan untuk lebih banyak tanah dan penebangan hutan. Benih ini dibangunkan selama bertahun-tahun dengan kerjasama dan penyelidikan dengan pakar terbaik dalam bidang ini.

HARTANAH



Property

- Sime Darby Property ialah pemaju hartanah perintis Malaysia dengan kejayaan 50 tahun dalam industri hartanah. Kumpulan ini telah membina lebih 100,000 rumah di 25 perbandaran dan kawasan pembangunan, dengan produk-produk merangkumi hartanah kediaman, komersial dan perindustrian. Selain pembangunan perbandaran, Sime Darby Property juga beroperasi merentasi segmen hartanah lain, termasuk pengurusan Pelaburan & Aset, serta Santai, dengan memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang berprestij, salah satu kelab golf terkemuka di Asia Tenggara. Di United Kingdom, Sime Darby Property ialah sebahagian daripada konsortium syarikat Malaysia dalam projek pembangunan semula Stesen Janakuasa Battersea yang ikonik di Central London.
- Pada Disember 2021, Kumpulan ini mempunyai lebih 16,000 ekar tanah yang terletak secara strategik di pantai barat Semenanjung Malaysia, dan 20,000 ekar lagi di bawah perjanjian opsyen panggilan. Dalam perniagaan Pengurusan Pelaburan & Asetnya, Kumpulan ini mengendalikan 5.2 juta kaki persegi bersih dalam kawasan boleh pajak merentasi segmen komersial, runcit, penjagaan kesihatan, pendidikan dan perindustrian.
- Kumpulan ini komited untuk menegakkan prinsip ESG secara menyeluruh dalam perniagaannya dan menjadi Kuasa untuk Kebaikan, dipandu oleh Matlamat Kelestarian 2030 yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sime Darby Property menjadi salah satu komponen Indeks MSCI ACWI Small Cap dengan Penarafan BBB oleh MSCI ESG dan dinilai berdasarkan Projek Pendedahan Karbon.
- Pada tahun 2021, Kumpulan ini diiktiraf lagi sebagai pemaju hartanah terkemuka dalam Anugerah Pemaju Hartanah Terbaik The Edge Malaysia, kejayaan yang dicapai untuk tahun kesepuluh berturut-turut. Kumpulan ini juga dinamakan sebagai Pemaju Bertanggungjawab EdgeProp Malaysia: Anugerah Membina Pembangunan Lestari 2021, serta pemenang dalam Anugerah Pembinaan Kepercayaan 2021 oleh PwC di bawah kategori Indeks FBM Mid 70.

Pelaburan Strategik

KONGLOMERAT



- Sime Darby Berhad ialah rakan kongsi pilihan untuk beberapa jenama terbaik di dunia dalam sektor Perindustrian dan Permotoran, dengan operasi syarikatnya di 18 negara di Asia Pasifik.
- Sime Darby Industrial, sebuah anak syarikat, ialah pemain utama dalam sektor peralatan berat global. Ia bekerjasama dengan salah satu nama terbesar dalam industri ini iaitu Caterpillar selama lebih 90 tahun. Sime Darby Industrial juga dikaitkan dengan rangkaian produk pelengkap dan penyelesaian industri yang komprehensif di seluruh Asia Pasifik.
- Sime Darby Motors, satu cabang automotif Sime Darby Berhad, terlibat dalam perniagaan runcit, pengedaran, dan pemasangan, dalam sembilan pasaran di seluruh rantau Asia Pasifik. Ia mewakili jenama-jenama mewah seperti BMW, Jaguar, Land Rover, Porsche dan Volvo, dan nama-nama lebih mewah seperti Rolls-Royce, Lamborghini, Ferrari dan McLaren serta jenama pasaran yang menarik seperti Ford dan Hyundai.
- Melalui syarikat usaha samanya, Ramsay Sime Darby Health Care, Sime Darby Berhad memberikan perkhidmatan kesihatan swasta yang memenangi anugerah di Malaysia dan Indonesia.




- UMW Group ialah konglomerat terkemuka dengan kepentingan yang pelbagai dan global dalam sektor automotif, peralatan, pembuatan & kejuruteraan dan aeroangkasa. UMW Group membawa jenama terkemuka termasuk Toyota, Komatsu dan Grantt - jenama pelincir buatan sendiri UMW Group - dan banyak jenama besar lain.

FARMASEUTIKAL



- Syarikat farmaseutikal terbesar Malaysia dari segi nilai dan jumlah jualan pembuatan.



MINYAK & GAS



- S P Setia ialah pemaju hartanah terbesar, mengikut jualan, di Malaysia dan mempunyai operasi di 7 negara di seluruh dunia.
- SP Setia mempunyai portfolio yang merangkumi perbandaran, ekasantuari, enklaf mewah, kediaman bertingkat tinggi dan pembangunan khusus. Perniagaannya yang lain termasuk pembinaan, peruncitan, pembuatan berasaskan kayu dan dalam penjagaan kesihatan dan hospitaliti pada masa terdekat.
- Ia memegang rekod memenangi kedua-dua tempat No. 1 yang diidamkan dalam Anugerah Pembangunan Hartanah Teratas The Edge dan Anugerah Emas Dunia FIABCI Prix d'Excellence sebanyak 13 kali.



- Syarikat perkhidmatan yang berpusat di Malaysia dengan pengalaman beroperasi di bahagian lain Asia Tenggara, menyediakan perkhidmatan penggerudian, kerja pulih, medan minyak, dan perkhidmatan latihan dalam industri hulu minyak & gas.
- Operator pelantar penggerudian 'jack-up' terbesar di Malaysia dan serantau dengan enam pelantar 'jack-up' premium yang masih baharu.
- Penerima pelbagai anugerah prestasi pelantar terbaik daripada beberapa syarikat minyak nasional dan antarabangsa.



- Sapura Energy Berhad ialah penyedia perkhidmatan dan penyelesaian minyak dan gas bersepadu global yang beroperasi merentasi seluruh rantau nilai hulu, termasuk yang boleh diperbaharui. Spektrum keupayaan Kumpulan ini meliputi penerokaan, pembangunan, pengeluaran, rejuvenasi, serta penutupan dan peninggalan.
- Dengan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berkemampuan teknikal, aset set strategik yang versatil, dan kemampuan strategik, dan kemampuan pengurusan projek yang kukuh, Kumpulan ini kini memberikan penyelesaian dan kepakaran bersepadu di lebih 20 negara.

TELEKOMUNIKASI



PEMBINAAN



INFRASTRUKTUR & UTILITI



Pasaran Awam

Mengenai Kami

BAHAGIAN PASARAN AWAM (PuMa) MENYELIA PELABURAN KESELURUHAN BAGI 16 DANA AMANAH UNIT ASNB & DANA PROPRIETARI PNB, DENGAN JUMLAH ASET DI BAWAH PENGURUSAN (AUM) SEBANYAK RM336.7 BILION. IA BERTANGGUNGJAWAB SECARA LANGSUNG UNTUK PENGURUSAN KELAS ASET EKUITI AWAM DOMESTIK, EKUITI AWAM ANTARABANGSA DAN PENDAPATAN TETAP.




PuMa merupakan salah satu daripada empat teras pelaburan dalam PNB. PuMa menyelia pelaburan keseluruhan PNB dan Dana Unit Amanah (UTF) PNB dan pada masa sama mengurus kelas aset Ekuiti Awam dan Pendapatan Tetap di peringkat domestik dan antarabangsa.



Bahagian ini menguruskan AUM berjumlah RM336.7 bilion, terdiri daripada aset bagi 16 UTF ASNB, termasuk enam dana harga tetap dan 10 dana harga berubah, serta Dana Proprietari PNB.

PuMa DISOKONG OLEH PELABURAN YANG TEGUH, DARI HUJUNG KE HUJUNG



PuMa BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENYAMPAIKAN MANDAT DANA DAN PULANGAN

- 1 PuMa bertanggungjawab untuk menyampaikan mandat pengagihan pendapatan tahunan dana masing-masing melebihi Kadar Deposit Tetap 12 Bulan untuk dana harga tetap dan jumlah pulangan kompetitif untuk dana harga berubah.
- 2 Dalam usaha ke arah mencapai objektif dana, PuMa dipandu oleh falsafah pelaburan PNB yang berasaskan pelaburan jangka panjang, pelbagai, berasaskan fundamental dan disokong oleh proses pelaburan yang mantap, dari hujung ke hujung
- 3 PuMa terdiri daripada beberapa jabatan: Pengurusan Dana, Pendapatan Tetap, Ekonomi, Analisis Pelaburan dan Operasi Pasaran Ekuiti. Jabatan-jabatan ini bekerja sebagai satu pasukan dengan setiap komponen teras memberi sumbangannya sendiri kepada rantaian nilai pelaburan.
- 4 Pasukan ini menyediakan liputan global dengan pengkhususan sektor, menyokong pandangan dalaman dan strategi portfolio PNB. Pasukan ini juga memastikan pelaksanaan terbaik dan menjalankan pemantauan berterusan, melakukan semakan dan imbang semula bagi portfolio dana.
- 5 PuMa telah menjalankan pelbagai projek antara jabatan dan inisiatif serta kerjasama dengan unit-unit perniagaan lain di PNB, bagi meningkatkan kecekapan operasi dan untuk menyampaikan pulangan yang kompetitif secara berterusan. PuMa mematuhi piawaian tadbir urus korporat tertinggi dengan kawalan dalaman dan kawal selia pengawasan yang mantap, yang mana secara dalaman dipantau oleh Pelaburan Operasi & Tadbir Urus dan Unit Pengurusan Projek.

PROSES UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF DANA MADING-MADING

▶ PENGKHUSUSAN SILANG ▶ PANDANGAN, STRATEGI & PENJANAAN IDEA ▶ MENCAPAI SASARAN




Pasaran Awam

Falsafah dan Pendekatan Pelaburan

PASARAN AWAM MENDUKUNG PENDEKATAN FALSAFAH PELABURAN PNB

Pendekatan Falsafah Pelaburan PNB menyediakan asas yang kukuh kepada PNB dan pelaburan UTFnya dalam ekuiti dan pendapatan tetap, di dalam dan di luar negara.



Keputusan pelaburan dipandu oleh pelaburan jangka panjang berasaskan fundamental, menggabungkan kedua-dua pendekatan atas ke bawah dan bawah ke atas. Kajian penunjuk makroekonomi dan aliran mega memacu pandangan pelaburan atas ke bawah yang menyokong keputusan dalam memberi wajar terhadap rantau dan sektor. Penyelidikan komprehensif merentas sektor dan syarikat, berpandukan parameter fundamental jangka panjang menyokong keputusan pelaburan dan cadangan dalam pemilihan saham.

PENDEKATAN PELABURAN GLOBAL



Pasaran Awam

Perumpukan Aset Ekuiti Awam

EKUITI AWAM DALAM KELAS ASET UTAMA PNB DAN UTFNYA


Ekuiti Awam kekal sebagai kelas aset utama yang dilaburkan oleh PNB dan UTFnya. Pelaburan dalam Ekuiti Awam dipandu oleh Perumpukan Aset Strategik UTF masing-masing. Pelaburan di Malaysia terus menjadi tunjang utama kami, berada pada 83% daripada jumlah aset PNB dan UTFnya.

Pada peringkat domestik, PNB dan UTFnya terus dilaburkan merentasi semua sektor, dengan pendedahan yang lebih besar dalam sektor kewangan, hartanah, utiliti, perkhidmatan komunikasi dan keperluan asas pengguna.

Ekuiti domestik berfungsi sebagai pelaburan strategik dan teras jangka panjang dana.


Di peringkat antarabangsa, PNB dan UTFnya telah mengambil pendekatan pelaburan yang lebih taktikal dan oportunistik. Sehingga kini, pendedahan dalam pasaran ekuiti awam antarabangsa adalah dipelbagaikan dengan baik merentas sektor dalam kedua-dua Pasaran Maju (DM) dan Pasaran Baru Muncul (EM).

KEPELBAGAIAN SEKTOR EKUITI AWAM KESELURUHAN PNB DAN UTF



Nota: Sehingga 31 Disember 2021

KEPELBAGAIAN EKUITI AWAM GLOBAL PNB DAN UTF



Nota: Sehingga 31 Disember 2021

Pasaran Awam

Prestasi Pasaran Ekuiti: Sorotan Utama Tahun 2021

PASARAN EKUITI AWAM GLOBAL TERUS MENINGKAT LEBIH TINGGI PADA TAHUN 2021

Tahun 2021 merupakan tahun yang cemerlang untuk pulangan ekuiti awam di seluruh dunia. Penanda aras ekuiti global Indeks Islam MSCI ACWI (MIWD) mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 19.02% yang menandakan permulaan pemulihan ekonomi pasca penularan pandemik COVID-19 dalam tahun 2020. Peristiwa risiko seperti varian baharu yang membimbangkan seperti Delta dan Omicron, inflasi berterusan dan kenaikan harga tenaga telah menyebabkan ketidaktentuan kepada pasaran. Bagaimanapun, naratif pembukaan semula dan pemulihan berjaya membawa keyakinan hingga akhir tahun.


Pulangan kebanyakannya menghalu kepada Pasaran Maju (DM) dengan Indeks Dunia MSCI mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 24.85%, dengan pelaksanaan vaksinasi lebih awal dan pembukaan semula ekonomi yang lebih pantas. Sebaliknya, Indeks Pasaran Baharu Muncul MSCI (EM) ketinggalan pada pulangan -2.47% berikutan kebimbangan mengenai pembangunan kawal selia dan kelembapan makroekonomi China. Semua sektor kembali positif dengan sektor kitaran seperti Kewangan (22.0% Tahun ke Tahun) dan Tenaga (29.9% Tahun ke Tahun) mendahului dengan prestasi yang lebih baik.

PASARAN DOMESTIK KEMBALI MENDATAR PADA TAHUN 2021

Berbeza dengan DM, penanda aras ekuiti domestik Indeks FBMKLCI (KLCI) kembali mendatar, dengan jumlah pulangan sebanyak 0.33% untuk tahun 2021. Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang ketat sepanjang tahun menjejaskan prestasi pasaran.

Pasaran menyaksikan lantunan semula pada bulan Oktober tetapi tidak bertahan lama selepas pengumuman Cukai Makmur dan kemungkinan kos duti setem lebih tinggi yang memberi kesan kepada pertumbuhan pendapatan dan sentimen. FBMKLCI kembali naik pada lewat suku keempat tahun 2021, kerana jangkaan pemulihan ekonomi yang lebih kukuh dan persekitaran kadar hasil yang meningkat akan menyokong prospek pendapatan tahun 2022 yang lebih baik untuk sektor seperti Kewangan, yang menyumbang kepada pendedahan tertinggi sektor dalam FBMKLCI.

PRESTASI PULANGAN KESELURUHAN INDEKS PENANDA ARAS UTAMA 2021



Sumber: Bloomberg

Pasaran Awam

Penyertaan dalam Pasaran Modal

PNB DAN UTFNYA AKTIF BERDAGANG DALAM PASARAN EKUITI AWAM MALAYSIA SERTA PASARAN-PASARAN UTAMA

Pada tahun 2021, PNB dan UTFnya terus aktif dalam pasaran Malaysia, mengambil bahagian secara aktif dalam dagangan harian di Bursa Malaysia serta dalam urus niaga utama melalui penempatan, blok dan IPO. PNB terus menjadi pemain pasaran yang ketara dengan kadar penyertaan 10% dalam pasaran domestik yang diterjemahkan kepada jumlah nilai transaksi RM22.5 bilion, dan menyokong aktif pasaran domestik sebagai pembeli dan penjual pada tahun 2021.

PNB dan UTFnya menyertai tawaran IPO domestik terbesar pada tahun 2021 iaitu urus niaga RM1.2 bilion CTOS Holdings. CTOS ialah agensi pelaporan kredit dengan kedudukan pasaran 71.2% di Malaysia, dengan pertumbuhan dan penerimaan yang sangat tinggi oleh kedua-dua individu dan perniagaan. PNB terus mengambil perhatian terhadap peluang pelaburan yang menawarkan pertumbuhan terutamanya berkaitan teknologi dan inovasi baharu.

PENYERTAAN LEBIH TINGGI DALAM IPO GLOBAL, MENEROKA WILAYAH BAHARU DENGAN PENGLIBATAN TAWARAN EKUITI AWAM DAN PRA-IPO

PNB dan UTFnya juga telah menyertai secara aktif dalam IPO global, mengambil kesempatan daripada pengumuman dan penyenaian IPO di peringkat global yang tinggi daripada sebelumnya pada tahun tersebut. Tahun 2021 menyaksikan sejumlah USD437 bilion (2020: USD264 bilion) dalam saiz tawaran dengan 1,240 urus niaga dilakukan (2020: 811 urus niaga) di seluruh pasaran global. PNB menilai 18 urus niaga utama di seluruh dunia dan melabur RM2.92 bilion dalam IPO merentasi pelbagai kawasan. Bidang tumpuan utama untuk PNB ialah peluang-peluang pelaburan dipacu aliran mega, bersandarkan kepada penerimaan pantas seperti kenderaan elektrik, e-dagang dan aplikasi super.

PNB dan UTFnya turut menyertai Pelaburan Persendirian utama dalam Ekuiti Awam (PIPE) dan urus niaga Pra-IPO yang melibatkan deacorn (syarikat baru mula) ASEAN dalam menyokong ekonomi internet baharu di rantau ini. PIPE dan Pra-IPO adalah bidang baharu yang menyokong komitmen PNB untuk berinovasi bagi memberikan pulangan jangka panjang yang mantap untuk pelabur kami.

PNB DAN UTFNYA MEMPUNYAI KADAR PENYERTAAN TINGGI 10% DALAM PASARAN EKUITI AWAM MALAYSIA

		2021
Pasaran	Purata Jumlah Dagangan (juta saham)	5,711
	% Perubahan tahun ke tahun	-22.00%
	Purata Nilai Harian Didagangkan (RM juta)	3,544
	% Perubahan tahun ke tahun	-15.91%
Nilai/Dagangan (RM) PNB & UTF		0.62
PNB & UTF	Purata Dagangan Harian (RM juta)	91.8
	Kadar Penyertaan (berbanding nilai KLCI)	10.0%


Pasaran Awam

PNB KEKAL SEBAGAI PESERTA AKTIF DALAM PASARAN MODAL DOMESTIK DAN GLOBAL



Menyokong Pasaran Domestik

PNB terus aktif menyokong pasaran domestik sebagai pembeli dan penjual pada tahun 2021. Dengan jumlah nilai transaksi RM22.5 bilion, PNB dan UTFnya terus mempunyai kadar penyertaan yang tinggi dalam pasaran domestik, mewakili 10% daripada KLCI.




RM22.5b

Nilai transaksi keseluruhan

RM1.2b

IPO domestik terbesar pada tahun 2021



Penyertaan IPO Domestik

PNB menyertai tawaran IPO domestik terbesar CTOS Holdings (CTOS) pada tahun 2021. CTOS ialah agensi pelaporan kredit terkemuka yang merevolusikan industri kewangan peribadi di Malaysia.



Penyertaan Lebih Besar dalam IPO Global

PNB menilai 19 urus niaga utama di seluruh dunia dan melabur RM2.82 bilion dalam IPO merentasi pelbagai wilayah. Bidang tumpuan utama PNB ialah peluang pelaburan yang dipacu oleh aliran mega yang kini mengalami penerimaan pengguna yang pesat.




18

Urus niaga global utama dinilai

USD35bn

Nilai Dekacorn ASEAN



SPAC-PIPE dan Pra-IPO

PNB dan UTFnya menyertai urus niaga Pelaburan Persendirian utama dalam penawaran Ekuiti Awam (PIPE) dan Pra-IPO yang melibatkan dekadang ASEAN dalam menyokong ekonomi internet baharu di rantau ini.



Pasaran Awam

Kemajuan dan Penggunaan EFM

TAHUN 2021 MELAKARKAN PERJALANAN PENYUMBERAN LUAR PERTAMA DALAM EKUITI AWAM GLOBAL

PNB telah memulakan penyumberan luar Dana Proprietarinya pada tahun 1995, dengan Pengurus Aset menyampaikan mandat Jumlah Pulangan di bawah pengaturan Akaun Terurus Secara Berasingan (SMA). Pengurus Aset terus menjadi rakan kongsi jangka panjang PNB yang berharga, dengan perkongsian yang bermula lebih 30 tahun lalu.


Melangkah pantas ke tahun 2021, PNB mencapai satu lagi kejayaan besar dalam perjalanan penyumberan luarnya melalui pelaksanaan Rangka Kerja Penyumberan Luar Ekuiti Awam Global untuk PNB dan UTFnya, sebagai sebahagian daripada objektif utama dana untuk memberikan pendapatan pengagihan tahunan yang kompetitif. Objektif utama lain rangka kerja ialah:

- Kepelbagaian sumber risiko dan penjana alfa bagi seluruh pengurus aset;
- Melakukan penanda aras prestasi dengan perbandingan pengurus aset global terkemuka;
- Mengoptimumkan sumber dalaman dan kepakaran; dan
- Belajar dan berkembang daripada pengurus aset terbaik dalam kelasnya.

Setakat Disember 2021, PNB dan UTFnya telah menggunakan sejumlah AS\$675 juta (RM2.81 bilion) ke dalam tiga strategi iaitu Budi Bicara Ekuiti Global, Volatiliti Rendah Quant Global dan Pasaran Baharu Muncul Global. Sebanyak sembilan (9) Pengurus Dana Luar (EFM) telah dilantik di bawah Penyumberan Luar Ekuiti Awam Global bagi melaksanakan mandat Pulangan Pelaburan (ROI) untuk PNB dan UTFnya.

PNB membayangkan program Penyumberan Luar Ekuiti Awam Global untuk mencapai 40% daripada ekuiti awamnya dalam pasaran antarabangsa bagi tempoh lima tahun. Pada tahun 2021, PNB dan UTFnya berjaya mencapai 11% dalam tahun pertama program.

KEPELBAGAIAN SEKTOR EKUITI AWAM KESELURUHAN PNB DAN UTF



Nota:* Sehingga 31 Disember 2021


Pasaran Awam

Perumpukan Aset Pendapatan Tetap

Pelaburan Pendapatan Tetap yang Dipelbagaikan dengan Baik


Pada tahun 2021, pelaburan dalam bon korporat dan kerajaan masing-masing berjumlah 66% dan 34% daripada jumlah pelaburan pendapatan tetap. Dalam bon korporat domestik, PNB dan UTFnya terus dilaburkan merentasi pelbagai sektor dengan pendedahan yang lebih besar dalam infrastruktur dan utiliti, harta dan hartanah, diikuti oleh perkhidmatan kewangan.

KEPELBAGAIAN PENDAPATAN TETAP PNB DAN UTF



Nota: Sehingga 31 Disember 2021

KEPELBAGAIAN SEKTOR PENDAPATAN TETAP PNB DAN UTF



Nota: Sehingga 31 Disember 2021

Pasaran Awam


Prestasi Pasaran Pendapatan Tetap: Sorotan Utama Tahun 2021

OPTIMISME PADA AWAL TAHUN 2021 LUNTUR DISEBABKAN OLEH ANCAMAN VARIAN COVID-19 TERHADAP EKONOMI GLOBAL

- Pemulihan ekonomi tahun 2021 adalah tidak rata dan tidak sekata. Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan termasuk jangkaan terhadap program pelonggaran kuantitatif Rizab Persekutuan AS yang dibuat secara terkawal dan perlahan-lahan, kebimbangan terhadap peningkatan inflasi di dalam dan luar negara, dan kemunculan varian COVID-19 seperti Delta dan Omicron.
- Prestasi indeks pasaran bon sepanjang tahun 2021 seperti yang diikuti perkembangannya oleh Indeks Semua Bon Agensi Harga Bon Malaysia (BPAM) mencatatkan pulangan sebanyak -0.85%. Indeks global lain termasuk Indeks Agregat Global Bloomberg dan Indeks Perbendaharaan Bloomberg masing-masing mencatatkan pulangan sebanyak -4.71% dan -6.60%.
- Dari segi pasaran domestik, pasaran tunai kekal stabil sepanjang tahun kerana pasaran tidak menjangkakan sebarang tindakan oleh Bank Negara Malaysia untuk menaikkan kadar. Sebaliknya, kadar hasil bon meningkat lebih tinggi berikutan sentimen risiko yang lebih baik, mengikuti perkembangan kadar hasil Perbendaharaan AS yang lebih tinggi dan bekalan bon domestik yang lebih besar. Walau bagaimanapun, pasaran bon Malaysia disokong dengan baik sepanjang tahun 2021 dibuktikan dengan lelongan bon kerajaan yang menggalakkan dan penerbitan bon korporat yang berjaya. Pada akhir suku pertama tahun 2021, permintaan terhadap Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat berikutan keputusan yang dibuat oleh FTSE Russell untuk mengekalkan Malaysia dalam Indeks Bon Dunia (WBGI). Keputusan ini diterima secara positif oleh pasaran dan merupakan faktor utama dalam keupayaan Malaysia untuk menarik penyertaan asing bagi kedua-dua bon kerajaan Ringgit dan bon korporat.
- Kadar hasil MGS pada akhir tahun meningkat di seluruh keluk sehingga 103 mata asas dengan bon 5-, 10-, 15- dan 30 tahun masing-masing didagangkan pada 3.18%, 3.63%, 3.98% dan 4.19%. Sukuk Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) mempamerkan pergerakan yang sama dengan MGS yang sepadan dengan tempoh yang sama.
- Dalam pendapatan tetap global, suku pertama tahun 2021 menyaksikan kadar hasil bergerak lebih tinggi berikutan peningkatan dalam kadar vaksinasi COVID-19 global dan pelan rangsangan fiskal oleh kerajaan-kerajaan di seluruh dunia. Ini diikuti dengan pelabur yang mencari dagangan bebas risiko pada suku kedua tahun 2021 apabila naratif berubah disebabkan oleh kemunculan varian Delta COVID-19 dan kembalinya kebimbangan tentang kawalan pergerakan pada suku ketiga tahun 2021. Pada bulan Oktober, berita tentang varian Omicron muncul, seterusnya melemahkan harapan untuk kembali kepada keadaan ekonomi yang normal dengan pantas.

BON KERAJAAN MALAYSIA MENGIKUTI PERBENDAHARAAN AS DENGAN DEKAT PADA TAHUN 2021

Pergerakan kadar hasil MGS 10 tahun dan UST pada tahun 2021



Pasaran Awam

Dialog Pasaran Awam Tahunan

DIALOG PASARAN AWAM PERTAMA BERSAMA PENGANTARA KEWANGAN TELAH DIADAKAN PADA TAHUN 2021

Pada tahun 2021, PNB berjaya mengadakan Dialog Pasaran Awam pertamanya sebagai platform untuk berinteraksi dengan 69 pengantara kewangan yang menyediakan perkhidmatan dalam ekuiti, pendapatan tetap, pasaran wang dan pertukaran asing. Pengantara panel memainkan peranan penting dalam menyokong PNB dan UTFnya. Mereka menyokong pasukan PuMa dalam mengikuti perkembangan makro dan pasaran modal domestik, sambil memperluas jangkauan dan pengetahuan sementara PNB mempelbagaikan pelaburannya dalam ekuiti awam, pendapatan tetap, pelaburan persendirian dan hartanah dalam pelbagai pasaran global.

Objektif dialog dua hala dan sesi penglibatan adalah untuk terus membina hubungan dengan wakil daripada pengantara kewangan. Pasukan PuMa berkongsi aspirasi global PNB untuk tahun ini, bukan sahaja dari segi kepelbagaian pelaburan dalam ekuiti global tetapi juga dalam membina imej PNB dalam pasaran modal global. Pasukan PuMa juga memberi maklum balas mengenai perkhidmatan yang disediakan masing-masing oleh pengantara-pengantara ini meliputi Penyelidikan & Perkongsian Pengetahuan, Urus Niaga & Penglibatan, Pelaksanaan dan Penyelesaian.

PENGANTARA KEWANGAN PNB



Pasaran Persendirian



Bahagian Pasaran Persendirian terdiri daripada dua jabatan utama - Pelaburan Langsung dan Pelaburan Dana Global.

PELABURAN LANGSUNG

Pasukan Pelaburan Langsung mengenal pasti pelaburan yang berdaya maju dan berpotensi bertambah nilai secara beransur-ansur dalam syarikat-syarikat, di dalam negeri dan juga pelaburan bersama di peringkat global bersama pengurus dana Ekuiti Persendirian yang berwibawa, yang mempamerkan asas yang kukuh, potensi pertumbuhan tinggi dan kedudukan pasaran yang jelas, serta disokong oleh pasukan pengurusan yang berpengalaman dan cekap.

Pelaburan Berkawal Terpilih	Pelaburan Minoriti Terpilih		
 Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)	 Goodyear Malaysia Berhad	 Maybank Asset Management Group Sdn Bhd	 BOH Plantations Sendirian Berhad
 Projek Lintasan Kota Sdn Bhd (PROLINTAS)	 Rahim & Co International Sdn Bhd	 Akzo Nobel Paints (M) Sdn Bhd	 Ansell N. P. Sdn Bhd
	 Lam Soon (M) Berhad	 Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd	 Aspac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd

PELABURAN DANA GLOBAL

Sementara itu, pasukan Pelaburan Dana Global bekerjasama dengan pengurus dana Ekuiti Persendirian global untuk mempelbagaikan dan meningkatkan pendedahan PNB dalam Ekuiti Persendirian melalui komitmen ke dalam dana Ekuiti Persendirian global merentasi pelbagai strategi dan kawasan.

KRITERIA PEMILIHAN DANA PE

Sesuai dengan Strategi PNB	Rekod Prestasi	Keupayaan Pasukan	Tadbir Urus dan Penjajaran Kepentingan
<ul style="list-style-type: none"> Jenis Dana Geografi Sektor 	Rekod prestasi cemerlang yang menekankan kepada: <ul style="list-style-type: none"> Prestasi kuartil teratas dana yang terdahulu Pulangan dan pengagihan bersih yang amat besar 	Pasukan yang stabil dengan keupayaan yang kuat, antara lain dalam: <ul style="list-style-type: none"> Penyumberan urus niaga Penciptaan nilai Realisasi dan rekod prestasi 	Penjajaran kepentingan yang kukuh dari segi: <ul style="list-style-type: none"> Komitmen pengurus Tadbir urus kukuh Struktur fi berdaya saing

Kami akan terus meningkatkan fokus pelaburan kami dan menerima pakai proses pelaburan terbaik yang khusus dan unik untuk kedua-dua jabatan ini ke arah membantu PNB mencapai objektif pelaburannya.

Pasaran Persendirian

●●

Pada tahun 2021, Bahagian Pasaran Persendirian terus menyalurkan modal ke dalam kelas aset Ekuiti Persendirian, berpandukan Rangka Kerja Pelaburan Persendirian (PIF). PIF menggariskan struktur pelaburan, bidang keutamaan dan faktor kejayaan kritikal, serta strategi perumpukan aset lima tahun. Sasaran kami adalah untuk meningkatkan perumpukan Ekuiti Persendirian daripada kira-kira 3.9% pada masa ini, kepada 6% - 7% daripada aset di bawah pengurusan (AUM), selaras dengan strategi kepelbagaian portfolio PNB untuk menjana pulangan yang dipertingkatkan.

Visi	Untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam kelas aset Ekuiti Persendirian (PE) yang menarik, dengan itu meningkatkan pulangan untuk Kumpulan PNB	
Keutamaan	Pengambilalihan - Global Kebolehskalaan, profil pulangan-risiko teras kelas aset PE	Pertumbuhan - Global Ekonomi baru muncul, industri zaman baharu
	Sekunder - Global Profil tunai pelengkap kepada portfolio Pasaran Persendirian	Langsung - Malaysia Keupayaan penjanaan alfa domestik
	Pelaburan Bersama - Global Keupayaan menjana alfa global	Modal Teroka (VC) - Global Peluang, bersama firma VC peringkat atas
Pemboleh	Bakat Pasukan Pasaran Persendirian yang disusun semula selaras dengan portfolio yang disasarkan	Tadbir Urus Untuk menyesuaikan rentak dan nuansa pelaburan PE
	Proses Amalan terbaik dalam kelasnya untuk membolehkan pelaksanaan yang cekap	Risiko Rangka kerja risiko spesifik PE

Bahagian Pasaran Persendirian mempunyai sasaran penyaluran dan komitmen tahunan hampir USD1 bilion, dengan kira-kira 30% akan disalurkan melalui Program Langsung/Pelaburan Bersama, dan kira-kira 70% melalui komitmen dana dalam Program Pelaburan Dana Global (GFI).

Pasaran Persendirian

Sejak pelaksanaan PIF, PNB mencatat pencapaian penting dengan komitmen pelaburan merentasi 28 dana dan tiga (3) Akaun Terurus Secara Asing (SMA), serta 14 pelaburan langsung dan bersama. Usaha penyaluran yang dipercepatkan membolehkan kepelbagaian yang berkesan di Amerika Utara, Eropah dan Asia Pasifik dalam pelbagai strategi Ekuiti Persendirian termasuk Pengambilalihan, Pertumbuhan, Sekunder dan Pelaburan Bersama.

Ringkasan Program Rangka Kerja Pelaburan Persendirian (PIF) pada 31 Disember 2021

PIF menyasarkan untuk mencapai kepelbagaian antarabangsa selanjutnya untuk PNB merentasi pelbagai rantau



Nota: Pelaburan di atas adalah terkumpul sejak permulaan program PIF.

Pasaran Persendirian

Dari segi nilai pasaran, kira-kira 57% daripada portfolio Bahagian Pasaran Persendirian kami pada TK2021 terdiri daripada pelaburan domestik.


Sementara itu, 43% adalah pelaburan global yang dijalankan terutamanya melalui Program PIF, meningkat kira-kira 22% daripada tahun sebelumnya, selaras dengan usaha kepelbagaian kami ke dalam pelaburan global.

Unit Pengurusan Portfolio dalam Bahagian Pasaran Persendirian telah meningkatkan usahanya untuk mengurus, memantau dan menambah nilai kepada portfolio yang berkembang dalam kelas aset Ekuiti Persendirian. Unit ini juga menjalankan analisis lanjut mengenai perumpukan portfolio dan analisis untuk memberikan maklumat yang lebih mendalam dan input terhadap prestasi portfolio.

Unit ini juga membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Portfolio untuk dijadikan panduan bagi inisiatif dan proses pelaburan utama Bahagian.

Rangka Kerja Pengurusan Portfolio


Visi, Teras & Inisiatif Strategik



Untuk mempelbagaikan lagi asas aset kami dan mungkin memberikan hasil awal, unit Infrastruktur yang baru ditubuhkan di Bahagian Pasaran Persendirian kini meneroka peluang pelaburan baharu ke dalam kelas aset Infrastruktur Global untuk menambah profil risiko dan pulangan untuk portfolio pelaburan PNB mulai tahun 2022.

Hartanah

Walaupun menghadapi cabaran yang belum pernah berlaku sebelum ini yang ditimbulkan oleh pandemik COVID-19, PNB masih berjaya mencapai sasaran perumpukan aset strategiknya untuk hartanah menerusi portfolio pelbagai sektor dan geografi. Fokus utama kami pada tahun 2021 adalah penyaluran dana ke dalam hartanah global, berpandukan Rangka Kerja Pelaburan Hartanah PNB. Eropah kekal menjadi pendedahan terbesar PNB, diikuti oleh Asia-Pasifik dan Amerika Utara dengan jumlah penggunaan dana global lebih RM3.3 bilion sepanjang tahun.



Hartanah



Di United Kingdom, pembinaan Fasa 2 Stesen Janakuasa Battersea telah mencapai 96% dengan jangkaan siap sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2022. Projek ini diperolehi bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada tahun 2018. Northern Line Extension (NLE) baharu yang dibuka pada September 2021 dijangkakan menjadi rangsangan besar untuk penjagaan semula Stesen Janakuasa Battersea.

Di pasaran domestik, PNB sedang giat menjalankan aktiviti kitar semula modal menerusi pengewangan aset terpilih pada tahun 2021 termasuklah pelupusan gudang FEC di Shah Alam dan Balai Berita di Bangsar. Hasil jualan tersebut akan disalurkan bagi meneruskan pelaburan dan projek pembangunan baharu dalam mewujudkan portfolio hartanah yang mantap dan seimbang.

Melangkah ke hadapan, PNB bersedia untuk bertindak secara sangat aktif dalam menerokai peluang-peluang dalam pelaburan nilai tambah selain daripada tumpuan kami dalam pelaburan aset hartanah teras. Walaupun pertumbuhan dijangkakan mencabar, kami kekal positif dan optimis dalam mengejar pulangan menarik daripada aktiviti-aktiviti pelaburan hartanah kami.

Perkembangan Kemajuan Merdeka 118

MERDEKA 118

Meraikan Kemajuan

Banyak kemajuan telah dicapai untuk Merdeka 118 bermula dari peringkat awal perancangan hingga ke fasa semasa pembinaan akhir menara. Merdeka 118 mencapai dua pencapaian kejayaan penting pada tahun 2021. Pada bulan Jun, menara Merdeka 118 selamat mengungguli pesaing lain dengan siapnya kepingan bumbungnya yang mencapai kemuncak di Aras 118. Selepas pencapaian kejayaan kejuruteraan ini, menara ini meraikan satu lagi pencapaian penting pada bulan November dengan penyempurnaan puncaknya yang merupakan bahagian terakhir struktur luaran menara.

Menara Merdeka 118 kini mencapai ketinggian terakhirnya iaitu 678.9 meter yang secara rasmi menjadikan menara itu kedua tertinggi di dunia dan tertinggi di Asia Tenggara. Pencapaian kejayaan ini disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia serta YABhg. Tun Arifin Zakaria, Pengerusi Kumpulan dan Encik Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan pada satu majlis yang diadakan di tapak pembinaan Merdeka 118.



●●
Sehingga 31 Disember 2021, kepingan lantai menara Merdeka 118 telah mencapai Aras 118 dengan pemasangan fakad kaca di Aras 114. Dengan kemajuan keseluruhan pembinaan menara ini pada tahap 90% setakat April 2022, menara itu kini berada di landasan sasarannya untuk siap dibina pada suku keempat 2022.

Perkembangan Kemajuan Merdeka 118

MERAIKAN KOMUNITI

Merdeka 118 terletak di dalam kawasan tapak bersejarah di tengah-tengah Kuala Lumpur dengan sejumlah besar kejiranan lama yang membentuk tirai sejarah presint ini. Bagi menghormati kepentingan sejarah dan kekayaan warisan kawasan itu, PNB Merdeka Ventures, sebuah syarikat subsidiari PNB yang merupakan pemaju presint tersebut telah memulakan inisiatif serampang tiga mata dengan kerjasama Think City untuk menyepadukan pembangunan dengan komuniti sekitarnya.

PROGRAM GERAN KOMUNITI MERDEKA 118

Pada bulan Jun 2021, Merdeka 118 melancarkan program geran komunitinya yang menumpukan kepada lima lokasi utama dalam presint iaitu kawasan sekitar Jalan Petaling, Jalan Hang Tuah, Kampung Attap, dan Pudu serta Kuadran Sukan (Stadium Merdeka, Stadium Negara, Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA), Stadium Chin Woo, Majlis Olimpik Malaysia dan Muzium Sukan). Program geran ini bertujuan untuk memberi tumpuan terhadap empat bidang iaitu pembangunan komuniti, sukan, seni & warisan dan aktiviti keusahawanan.

Daripada sejumlah 138 hantaran yang diterima dari seluruh negara, enam projek telah dipilih menerusi proses penilaian yang ketat.

Projek **Kolektif Kampung Attap** bertujuan untuk menyokong aktiviti kesenian dan warisan di dalam presint menerusi pelbagai program kreatif;

Projek **Eat, Pray, Love oleh Kaki Jelajah Warisan** meraikan sejarah dan mercu tanda negara di Jalan Petaling dan sekitarnya menerusi buku panduan warisan serta lawatan dan taklimat warisan berpandu;

Menaik taraf gelanggang bola keranjang di **Jalan Hang Jebat** bagi menggalakkan gaya hidup lebih sihat dan aktif dalam kalangan belia;

Latihan vokasional untuk golongan wanita yang kurang bernasib baik untuk menyediakan mereka dengan kemahiran memasak dan kulinari;

Pemeliharaan Lebah Kelulut Pintar menawarkan pendekatan baharu untuk membina daya tahan perniagaan di dalam presint menerusi pengkomersialan dan penggunaan produk lebah kelulut; dan

Program Pemerksaan Ekonomi oleh Sinergi Aspirasi Global bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan dan meningkatkan pendapatan isi rumah komuniti B40 menerusi kemahiran keusahawanan dan digital.

BIDANG GERAN



SUKAN

Memperkayakan aktiviti kecergasan dan kesejahteraan di dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur bagi membangunkan gaya hidup sihat dan komuniti yang diperkasakan.



PENDIDIKAN

Menyediakan capaian kepada sokongan pendidikan untuk kanak-kanak dan belia menerusi pelbagai alatan, sumber dan kemahiran untuk pembelajaran.



KESENIAN

Mewujudkan peluang kepada para artisan dan petugas kebudayaan untuk menjadi kreatif dan menyampaikan kandungan berkualiti tinggi di Pusat Bandar Kuala Lumpur.



KOMUNITI PERNIAGAAN

Menambahbaik perniagaan tradisional dan baharu di dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur agar lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa depan.

Perkembangan Kemajuan Merdeka 118

PROGRAM PENAMBAHBAIKAN STADIUM MERDEKA

Bagi membuktikan komitmen PNB terhadap usaha pemuliharaan, satu bengkel telah diadakan pada Jun 2021 untuk mengumpul idea-idea mengenai rangka kerja pengaktifan semula Stadium Merdeka. Pelan itu bertujuan untuk mengembalikan keterujaan dan keterangkuman dalam komuniti menerusi pelbagai aktiviti sukan, keluarga, komuniti dan gaya hidup di Stadium Merdeka.

Bengkel tersebut dimudah cara oleh PNB Merdeka Ventures dan Think City, Pakar-pakar bidang berkaitan seperti Prof. Ar. Laurence Loh, seorang arkitek pemuliharaan di sebalik pemulihan Stadium Merdeka, Richard A. Engelhart dari UNESCO APAC, serta Francesco Siravo dan Cameron Rashti dari Aga Khan Trust for Culture telah menyertai bengkel tersebut.

Pada Oktober 2021, Lembaga Pemegang Amanah Warisan Merdeka melawat Stadium Merdeka untuk menyaksikan kerja-kerja pemuliharaan yang telah dilakukan untuk membaik pulih stadium kepada keadaan asalnya seperti pada tahun 1957. Amanah Warisan Merdeka ditubuhkan pada tahun 2006 untuk memastikan perlindungan dan pemuliharaan Stadium Merdeka dan Stadium Negara bagi mempromosikan lagi budaya, sukan, kesenian dan warisan di Malaysia.




Perkembangan Kemajuan Merdeka 118

PROGRAM PENAMBAHBAIKAN KAWASAN AWAM

Sebagai sebahagian daripada inisiatif komuniti, PNB Merdeka Ventures berhasrat untuk meningkatkan lagi ketersambungan dan kemudahan pergerakan pejalan kaki di sekitar presint Merdeka 118 menerusi Program Penambahbaikan Kawasan Awam. Program ini menyasarkan penyediaan ruang berjalan kaki yang lebih selamat dan boleh dilalui dengan kawasan awam yang dipertingkatkan untuk komuniti sekitar serta pelawat tempatan dan luar negara berkunjung ke kawasan tersebut.

Pada April 2021, satu lawatan tapak diadakan untuk menilai keselesaan, kebolehcapaian dan kebolehsosialan kawasan sekitar serta memastikan kawasan awam dan titik kemasukan yang perlu dipertingkatkan. Ini diikuti dengan beberapa sesi penglibatan dengan komuniti dari Jalan Hang Tuah dan Persatuan Penduduk untuk mewujudkan pemahaman yang lebih kukuh tentang persepsi orang ramai tentang ketersambungan di sekelilingnya.

Dalam jangka panjang, inisiatif ini akan memudahkan lebih ramai orang memasuki presint Merdeka 118 serta kawasan sekitar yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti kejiranan. Ini seterusnya akan meningkatkan lagi keadaan presint sebagai tempat tinggal untuk hidup dan paling pentingnya dalam menyokong mata pencarian penduduk setempat.



Pelan Strategik ASNB

Transformasi Unit Amanah

Tahun 2021 menyaksikan penerusan Pelan Strategik ASNB 2018-2022, dengan tumpuan dan fokus berterusan untuk menyampaikan produk yang tepat kepada pelanggan dan meningkatkan pengalaman pemegang unit. Pelbagai Program Literasi Kewangan telah dijalankan sepanjang tahun sebagai sebahagian daripada usaha ASNB untuk mendidik rakyat Malaysia tentang pelbagai aspek perancangan kewangan, pada masa yang sama terus meningkatkan pengalaman pelanggan dan memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu.

MEMBERIKAN PRODUK YANG TEPAT KEPADA PELANGGAN

Pelancaran ASN Equity Global

- Tersedia sejak 1 September 2021.
- Dana ASNB pertama yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelaburan dalam ekuiti global.
- Menjana pulangan jangka panjang untuk pelabur yang lebih cenderung kepada pelaburan global berasaskan megatrend dan saham tematik.



ASN Equity Global

Tarikh Pelancaran: **1 September 2021**

Jenis Dana: **Pertumbuhan**

Kategori Dana: **Ekuiti**

Objektif Pelaburan:

Untuk menyediakan peluang pertumbuhan modal melalui pelaburan dalam sekuriti terutamanya dalam pasaran ekuiti global

Perumpukan Aset:

Dana akan melabur 75% hingga 99% daripada NABnya dalam ekuiti global dan sekuriti berkaitan ekuiti, manakala bakinya boleh dilaburkan dalam pasaran wang dan instrumen pendapatan tetap

Penanda Aras Prestasi:

90% MSCI ACWI dan 10% Deposit Tetap 1 Bulan Maybank

Pengenalan Wakaf ASNB



- Wakaf ASNB ialah perkhidmatan yang baru dilancarkan untuk pemegang unit ASNB mewakafkan pelaburan unit amanah mereka bagi membolehkan mereka melakukan amal kebajikan melalui faedah berterusan daripada sumbangan wakaf mereka.
- Dana wakaf akan dikekalkan sebagai pelaburan utama untuk menjana potensi pulangan tahunan. Pulangan itu kemudiannya akan disalurkan kepada projek wakaf dalam kesihatan, pendidikan, pemerkasaan masyarakat dan misi kemanusiaan.

Pelaburan Unit Amanah Anda

Pematuhan kepada konsep Wakaf Muabbad yang bersifat kekal dan tidak boleh dituntut semula oleh penderma wakaf.

Akad Wakaf

MAIWP sebagai Pemegang Amanah

MAIWP (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) ialah pemegang amanah bagi unit amanah yang diwakafkan. ASNB Wakalah Sdn Bhd (AWSB) ialah pengurus dana wakaf

Pulangan pelaburan daripada dana wakaf

Inisiatif Pembangunan Ummah

Pulangan pelaburan daripada dana wakaf akan diagihkan kepada sektor yang dikenal pasti

Pada tahun-tahun akan datang, dengan pelan strategik untuk mengemudi ke tahun 2030, ASNB akan mengutamakan bidang berikut:

- i. **Nasihat** - Untuk memupuk hubungan yang mampan dan holistik dengan pelabur kami dan untuk meluaskan pengetahuan, kapasiti dan keupayaan kami dalam memberikan nasihat kepada mereka yang memerlukan. Inisiatif dalam perjalanan ini akan menggabungkan penggunaan pelbagai alatan, teknologi dan sentuhan manusia untuk menggalakkan kecekapan dan terus kekal dengan mandat kami.
- ii. **Produk** - Untuk mengembangkan tawaran produk kami yang akan membolehkan pelabur kami memenuhi keperluan mereka, termasuk membolehkan keupayaan untuk membina portfolio pelaburan yang tepat bersesuaian dengan profil pelabur.
- iii. **Saluran** - Tema menyeluruh adalah untuk merombak dan mengembangkan kehadiran digital kami bagi mencapai pengoptimuman dalam memberikan nilai kepada pelabur. Kami akan

- mengembangkan titik sentuh kami dengan pelabur melalui saluran dan perkongsian baharu, menambah baik saluran digital kami dan menaik taraf saluran fizikal dan agensi langsung kami. Lebih banyak cawangan yang disepadukan secara digital juga akan diperkenalkan.
- iv. **Data** - Untuk memanfaatkan analitik dan automasi data dalam menjana cerapan yang akan membuka kunci nilai daripada membuat keputusan berdasarkan penggunaan data dan akhirnya meningkatkan pengalaman pelabur secara holistik.

Pada masa yang sama, ASNB akan memanfaatkan persekitaran yang dinamik seperti industri yang dipenuhi aplikasi super dan pemain 'fintech' kewangan sambil membina dan menggerakkan pemboleh utama yang dikenal pasti ke arah visi yang dinyatakan di atas.

MENTRANSFORMASI PEMASARAN, JUALAN DAN PENGAGIHAN

Kolaborasi antara ASNB dan Boost

• Faedah dan Kelebihan Wakaf ASNB:

1. Manfaat berterusan dana wakaf
 - Gabungan konsep pelaburan dan wakaf di mana dana yang diwakafkan kekal menjana pulangan pelaburan untuk disalurkan kepada projek-projek wakaf.
2. Pengiktirafan sebagai Mutawalli
 - AWSB adalah institusi pengurusan wakaf yang diiktiraf sebagai Mutawalli oleh MAIWP yang berfungsi sebagai syarikat wakaf korporat. AWSB mengurus dan mentadbir dana wakaf secara menyeluruh, bermula daripada mengumpul, mengurus dan mentadbir dana wakaf, mengenal pasti dan mengagihkan kepada projek wakaf.
3. Ketelusan dan Tadbir Urus Baik
 - Penderma wakaf akan menerima laporan tahunan yang mengandungi maklumat mengenai dana wakaf terkumpul, pulangan pelaburan daripada dana wakaf dan pengagihan wakaf kepada projek-projek kebajikan. Penderma wakaf juga akan menerima penyata tahunan yang mengandungi maklumat mengenai dana wakaf mereka sendiri dan pulangan pelaburannya. Semua projek sumbangan wakaf adalah telus dan melalui proses ketekunan wajar.
4. Kemas kini mengenai wakaf akan terus diberikan kepada waris/penerima notis yang dilantik
 - Penderma wakaf boleh melantik waris/penerima notis yang akan menerima kemas kini berkala mengenai sumbangan wakaf mereka selepas mereka meninggal dunia.
5. Permohonan mudah
 - ASNB menyediakan saluran dalam talian di portal & aplikasi mudah alih myASNB serta di semua cawangan seluruh negara untuk pendaftaran ASNB Wakaf.

- Menyedari pertumbuhan penyedia perkhidmatan e-dompet dan peningkatan transaksi melalui e-dompet di Malaysia, ASNB telah membina perkongsian strategik dengan penyedia perkhidmatan e-dompet untuk meningkatkan lagi penawaran perkhidmatan kepada pemegang unitnya.
- Boost, e-dompet gaya hidup tempatan dan kini merupakan salah satu pemain e-dompet utama dalam pasaran, telah dipilih untuk merintis kerjasama antara ASNB dan penyedia perkhidmatan e-dompet.
- Pada 1 Jun 2021, e-dompet Boost telah berjaya dimasukkan sebagai gerbang pembayaran alternatif untuk pengguna myASNB.
- Sehingga Disember 2021, terdapat sejumlah 30,576 transaksi melalui e-dompet Boost oleh pengguna aktif myASNB, dengan jumlah langganan dana sebanyak RM14.8 juta.

Transformasi Unit Amanah

MEMPERKAYAKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Cawangan dengan Fokus Digital

Objektif Pelaburan:

1

Selaras dengan matlamat ASNB untuk terus meningkatkan pengalaman pemegang unit kami, cawangan ASNB akan beransur-ansur berubah daripada pejabat yang berteraskan transaksi dan operasi kepada format Jualan, Nasihat dan Perkhidmatan. Empat daripada 32 cawangan kami setakat ini telah melakukan transformasi ini dan kami menjangkakan transformasi semua cawangan kami akan selesai menjelang tahun 2028.


2

Cawangan ASNB moden direka bentuk untuk menggalakkan penggunaan tawaran digital ASNB sambil mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk khidmat nasihat yang disediakan kepada pelanggan yang datang secara bersemuka di cawangan masing-masing.

3

Susun letak baharu direka bentuk semula dengan mengambil kira sasaran pasaran; peningkatan celik digital dalam pasaran peruncitan menyeluruh dan kemunculan segmen mewah yang membentuk lebih 35% daripada populasi Malaysia.

Pencapaian:



Suku 4 tahun 2022: 4 cawangan (termasuk cawangan baharu di Merdeka 118)

Transaksi Kiosk ASNB di Cawangan dengan Fokus Digital (Januari Disember 2021)

Cawangan	Kemas			Pendaftaran	Pautan myASNB	Keseluruhan
	Pertanyaan Baki	Kini CIF	Maklum Balas			
Miri	14,242	4,173	15,285	786	-	34,486
Batu Pahat	5,853	717	5,552	477	43	12,642
Alor Setar	12,403	1,622	11,092	1,069	652	26,838
Kangar	7,351	1,094	7,998	545	35	17,023

Pengenalan Kalkulator Zakat

- Pada November 2021, kalkulator zakat ASNB telah diperkenalkan melalui Portal dan Aplikasi Mudah Alih myASNB. Alat ini membantu pengguna myASNB mengira kewajipan zakat mereka daripada dana unit amanah ASNB (termasuk akaun anak mereka) berdasarkan pengiraan zakat yang disahkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

- Ciri-ciri kalkulator Zakat ASNB adalah seperti berikut:

i. Kadar pengiraan zakat

2.5% daripada jumlah baki pelaburan (dalam RM)

ii. Kaedah pengiraan

Pelaburan dalam dana ASNB dibuat sekurang-kurangnya 12 bulan dari setiap tahun kalendar untuk memenuhi keperluan tempoh 'haul'. Jumlah nilai pelaburan (berdasarkan baki akhir pada 31 Disember) akan disahkan terhadap jumlah nisab yang dikeluarkan oleh MAIWP, bagi menentukan kelayakan pemegang unit membayar zakat. Bagaimanapun, pelaburan dalam bentuk pembiayaan ASB/ASB2, Hibah (jumlah blok RM 1,000 sahaja), KWSP-MIS dan unit dalam blok adalah dikecualikan.

iii. Penyata zakat


Kalkulator zakat ASNB akan membolehkan pengguna myASNB mengakses dan memuat turun penyata pelaburan kewajipan zakat mereka untuk tiga tahun terakhir.

- Sehingga 31 Disember 2021, 38,433 penyata zakat telah diakses oleh pengguna myASNB di kalkulator zakat.

Transformasi Unit Amanah

Pelancaran e-KYC

- Ciri kemasukan mudah alih baharu ini membolehkan rakyat Malaysia membuka akaun ASNB melalui aplikasi myASNB tanpa mengunjungi cawangan ASNB atau ejennya dan ini dilakukan dalam keselesaan mereka di rumah



Tarikh Pelancaran:
26 September 2021

Bilangan pengguna e-KYC*:
67,498 pemohon

* Sehingga 31 Dis 2021



Pelancaran Target Labur

- Ini ialah aplikasi kalkulator matlamat dan penjejakan yang memudahkan pengguna myASNB untuk melabur berdasarkan matlamat kewangan yang mereka inginkan.
- Ciri tersebut menyediakan pelbagai matlamat yang telah ditetapkan awal dan membantu pengguna menentukan pelaburan bulanan yang sesuai untuk mencapai sasaran kewangan yang ditetapkan.

Tarikh Pelancaran:
11 Oktober 2021

Bilangan pengguna*:
8,241

Bilangan matlamat*:
10,230

* Sehingga 31 Dis 2021

Transformasi Unit Amanah

PROGRAM LITERASI KEWANGAN BERTERUSAN



Webinar - Sembang-Sembang ASNB

ASNB juga menganjurkan kerjasama strategik dengan beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta seperti Kementerian Pendidikan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam mendidik kakitangan dan pelajar mereka mengenai perancangan kewangan. Sesi langsung ini dilakukan melalui akaun FB masing-masing.

Matlamat webinar ASNB adalah untuk menyampaikan dan mendidik masyarakat Malaysia daripada pelbagai segmen masyarakat tentang perancangan kewangan, pelaburan, hubungan risiko dan pulangan, kesan pengkompaunan dan lain-lain lagi. Perjalanan pendidikan kewangan memainkan peranan penting dalam operasi ASNB dan akan dilanjutkan pada TK2022 dan seterusnya.

Objektif:

- Untuk mewujudkan rasa keperluan tentang kepentingan perancangan kewangan dalam kalangan peserta.
- Untuk meningkatkan kesedaran dan menyediakan kaedah yang komprehensif untuk mengurus dan merangka pelan hala tuju kewangan bagi membantu orang ramai mencapai matlamat kewangan jangka pendek, sederhana dan panjang
- Menyediakan pendidikan berterusan kepada orang ramai tentang kepentingan perancangan kewangan untuk persaraan, keperluan pendidikan anak dan objektif pelaburan lain.
- Untuk menyemai sikap yang betul tentang kepentingan menyimpan, pelaburan dan perancangan kewangan.
- Untuk membantu peserta mencapai ketenangan fikiran dan kebebasan kewangan; dan
- Untuk memperkenalkan dan mempromosikan dana unit amanah ASNB dan perkhidmatan ASNB kepada orang ramai dengan tujuan untuk mewujudkan kesedaran, menyemai keyakinan dan membina hubungan jangka panjang.

Tahun	Seminar Fizikal (Seminar 360)		Webinar Dalam Talian (Sembang-Sembang ASNB)		Bilangan Tontonan	Jumlah Peserta
	Bilangan Aktiviti	Jumlah Peserta	Bilangan Aktiviti	Jumlah Peserta		
2008-2019	7,520	712,257				
2020	75	7,252	154	9,956		
2021	1	70	299	25,117	97,179	
Keseluruhan	7,596	719,579	453	35,073	97,179	132,252

Sejak penularan COVID-19, seminar fizikal telah digantikan dengan webinar dengan audiens yang berbeza seperti pelabur ASNB, pelajar dari Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, pelajar sekolah menengah, serta kakitangan kerajaan dan swasta.

Webinar ini juga dibuka untuk orang ramai setiap Jumaat melalui Zoom dan Facebook Live ASNB dengan pakar subjek bercakap tentang pelbagai topik seperti penipuan pelaburan, mata wang kripto, insurans, harta pusaka, pembiayaan persaraan anda dan lain-lain. Rakaman webinar turut dimuat naik di saluran Youtube ASNB - ASNBmy.

Sembang-sembang ASNB - Rancangan bual bicara di RTM

Pada tahun 2021, Sembang-sembang ASNB turut disiarkan sebagai program rancangan bual bicara baharu. Program 12 episod ini merangkumi topik termasuk pengurusan kewangan, pelaburan, aliran tunai peribadi, insurans dan pengurusan harta pusaka melalui perbincangan dengan ahli panel dalam bidang kewangan, pelaburan dan bidang lain yang berkaitan.

Siaran Perdana
dan Ulangan - TV1

Siaran Ulangan
TV Okey

1.602 juta penonton
Sumber: RTM



Transformasi Unit Amanah



Fiesta Labur PNB Dalam Talian

Fiesta Labur PNB ialah program tahunan yang dianjurkan oleh ASNB untuk mendekati orang ramai untuk berkongsi maklumat tentang produk, perkhidmatan dan pengetahuan literasi kewangan ASNB.

Namun disebabkan COVID-19 yang menyekat pelaksanaan acara di lapangan, pada tahun 2021, Fiesta Labur PNB telah diadakan secara dalam talian selama tiga hari melalui Facebook Amanah Saham Nasional Berhad dan Facebook Sembang-semang ASNB.

Acara yang dipenuhi dengan rancangan bual bicara, peraduan dan kempen itu menarik hampir 35,000 penonton dan hampir 20,000 peserta untuk kandungan trivia yang khusus diadakan sepanjang acara tersebut.

Antara ahli panel dan selebriti yang ditampilkan ialah pengasas saluran YouTube FinancialFaiz, Perancang Kewangan Berlesen Encik Alwi Adam dan selebriti Haiza, Ajak Shiro dan Bell Ngasri. Antara topik yang dibincangkan ialah Pembiayaan ASB, Unit Amanah Harga Berubah ASNB, ASNB Wakaf dan strategi pelaburan dalam pelbagai segmen iaitu 'Borak-Borak Je', 'ASNB Kongsi' dan 'Diva Labur'.

Ejen ASNB seperti Maybank dan RHB Bank turut dijemput untuk berkongsi perkhidmatan digital mereka yang memudahkan orang ramai melabur dalam produk ASNB di platform mereka.

Program '**Special Coaching**' turut diperkenalkan semasa Fiesta Labur PNB sebagai sebahagian daripada pendekatan khidmat nasihat ASNB dalam mendidik orang ramai tentang perancangan kewangan. Dalam setiap sesi, jurulatih membantu memberi bimbingan secara mendalam kepada peserta tentang cara mengatur strategi dan mencapai matlamat kewangan mereka dan bukan sekadar pendekatan perkongsian maklumat biasa.



Kuiz Pelaburan PNB

Kuiz Pelaburan PNB telah diperkenalkan pada tahun 2001 sebagai sebahagian daripada inisiatif pendidikan kewangan PNB/ASNB untuk mendekati orang ramai. Sejak diperkenalkan, ia telah berjaya menarik 1,026,916 peserta daripada pelbagai segmen.

Objektif utama Kuiz Pelaburan PNB adalah untuk mendidik orang ramai tentang pelaburan dan perancangan kewangan dan pada masa yang sama, mempromosi dan memperkenalkan produk dan perkhidmatan ASNB.

Pada tahun 2021, Kuiz Pelaburan PNB terus menarik minat orang ramai dengan 262,570 peserta, meningkat 50% daripada 173,980 peserta pada tahun 2020.

Kategori Umum berjaya menarik 209,054 peserta manakala Kategori Remaja berjaya menarik 53,516 peserta.

Kuiz Pelaburan PNB 2021 telah dijalankan secara dalam talian dengan pengenalan konsep dan mekanisme baharu untuk menjadikannya lebih menarik dan mencabar. Hadiah bernilai RM68,500 ditawarkan kepada 280 pemenang.

Peserta perlu menjawab lima soalan yang telah dibangunkan berdasarkan perancangan kewangan, pelaburan dan produk ASNB serta dipersembahkan dalam format teka silang kata.

Sebuah artikel berkaitan pelaburan dan perancangan kewangan turut diterbitkan dalam akhbar terpilih untuk membantu peserta menjawab soalan dan pada masa yang sama mendidik mereka tentang pelaburan dan perancangan kewangan.



Kelab Pelaburan Bijak PNB

Sehingga Disember 2021, ASNB telah berjaya menganjurkan tiga program utama Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) yang menarik hampir 4,000 peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar dari 155 sekolah KPBPNB.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan peserta program KPBPNB seramai 1,082,321 sejak dimulakan pada tahun 2001.

Semua program di bawah KPBPNB diperakui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan ASNB berjaya memperoleh Sijil Peringkat Kebangsaan untuk dua program iaitu, Webinar Remaja dan Ringgit: Urus Wang dengan Bijak, dan Bengkel Kewangan dan Kecemerlangan SPM' manakala di bawah program 'Train The Trainer', guru-guru telah diberikan mata latihan untuk penyertaan mereka.

Dalam semua program KPBPNB untuk pelajar, dua elemen utama pengetahuan perancangan kewangan dan topik berasaskan sekolah telah digabungkan untuk menarik penyertaan pelajar dan guru.

ASNB akan terus berusaha gigih untuk memantapkan semua program di bawah KPBPNB bagi membantu menyebarkan maklumat dan pengetahuan berkaitan pelaburan dan perancangan kewangan dalam kalangan belia.

Maju Bersama

Pendekatan Kami Terhadap Kelestarian	77
Mentadbir Aspirasi Kelestarian Kami	80
Keterlibatan Dengan Pihak Berkepentingan Kami	83
Menentukan Kematangan	84
Pengurusan Modal Insan	85
Komitmen Advokasi Sosial Kami	95

Pendekatan Kami Terhadap Kelestarian



••

Di PNB, misi kami adalah untuk meningkatkan kekayaan ekonomi semua pihak berkepentingan, demi kemakmuran Negara. Kami menyedari bahawa kami mempunyai tanggungjawab untuk menguruskan risiko persekitaran dan sosial, dan secara proaktif mengenal pasti peluang yang akan membantu menjamin kekayaan Negara untuk generasi akan datang.

Bagi mencapai misi ini kami perlu memberi tumpuan kepada melakukan perkara yang betul dan bersikap telus tentang kemajuan dan prestasi kami. Rangka Kerja Kelestarian kami mengiktiraf kesalinghubungan perkara berkaitan pelaburan, operasi, persekitaran dan sosial terhadap latar belakang perubahan jangkaan masyarakat. Kami akan menyemak secara rutin Rangka Kerja kami untuk memastikan ia terus menyampaikan nilai kepada semua pihak berkepentingan kami.

ASPIRASI KELESTARIAN DAN KOMITMEN KAMI

Kami percaya bahawa menjalankan perniagaan kami secara bertanggungjawab dan memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat adalah penting untuk menyampaikan hasil pihak berkepentingan yang seimbang dan mampan. Rangka Kerja Kelestarian direka bentuk untuk membolehkan penskalaan sambil mengekalkan tumpuan terhadap impak. Bidang tumpuan akan berkembang dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan konteks persekitaran dan sosial, jangkaan masyarakat dan mengambil kira tetapan kawal selia yang baharu.

Pendekatan Kami Terhadap Kelestarian



Prinsip dan Nilai Panduan

Pendekatan kami terhadap perkara berkaitan kelestarian disokong oleh prinsip-prinsip panduan berikut:

- Mengurus dan berusaha untuk menambah baik impak operasi kami terhadap alam sekitar dan komuniti;
- Meneruskan pengukuhan integrasi pengurusan risiko persekitaran dan sosial ke dalam amalan dan prosedur perniagaan;
- Berusaha untuk mengurangkan risiko persekitaran dan sosial menerusi produk dan perkhidmatan khusus;
- Menyelaraskan tingkah laku, keputusan dan tindakan kami terhadap Kod Tatakelakuan dan Nilai Kumpulan;
- Mengambil pendekatan berasaskan risiko terhadap hal berkaitan alam sekitar dan sosial;
- Memanfaatkan hubungan kami dengan syarikat pelaburan kami bagi mengurangkan impak alam sekitar dan sosial;
- Sentiasa mengikuti perubahan landskap kawal selia dan menyesuaikannya dengan keperluan baharu sekiranya perlu; dan
- Meningkatkan tadbir urus dan jaminan secara berterusan dengan pematuhan terhadap komitmen alam sekitar dan sosial kami agar sejajar dengan harapan kelestarian kerajaan.

Pendekatan Kami Terhadap Kelestarian

ASPIRASI KELESTARIAN DAN KOMITMEN KAMI

Kami mentakrifkan kelestarian sebagai penyampaian nilai jangka panjang dari segi kewangan, alam sekitar, sosial dan etika yang memanfaatkan pemegang unit, kakitangan dan komuniti kami. Sebagai salah satu pengurus aset terbesar Negara, kami memainkan peranan penting dalam memastikan peralihan yang teratur dan adil demi masa depan yang lebih mampan.

Aspirasi kelestarian kami terdiri daripada tiga teras: melaksanakan peralihan ke arah ekonomi hijau, menangani isu-isu ekuiti dan keterangkuman serta mendukung amalan tadbir urus yang teguh.



E ALAM SEKITAR



● **Melaksanakan Peralihan ke Arah Ekonomi Hijau**

Perkara utama teras ini adalah penyahkarbonan. Sebagai Syarikat Sifar Bersih, PNB akan berusaha mencapai pelepasan pencemaran sifar bersih untuk Skop 1 dan Skop 2 menjelang tahun 2025. Lebih penting lagi, di bawah Portfolio Sifar Bersih, komitmen PNB adalah untuk mengurangkan secara beransur-ansur keseluruhan pelepasan Skop 3 yang terkandung dalam portfolio kami menjelang tahun 2050. Ini akan melibatkan beberapa pengimbangan semula portfolio kami dari semasa ke semasa dan penglibatan aktif dengan syarikat pelaburan untuk menggalakkan mereka mengurangkan pelepasan pencemaran. Kedua-dua komitmen ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara neutral karbon menjelang tahun 2050. PNB juga menyasarkan untuk memperuntukkan RM10 bilion modal baharu untuk dilaburkan menjelang tahun 2030 ke dalam aset hijau dan peralihan seperti karbon rendah dan amalan cekap tenaga, pelaburan dengan pemancar atau intensiti GHG rendah dan pembelian ofset karbon, antara lain.



S SOSIAL



● **Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman**

PNB akan memberi tumpuan terhadap hak buruh dalam penglibatan kami dengan syarikat pelaburan kerana isu buruh, termasuk buruh asing, kini merupakan satu risiko yang boleh menghalang prestasi kebanyakan syarikat Malaysia. Isu ini penting kerana mampu menjejaskan kedua-dua hasil pendapatan dan penilaian syarikat. Kami juga akan terus menggalakkan kepelbagaian yang lebih besar dalam pasukan kepimpinan kami dan mengekalkan komitmen kami terhadap program CSR melalui tajaan pendidikan dan menyokong komuniti di sekeliling kami.



G TADBIR URUS



● **Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh**


Tadbir urus telah menjadi asas yang penting untuk PNB dan akan terus memainkan peranan penting dalam perjalanan kelestarian kami. Kami berpandangan bahawa tadbir urus bukan sekadar pematuhan atau mengikut amalan, tetapi juga membabitkan penglibatan yang betul dan berkesan dengan syarikat pelaburan kami. Di sinilah kami merancang untuk membuat pilihan dan rasional pengundian kami dengan jelas kepada orang ramai dan syarikat pelaburan untuk menyediakan ketelusan kepada pasaran tentang kedudukan kami memandangkan kedudukan kami sebagai pelabur besar dalam kebanyakan syarikat awam Malaysia.

Mentadbir Aspirasi Kelestarian Kami

••

Untuk menjadikan perniagaan sebagai suatu kekuatan untuk kebaikan, semua keputusan dan proses merentas organisasi perlu bergerak ke arah yang sama. Ini memerlukan tadbir urus perniagaan yang dipertimbangkan secara teliti. Cara kami mengatur dan mentadbir usaha kelestarian kami akan memastikan ketelusan dan akauntabiliti.

Kami mahukan kelestarian dan integriti disepadukan ke dalam proses dan membuat keputusan yang merentasi organisasi kami. Lembaga Pengarah PNB merupakan pihak berkuasa tertinggi dalam mengawasi usaha kelestarian kami, manakala pasukan Pengurusan Kanan bertanggungjawab terhadap program kelestarian kami dengan sokongan daripada jawatankuasa yang dilantik. Carta di bawah menunjukkan di mana dan bagaimana kelestarian ditadbir di PNB.



Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian

Objektif


- **Membina, mengesyor dan melaksanakan dasar Kelestarian** merentasi seluruh peringkat organisasi termasuk untuk ikrar dan sasaran baharu
- **Menyediakan pengawasan berpusat** dan panduan strategik merentasi semua unit dan fungsi perniagaan
- **Memantau pelaksanaan** polisi Kelestarian yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah

Kekerapan

- **Setiap bulan**, atau bila-bila masa yang difikirkan perlu atau seperti yang dikehendaki oleh Pengerusi

Komposisi


- **Pengerusi:** Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
- **Ahli-ahli tetap:** Ketua Pegawai Pelaburan, Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Ketua Kumpulan Hal Ehwal Awam, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB
- **Jemputan tetap:** Ketua Kelestarian & Pelaburan Sosial, Ketua Pengawasan Pelaburan
- **Jemputan lain:** Ketua-ketua dari jabatan PNB/ASNB
- **Sekretariat:** Jabatan Kelestarian



Mentadbir Aspirasi Kelestarian Kami

Di bawah setiap teras, kami telah mengenal pasti komitmen ESG terhadap kelestarian yang akan memacu aspirasi kelestarian kami dan mewujudkan piawaian seragam di seluruh Kumpulan.

Komitmen kelestarian kami ialah:



Keterlibatan Dengan Pihak Berkepentingan Kami

Mengekalkan dialog terbuka dan membina dengan pihak berkepentingan adalah penting untuk perniagaan. Begitulah cara kita memahami jangkaan komuniti, mengenal pasti isu, dan meneroka peluang untuk berkhidmat kepada pemegang unit dan membantu komuniti kami berkembang maju. Pendekatan kami tentang penglibatan dengan pihak berkepentingan dinyatakan seperti di bawah. Dalam semua perhubungan dengan pihak berkepentingan, kami komited untuk menghormati, responsif terbuka dan benar dalam penglibatan kami tentang isu-isu kepentingan bersama.

Pihak berkepentingan utama kami termasuk:



Berhubung dengan pelbagai pihak berkepentingan kami merupakan bahagian yang penting dalam strategi kami. Mengekalkan dialog terbuka dan membina dengan pihak berkepentingan membantu kami mengenal pasti isu-isu yang timbul, menyumbang kepada pengurusan risiko dan membolehkan kami meneroka peluang bagi meningkatkan prestasi kami. Ia juga membantu kami dalam memahami jangkaan komuniti dan meneroka peluang untuk bekerjasama dengan rakan kongsi kami dalam isu-isu kepentingan bersama.

Menentukan Kematanan

Pendekatan kami terhadap kematanan adalah berpandukan Rangka Kerja Kelestarian kami. Kami menggunakan prinsip-prinsip ini untuk menilai isu-isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang paling matan kepada syarikat kami. Dalam membangunkan Rangka Kerja Kelestarian, kami menjalankan proses pengesahan kematanan untuk menentukan suatu set asas Isu Kelestarian Matan.

Proses ini bermula dengan penilaian setara terhadap isu-isu matan bandingan bersama penilaian terhadap rangka kerja ESG untuk membimbing pendedahan kami. Rangka Kerja ESG termasuk: Inisiatif Pelaporan Global (GRI) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Kelestarian (SASB). Seterusnya kami menggunakan pandangan dalaman menerusi prinsip pengurusan risiko kami dan menumpukan secara khusus pada perubahan iklim dan keterangkuman serta kesamarataan. Hasilnya adalah satu proses yang dinamik dan berterusan bagi mengukur maklumat ini dan menghasilkan pandangan tentang bagaimana keutamaan yang pelbagai disenaraikan dari segi kepentingan kepada kejayaan perniagaan teras dan kepentingan kepada pihak berkepentingan di luar. Untuk maksud kejelasan, kami mengumpulkan isu-isu tersebut sebagai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus dan menjajarkannya dengan teras Kelestarian kami. Hasil daripada Penilaian Kematanan kami ini serta pendekatan berterusan kami terhadap kematanan akan membantu dalam membimbing pelaporan dan pendedahan ESG kami dan memastikan kami memiliki inisiatif yang betul untuk mengurangkan risiko dan peluang kematanan yang kami utamakan.

ALAM SEKITAR

- **Risiko dan Peluang berkaitan Iklim**
Menganjurkan usaha penyahkarbonan yang bukan sahaja dalam organisasi kami sendiri tetapi juga menerusi syarikat-syarikat pelaburan kami juga.

SOSIAL

- **Impak Sosial**
Ini merangkumi pembangunan dan peningkatan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan, termasuk menerusi penyelesaian teknologi untuk segmen yang tidak mempunyai akaun perbankan dan kurang kemudahan perbankan dan demografi pelanggan yang berbeza seperti populasi yang semakin lanjut usia. Juga termasuk pinjaman strategik, pelaburan dan kedermawanan untuk menyokong pembangunan ekonomi masyarakat dan menangani keselamatan kewangan pengguna menerusi program literasi kewangan dan produk serta perkhidmatan yang direka bagi meningkatkan keselamatan kewangan.
- **Kepelbagaian dan Keterangkuman**
Ini termasuk usaha bagi memastikan tenaga kerja syarikat mencerminkan perniagaan globalnya dan usaha bagi memastikan amalan di tempat kerja mencerminkan komitmen terhadap kesamarataan dan keterangkuman. Juga termasuk usaha untuk menyediakan upah yang berpatutan dan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.
- **Pengurusan Bakat**
Ini termasuk keupayaan syarikat untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik dan usahanya bagi menggalakkan perkembangan profesional dan mengukur serta meningkatkan kepuasan kakitangan.

TADBIR URUS

- **Melabur Secara Bertanggungjawab**
Keterangkuman analisis ESG yang jelas ke dalam analisis kewangan tradisional dan keputusan pelaburan berdasarkan satu proses sistematik dan dalam semua kelas aset.
- **Tadbir Urus dan Etika**
Ini termasuk penganjuran standard etika tinggi dalam tingkah laku perniagaan dan bersama rakan kongsi perniagaan dalam usaha melawan rasuah dan sogokan dalam semua pasaran yang operasinya dan urusan perniagaan yang melibatkan Kumpulan.
- **Maklumat Telus dan Amalan Yang Adil**
Ini termasuk usaha penyediaan maklumat perniagaan dan kelestarian yang jelas dan setanding dalam suatu bentuk yang boleh dicapai. Selain itu, ini juga termasuk memastikan pemasaran dan komunikasi produk dan perkhidmatan adalah jujur, telus dan adil semasa menguruskan risiko pelanggan.

Pengurusan Modal Insan

Di PNB, kami berkembang atas asas yang telah ditubuhkan sejak lebih 40 tahun lalu. Prinsip-prinsip yang membimbing kami diterapkan ke dalam nilai korporat kami yang menjadikan kami seperti mana hari ini. Kakitangan kami yang mengamalkan nilai-nilai ini merupakan penyumbang kepada kisah kejayaan kami dan berasa bernilai dan dihargai untuk sumbangan mereka dalam persekitaran yang pelbagai dan inklusif.

Bagi mencapai kejayaan dalam pasaran antarabangsa yang pantas berubah, tenaga kerja yang berkecuali dan komited sepenuhnya merupakan satu perkara yang penting. Bagi menarik bakat dari luar negara yang terbaik sementara memenuhi tanggungjawab sosialnya, Kumpulan menekankan kepentingan keadaan bekerja yang adil dan selamat serta persekitaran kerja yang menarik, inklusif dan tangkas. Untuk membuka potensi prestasi kakitangan sepenuhnya, Kumpulan juga menawarkan latihan dan pembangunan yang mendalam serta budaya korporat yang kukuh berdasarkan nilai-nilai P.A.C.E kami. Pada dasarnya, Kumpulan ingin memperkasakan bakat bagi mencipta nilai untuk pemegang unit kami, syarikat, diri mereka sendiri, masyarakat setempat mereka dan seluruh dunia.

INISIATIF UTAMA

Pelan Penularan Wabak

Inisiatif Utama	Penerangan
Pelan Penularan Wabak & SOP (Pandemik)	SOP & Garis Panduan yang lengkap pada Mac 2020, merangkumi <ul style="list-style-type: none"> aktiviti perniagaan rutin & bukan rutin pemeriksaan kesihatan kawalan penularan wabak & pelan tindakan balas pemantauan kes/insiden ketersediaan peralatan, bahan kimia & PPE
SOP untuk Kembali ke Tempat Kerja (KTK) Beralih kepada Endemik	Pewujudan SOP KTK, termasuk:- <ul style="list-style-type: none"> semua kakitangan yang dikehendaki bekerja di pejabat di Menara PNB diwajibkan menjalani ujian sendiri dan memberikan keputusannya sebelum memasuki bangunan. Pengedaran kit ujian sejak 14 Oktober 2021. Saringan ujian sendiri dan kemas kini keputusan dalam talian.
Latihan Kesedaran Ergonomik Tentang Bekerja dari Rumah	Untuk menyediakan bungkusan makanan, kit kebersihan, bekalan barangan perubatan & bukan perubatan.

Kesejahteraan Kakitangan

Inisiatif Utama	Penerangan
Program Kesejahteraan Kakitangan	Elemen teras:- <ul style="list-style-type: none"> FITEat: Makanan & Khasiat GO-FITBeat: Kecergasan fizikal LiveFIT4People: Penyepaduan antara kesihatan mental dan fizikal serta elemen-elemen kesejahteraan lain LiveFIT4Family: Sokongan kesejahteraan yang sama diberikan kepada tanggungan kakitangan Siri Pengurus Kakitangan Hasil daripada Tinjauan Kesejahteraan Kakitangan (EWS) pada Disember 2020:- <ul style="list-style-type: none"> Isu kesejahteraan: Kelelahan & keletihan disebabkan oleh bekerja dari rumah; keletihan maya; kesihatan fizikal & mental; garis sempadan pemisah kehidupan dan bekerja yang lemah; konflik peranan dalam keluarga; kesihatan ergonomik; produktiviti & penglibatan; menguruskan pasukan hibrid cth.komunikasi; dinamik pasukan; penyelaan & pembangunan kakitangan bawahan (terutama untuk kakitangan peringkat rendah & pengambilan baharu). Konteks risiko psikososial tidak lagi terhad kepada persekitaran tempat kerja; kini termasuk persekitaran & cabaran semasa bekerja dari rumah. Keperluan untuk strategi Kakitangan jangka pendek & jangka panjang

Penglibatan dengan Kakitangan

Inisiatif Utama	Penerangan
Onboarding Digital	<ul style="list-style-type: none"> Fasa Pertama selesai pada April 2021 yang melibatkan penyertaan Kit <i>Onboarding</i> dan Dokumen <i>Onboarding</i> dengan Halaman <i>Onboarding</i> yang dimuat naik dalam Knowledge Hub PNB Fasa Kedua masih berlangsung yang melibatkan UAT dan Latihan untuk Rakan <i>Onboarding</i>.
Program Penglibatan Kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> Sesi Dialog Townhall - dianjurkan sebanyak empat kali Majlis Anugerah PNB 2021 Bantuan Khas Persekolahan 2022



Pengurusan Modal Insan

STATISTIK UTAMA - MODAL INSAN

Jumlah Kakitangan setakat 31/12/2021

1,818

- < 30
358
- 30 - 39
625
- 40 - 50
506
- > 51
329



Jantina


● **Lelaki** ● **Perempuan**
916 **902**

Kumpulan Umur

Komposisi Kakitangan

PENGURUSAN KANAN


Jumlah **102**



Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Timbalan Presiden, Naib Presiden Eksekutif, Naib Presiden Kanan dan Naib Presiden

PENGURUSAN PERTENGAHAN


Jumlah **496**



Penolong Naib Presiden dan Pengurus

PENGURUSAN RENDAH


Jumlah **972**



Pengurus Bersekutu, Bersekutu/Penganalisis, Eksekutif dan Jurujaga Jentera

BUKAN EKSEKUTIF

Jumlah **248**



Penyelia, Kerani Kanan, Kerani, Pembantu Pentadbiran, Pembantu Perkhidmatan, Pemandu, Juruteknik, Polis Bantuan, dsb.

Pengurusan Modal Insan

ATURAN KERJA FLEKSIBEL (FWA)



Akibat peningkatan pandemik dan haluan negara yang sentiasa berubah dalam sekatan pergerakan, PNB terus mengekalkan Pelan Kesyinambungan Perniagaan (BCP) untuk menjaga kesejahteraan semua kakitangan sambil memastikan operasi perniagaan dapat diteruskan.



Semua kakitangan terus bekerja dari rumah, kecuali mereka dengan fungsi teras kritikal tertentu yang beroperasi di antara pejabat utama PNB, tapak kerja ganti dan di rumah secara bergilir-gilir. Polisi Aturan Kerja Fleksibel (FWA) juga terus dilaksanakan, memberikan pilihan kepada kakitangan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) secara ad hoc atau bergilir-gilir dalam mengimbangi komitmen kerja dan peribadi mereka.

Polisi ini sebahagian besarnya telah berjaya kerana kedua-dua kakitangan dan penyelia mereka menggunakan fleksibiliti ini sambil mengekalkan piawai tertinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Di samping itu, kami melancarkan *onboarding* digital kakitangan baharu dengan menyediakan kit dan dokumen *onboarding* menerusi Knowledge Hub PNB.

Dengan situasi pandemik yang berpanjangan, PNB melaksanakan beberapa program kesejahteraan untuk mengurangkan kepenatan dan keletihan BDR. Ini termasuk program berkenaan makanan dan pemakanan, kecergasan fizikal dan kesejahteraan mental. Menjelang penghujung tahun 2021 dan ketika negara menuju ke peringkat

endemik, kami menyediakan garis panduan Kembali Ke Tempat Kerja yang memerlukan kakitangan yang bekerja di pejabat untuk melakukan ujian COVID-19 dan mengemas kini keputusan mereka dalam talian sebelum memasuki pejabat.

Sepanjang tahun 2021, pelbagai pasukan di PNB terus mencapai hasil dan output yang disasarkan dengan terus mengekalkan komunikasi dengan penyelia dan ahli pasukan mereka, sama ada secara maya atau secara bersemuka. Ketua-ketua Bahagian dan Jabatan memainkan peranan penting dalam peralihan polisi ini, memudahkan perubahan budaya ini, dengan mengukur prestasi kakitangan bawahan mereka berdasarkan hasil berbanding jam bekerja di pejabat. Kami memupuk persekitaran yang menyokong dan saling percaya-mempercayai untuk membolehkan FWA berjaya dilaksanakan dan menyaksikan maklum balas menggalakkan terhadap FWA sejak pelancarannya pada Mei 2020. Ini sememangnya merupakan sebahagian daripada proses transformasi PNB untuk menjadi lebih tangkas dengan pasukan menerima cara baharu bekerja menjelang perpindahan yang dirancang ke bangunan Merdeka 118.

Pengurusan Modal Insan

PEMBANGUNAN KAPASITI

Pembangunan Kepimpinan

Dalam era perubahan dan ketidakpastian ini, para pemimpin ditugaskan untuk mencari penyelesaian jangka pendek sambil memberikan pandangan jangka panjang ketika kakitangan mencari arah tuju dan empati. Siri Perkembangan PNB dalam Talian, satu program kepimpinan kolaborasi dengan Asia School of Business bertujuan untuk melengkapkan para pemimpin PNB bagi menggunakan pendekatan pada masa kini dengan kesahihan dan ketangkasan serta untuk menonjolkan kebolehan terbaik mereka dan pasukan masing-masing dalam melakukan langkah-langkah yang betul. Bagi tahun 2021, seramai 84 orang pemimpin daripada pelbagai bahagian/jabatan telah menyertai program tersebut. Program ini menggabungkan topik kepimpinan, pengurusan dan pembangunan kemahiran peribadi yang berikut:-

Insan, Tujuan & Prestasi (Cara untuk Mereka Bentuk Organisasi yang Berkesan)

- Menunjukkan tentang cara sesebuah organisasi direka bentuk dan diadun secara lancar bersama kakitangan yang akan menentukan kejayaannya.

Nilai, Etika & Akauntabiliti Korporat

- Mewujudkan cara membuat keputusan berasaskan hati nurani yang berpaksikan pada prinsip yang ditentukan oleh pertimbangan sosial, ekonomi dan politik serta nilai.

Kepimpinan Berempati: Kuasa Tiga

- Menguruskan apa yang diketahui' dan memimpin 'sebarang kemungkinan', peralihan daripada menjadi pemimpin yang bagus kepada pemimpin yang berilmu.

Di samping itu, seramai 460 orang Pengurus dan Penolong Naib Presiden menyertai modul kepimpinan. Objektif program ini adalah untuk melengkapkan kakitangan tentang cara memaksimumkan potensi dan keyakinan diri dalam memenuhi permintaan organisasi dan memberi tumpuan kepada cara minda mempengaruhi kepimpinan.

Memanfaatkan Keupayaan Bimbingan PNB: Daripada Potensi kepada Prestasi Puncak

- Mengenal pasti halangan peribadi yang berkaitan dengan bimbingan dan menggunakan pelbagai taktik untuk mengatasinya.

Matriks Ketangkasan Minda & Kemahiran PNB - Kepimpinan Berasaskan Minda - Inisiatif Minda

- Menunjukkan cara minda berfungsi dan faktor-faktor yang mempengaruhi cara kita melihat dunia dan memahami sebab berlakunya penentangan terhadap perubahan.

Kepimpinan Empati: Kuasa Tiga

- Menumpukan pada pemahaman dinamik kumpulan, menjajarkan peranan dan tanggungjawab, membangunkan komunikasi pasukan dan proses membuat keputusan.

Berunding Penyelesaian Sama Menang

- Membangunkan keyakinan untuk menyelesaikan konflik yang bukan sahaja secara baik tetapi juga mewujudkan hasil sama menang untuk kedua-dua pihak.

Pengurusan Modal Insan

Pra-Persaraan

PNB menyediakan program latihan pra-persaraan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan syarikat untuk sekurang-kurangnya lima tahun. Objektif utama program ini adalah untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan peralihan daripada kehidupan bekerja kepada persaraan serta membolehkan mereka memperoleh kemahiran dan alatan baharu yang boleh mereka gunakan semasa persaraan mereka.

Pada tahun 2021, seramai 21 orang kakitangan telah mengikuti pelbagai program latihan pra-persaraan berdasarkan bidang minat mereka.

Program Pendidikan Tertinggi dan Profesional

Sebagai sebahagian daripada usaha syarikat untuk meningkatkan tahap pendidikan dan peningkatan kerjaya, PNB menyediakan penajaan kepada kakitangan untuk mengikuti program diploma, ijazah dan sarjana, serta kelayakan profesional di dalam atau luar negara seperti berikut:

3

biasiswa penuh untuk Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan untuk Program Profesional Bekerja (MBA-WP) di Asia School of Business (ASB), dengan kolaborasi Sloan School of Management, Massachusetts Institute of Technology (MIT), Amerika Syarikat.

1

biasiswa penuh yang ditaja oleh Anugerah Biasiswa Chevening untuk Sarjana Sains dalam Urbanisasi dan Pembangunan di London School of Economics & Political Science (LSE)

3

biasiswa separa untuk program Sarjana (dasar 70:30)

30

biasiswa penuh untuk program kelayakan profesional (seperti Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA) dan Program Akauntan Bertauliah Profesional)

MEMBANGUNKAN INSAN

Latihan Kakitangan


Untuk berjaya dalam persaingan, PNB perlu menarik, membangun dan mengekalkan bakat berkemahiran tinggi berlandaskan prestasi dengan penetapan minda untuk cemerlang dan menang walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Perkara ini dapat dicapai menerusi program pengembangan bakat berstruktur yang disasarkan untuk memperkukuhkan set kemahiran profesional dan peribadi melalui tiga kecekapan utama seperti di bawah:

- Kecekapan Teras - Diperlukan untuk prestasi cemerlang dalam semua peringkat dan fungsi
- Kecekapan Kefungsian - Faktor kejayaan yang membezakan fungsi kumpulan berdasarkan pada Famili Pekerjaan
- Kecekapan Kepimpinan - Membina keupayaan kepimpinan berdasarkan DNA Kepimpinan PNB yang disasarkan

Bagi tahun 2021, 69% kursus yang dijalankan adalah berkaitan dengan kecekapan Teknikal, diikuti dengan kecekapan Teras sebanyak 21% dan kecekapan Kepimpinan sebanyak 10%. Kakitangan juga dilatih dalam kecekapan teknikal untuk memastikan mereka memperoleh kemahiran teknikal yang diperlukan dalam melaksanakan tugas mereka dengan jayanya.

PNB telah berjaya menerima dan bertukar kepada latihan dalam talian untuk semua kakitangannya. Pada tahun 2021, purata jam latihan ialah 114, dengan 98.8% kakitangan berjaya memenuhi syarat waktu minimum latihan iaitu sebanyak 64 jam.

Kursus Berkaitan Kecekapan




Pengurusan Modal Insan

Pensijilan Profesional

PNB terus menggalakkan kakitangannya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pensijilan profesional. Antara pensijilan profesional yang didaftarkan oleh kakitangan PNB pada tahun 2021 ialah Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA), Akauntan Bertauliah (CA), Saintis Data Perusahaan (EDS), Perancang Kewangan Bertauliah (CFP), Perancang Kewangan Islam (IFP), Perancang Kewangan Berdaftar (RFP), Perancang Kewangan Berdaftar Syariah (SRFP), Pegawai Pematuhan Bertauliah untuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pembiayaan untuk Keganasan (CCO-CFPD), dan pensijilan berkaitan risiko.

Jumlah Kakitangan Berdasarkan Pensijilan Profesional



Sebagai mengiktiraf komitmen terhadap pembangunan bakat untuk kakitangannya menerusi kelayakan CFA, PNB telah diiktiraf oleh CFA Society Malaysia sebagai Rakan Kongsi Pekerjaan Premium untuk tahun 2021.

Pelesenan

CMSRL

Lesen yang membenarkan kakitangan PNB yang dilantik untuk menjalankan tugas pengurusan dana berhubung dengan pengurusan portfolio.

FIMM

Kakitangan PNB yang berdaftar dengan Persekutuan Pengurus-Pengurus Pelaburan Malaysia untuk memasar dan mengagihkan Unit Amanah.

Pelesenan	Terpakai kepada	Jumlah Kakitangan
Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL)	Pengurus Dana	137
Persekutuan Pengurus-Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)	Perunding Unit Amanah	803

Dua aktiviti utama dalam PNB yang memerlukan kakitangannya memperoleh lesen dengan CMSRL dan FIMM.

Pengurusan Modal Insan

Skim Mobiliti Ke Atas (UMS)

UMS dimulakan sebagai sebahagian daripada inisiatif PNB dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan warga kerjanya. Objektif utama UMS adalah untuk membantu kakitangan yang dinaikkan pangkat daripada bukan eksekutif kepada jawatan eksekutif bagi membina kecerdasan teknikal mereka dan mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kemahiran organisasi dan perniagaan.

Bagi memenuhi objektif ini, PNB bekerjasama dengan universiti tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) untuk modul latihan. Setakat ini, pencapaian Skim Mobiliti Ke Atas adalah seperti berikut:

Kelompok	Jumlah Kakitangan	Catatan
UMS 2017	17	<ul style="list-style-type: none"> 17 kakitangan menamatkan Diploma Profesional Pentadbiran Perniagaan dari UTM pada Ogos 2019. 9 daripada mereka menghadiri Majlis Tamat Pengajian UTM di Dewan Sultan Iskandar, UTM Skudai, Johor pada 20 Disember 2021.
UMS 2018	75	<ul style="list-style-type: none"> 46 kakitangan menamatkan Diploma Profesional Pentadbiran Perniagaan dari UTM pada September 2020. 28 kakitangan menamatkan Sijil Profesional Pentadbiran Perniagaan dari UTM pada November 2019. 1 memilih untuk bersara awal sebelum kelas bermula. Menunggu majlis tamat pengajian.
UMS 2019	78	<ul style="list-style-type: none"> 42 kakitangan menamatkan Diploma Profesional Pentadbiran Perniagaan dari UTM pada Julai 2021. 31 kakitangan menamatkan Sijil Profesional Pentadbiran Perniagaan dari UTM pada Disember 2020. 5 kakitangan telah menamatkan Diploma Profesional Pengurusan Fasiliti dari UNIRAZAK pada Mac 2021. Menunggu transkrip rasmi dan majlis tamat pengajian.
UMS 2020	32	<ul style="list-style-type: none"> 15 kakitangan dijangka menamatkan Diploma Profesional Pentadbiran Perniagaan dari UTM pada Julai 2022. 17 orang kakitangan menamatkan Sijil Profesional Pentadbiran Perniagaan dari UTM pada Disember 2021.
UMS 2021	40	<ul style="list-style-type: none"> Senarai seramai 40 kakitangan yang mendapat markah melebihi norma purata telah dihantar ke Jabatan Operasi Sumber Manusia, dan Pentadbiran (HROAD).

Pada 20 Disember 2021, 9 daripada 17 peserta UMS 2017 menghadiri konvokesyen Diploma Profesional Pentadbiran Perniagaan di UTM. Majlis yang diadakan di kampus induk UTM di Skudai, Johor, turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Modal Insan (CHRO) PNB, Puan Norhanifah A. Jalil.


Kesemua peserta UMS 2017 menunjukkan usaha yang gigih dalam menamatkan Diploma Profesional mereka apabila berjaya menunjukkan pencapaian PNGK cemerlang 3.0 dan ke atas. PNGK tertinggi ialah 3.97. Allahyarham Ghazali Lebai Idris merupakan penerima Anugerah Anumerta dengan pencapaian PNGK 3.95.



Pengurusan Modal Insan


Program Pelatih Pengurusan (MT)

Objektif utama program ini adalah untuk mempersiapkan kakitangan baharu dengan peranan eksekutif, mengembangkan kemahiran pelaburan umum dan menyediakan pengetahuan umum mengenai operasi syarikat yang berkaitan dengan kerjaya mereka di PNB. Lualan Pembangunan MT adalah seperti berikut:



Ringkasan Pelatih Pengurusan (2000 - 2021)

Jumlah : **466**




Pengurusan Modal Insan

MODAL INSAN NEGARA

Latihan Amali


Program latihan amali ini dirancang untuk memudahkan perkembangan peribadi dan membangunkan kemahiran graduan berbakat daripada pelbagai bidang seperti Perakaunan, Kewangan, Ekonomi, Pemasaran, Teknologi Maklumat, Pengurusan Risiko, Sumber Manusia dan bidang lain yang berkaitan untuk mendapatkan pengalaman kerja sebenar dalam pelbagai lapangan di samping memberikan pengetahuan yang berharga tentang peranan dan operasi harian pelbagai jabatan di PNB. Sejak penubuhannya, PNB sudah melatih seramai 4,657 pelatih di bawah program ini. Ringkasannya adalah seperti berikut:



Pelatih Eksekutif Lulusan Ijazah PNB (PNB GET-MySTEP)

Program Pelatih Eksekutif Lulusan Ijazah PNB (PNB GET MySTEP) bertujuan untuk merapatkan jurang kemahiran antara kelayakan akademik dan keperluan industri. Program ini meliputi latihan pembangunan intensif selama dua bulan dan latihan di tempat kerja selama enam bulan.

Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2021, PNB sudah melatih seramai 3,607 graduan menganggur. Ringkasannya adalah seperti berikut:



Sepanjang enam bulan menjalani latihan di tempat kerja, beberapa syarikat mengambil bahagian dalam menyokong keperluan latihan para pelatih ini. Senarai syarikat adalah seperti berikut:-

PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)	AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD (ASNB)	PNB MERDEKA VENTURES SDN BERHAD	PNB RESEARCH INSTITUTE SDN BERHAD	ASNB WAKALAH SDN BERHAD	ATTANA HOTELS & RESORTS SDN BERHAD	PNB COMMERCIAL SDN BERHAD
PNB DEVELOPMENT SDN BERHAD	RAIZ MALAYSIA SDN BERHAD	MNRB HOLDINGS BERHAD	TAKAFUL IKHLAS BERHAD	MMC CORPORATION BERHAD	CHEMICAL COMPANY OF MALAYSIA (CCM) BERHAD	PROJEK LINTASAN KOTA HOLDINGS SDN BERHAD

Pengurusan Modal Insan

PENGURUSAN PROJEK

Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada keupayaan untuk menyampaikan mandatnya dan bagi memastikan PNB mencapai mandat ini adalah pelaksanaan projek kritikal yang menyokong dan menambah nilai kepada empat bidang tumpuan yang sejajar secara langsung dengan pelan strategik kami. Pada tahun 2021, terdapat lebih daripada 130 projek di seluruh organisasi, setiap satu dengan objektif dan skopnya sendiri, tetapi secara kolektif berusaha untuk mencapai matlamat organisasi yang sama.

Pejabat Pengurusan Projek (PMO) PNB memainkan peranan kritikal dalam menyelia semua projek dan memastikannya disampaikan dengan cara yang berkesan dan tepat pada masanya. Asas yang menyokongnya ialah struktur dan mekanisme pengurusan projek serta penglibatan dan kolaborasi berterusan yang merupakan satu nilai yang dikongsi bersama.

Satu bidang tumpuan utama Pelan Strategik PNB ialah Transformasi Digital yang menekankan kepentingan pemecutan inisiatif digital selaras dengan amalan industri dan global dalam memacu dan meningkatkan prestasi dan keupayaan organisasi di samping meningkatkan nilai kepada pemegang unit. Agenda digital juga disokong dan diteruskan oleh Rangka Tindakan IT lima tahun yang bertindak sebagai mekanisme untuk memacu dan melaksanakan strategi teknologi dalam fungsi-fungsi utama seluruh organisasi.

Ini diterjemahkan ke dalam pelbagai inisiatif yang berjaya dilaksanakan seperti e-KYC (kenali-pelanggan-anda) dalam aplikasi myASNB, satu peristiwa penting dalam pendigitalan perjalanan kemasukan pemegang unit yang memudahkan pembukaan akaun ASNB tanpa perlu berkunjung ke cawangan atau ejen secara fizikal; rakyat Malaysia kini boleh membuka akaun ASNB melalui aplikasi myASNB mereka. Alatan pelaburan berasaskan matlamat adalah sebuah lagi projek yang dilancarkan pada tahun 2021 sebagai sebahagian daripada agenda transformasi digital PNB. Alatan ini menggalakkan rakyat Malaysia untuk melabur berdasarkan matlamat kewangan yang mereka kehendaki, dengan ciri-ciri dan matlamat yang ditetapkan bagi membantu dan membimbing pelabur meningkatkan kekayaan dan tahap literasi kewangan mereka dengan mudah. Projek kritikal lain merangkumi penambahbaikan sistem dalaman dan keselamatan IT sebagai sebahagian daripada komitmen PNB untuk memberi nilai kepada pemegang unit kami.

Selain daripada transformasi digital, satu lagi bidang yang menarik minat di peringkat global ialah kelestarian dan Rangka Kerja Kelestarian PNB menjadi satu bukti komitmen untuk usaha ini. Dengan tiga teras utama yang menyeluruh, Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), usaha dimulakan untuk menggabungkan aspek kelestarian ini

ke dalam pelbagai aspek organisasi, seperti pelaburan dan operasi. Agenda kelestarian turut diterapkan ke dalam pelbagai projek di seluruh PNB, terutamanya menara Merdeka 118, yang menyasarkan untuk memiliki pensijilan platinum tiga serangkai Leadership in Energy and Environmental Design (LEED), Green Real Estate (GreenRE), dan Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Ketika PNB berusaha ke arah masa depan yang mampan sambil menyampaikan mandatnya kepada semua pemegang unit, PMO terus memainkan peranan dalam memastikan semua projek kritikal mencapai objektif yang kemudiannya diterjemahkan sebagai pencapaian bidang tumpuan yang digariskan dalam pelan strategik.

INISIATIF TRANSFORMASI DIGITAL PNB



Tandatangan Digital

Memuktamadkan proses yang memerlukan kelulusan melalui tandatangan digital



Automasi

Kerja-kerja yang manual, berulang dan bernilai rendah akan diautomasi



Platform e-Learning

Pelancaran platform online untuk menggantikan pembelajaran on demand



Digitisation

Pendigitalan rekod bagi mengurangkan penggunaan kertas



Teknologi Pejabat Pintar (SMART Office)

Meningkatkan pengalaman pengguna yang bakal diperkenalkan di Merdeka 118 nanti!

Pengalaman Pelawat

Komunikasi Bersepadu

Sistem Tempahan

Pengurusan dan Kawalan Akses untuk Kakitangan dan Pelawat

Kemudahan Sidang Video Lancar

Sistem Pencetakan Follow Me Printer

Komitmen Advokasi Sosial Kami



Sebagai salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia, PNB telah banyak berkembang sejak penubuhannya 43 tahun lalu. Kami memainkan peranan penting dalam transformasi pembangunan sosioekonomi Malaysia dan terus berusaha dalam penyampaian pulangan jangka panjang yang mampan kepada para pemegang unit kami.

Kami terus berpandukan pada agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PNB dalam inisiatif kami kepada masyarakat dan negara. Program-program CSR kami dianjurkan untuk memenuhi keperluan orang ramai di sekeliling kami dan memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan kami.

Inisiatif dan program CSR kami merangkumi empat teras berikut:

01 **PENDIDIKAN**
Silalah rujuk halaman 78

02 **LITERASI KEWANGAN**
Silalah rujuk halaman 78

03 **PENINGKATAN TARAF HIDUP MASYARAKAT**
Silalah rujuk halaman 78

04 **INISIATIF PERKONGSIAN PENGETAHUAN**
Silalah rujuk halaman 78

● ● Kami berusaha untuk memberi inspirasi, motivasi dan menghasilkan generasi bakat seterusnya untuk PNB. Program dan inisiatif yang dijalankan di bawah teras ini memberikan peluang dan kemahiran pendidikan kepada minda muda cemerlang yang bakal menerajui masa depan PNB.

● ● Kami percaya bahawa menjadi tanggungjawab kami untuk memperkasakan masyarakat supaya menjadi celik kewangan dalam melakukan simpanan, melabur dan membuat keputusan kewangan yang betul. Tindakan ini akan membolehkan masyarakat meningkatkan taraf hidup dan mencapai matlamat jangka masa panjang mereka.

● ● Kami memberikan sokongan untuk meningkatkan lagi tahap kehidupan masyarakat sekeliling kami menerusi inisiatif masyarakat dan sumbangan dermawan yang dilakukan kepada organisasi.

● ● Kami turut berusaha dalam pembangunan kelestarian untuk negara dengan menyediakan platform perkongsian pengetahuan yang menggalakkan inovasi, kolaborasi dan pembangunan mampan. Menerusi teras ini, kami juga dapat meningkatkan pengetahuan kami mengenai kecenderungan dan pengaruh terhadap pelaburan, ekonomi dan kepimpinan.

▽

CARA KAMI MENGENDALIKAN PROGRAM CSR

Program CSR kami dikendalikan secara dalaman oleh PNB dengan kerjasama Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh kami. Kakitangan kami menganjur dan melaksanakan program-program yang juga berfungsi sebagai platform kepada kami untuk berhubung dan terlibat dengan pihak berkepentingan kami termasuklah para pemegang unit, masyarakat, badan Kerajaan, perniagaan dan organisasi bukan kerajaan.

Menerusi jalinan kolaborasi dengan badan Kerajaan, agensi dan syarikat, kami dapat memanfaatkan pelbagai kemahiran dalam usaha bersepadu untuk menjana hasil terbaik buat mereka yang mendapat manfaat daripada program-program kami. Secara kolektif, kita boleh membawa perubahan positif sementara kami memainkan peranan sebagai sebuah syarikat yang menyokong usaha Kerajaan dalam meningkatkan ekonomi negara dan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukannya.

Komitmen Advokasi Sosial Kami



01 PENDIDIKAN



JUMLAH PENAJAAN
SEJAK DIMULAKAN

RM359.6*
juta

PELAJAR SEJAK
DIMULAKAN

5,196*

PELAJAR
AKTIF

1,234

*Nota: *Termasuk Program Kolej
Ilmu PNB dan BUDI PNB*

Pendidikan menjadi salah satu tumpuan utama PNB dalam kebanyakan inisiatif CSR selama ini kerana kami percaya dalam memperkasakan generasi akan datang untuk mencipta nilai mampan jangka panjang. Sehubungan itu, kami banyak melabur menerusi pemberian biasiswa kepada para pelajar Malaysia yang layak serta berminat untuk melanjutkan pendidikan dan mencapai aspirasi mereka.

Syarikat kami menyasarkan untuk membina satu pasukan pemimpin berkebolehan yang luas untuk pertumbuhan masa depan negara dan PNB. Kami mahu meningkatkan pembangunan modal insan yang mampan menerusi sumbangan program biasiswa kami yang akan melengkapkan kelompok bakat kami dengan kebolehan dan keupayaan yang betul. Sebaik sahaja pelajar kami selesai dan tamat

pengajian mereka, mereka akan memulakan perjalanan korporat bersama kami dan memastikan syarikat mencapai matlamat dan objektif perniagaannya.

Kami mempunyai ramai kakitangan dalam organisasi yang bermula sebagai graduan PNB dan kini mereka memegang jawatan kanan dan ada juga yang berhijrah untuk memajukan kerjaya mereka di syarikat lain. Kami berasa gembira kerana berjaya memainkan peranan sokongan dalam membangunkan keupayaan mereka dan memupuk potensi mereka kerana mereka masih menyumbang kepada pembangunan keseluruhan Korporat Malaysia.

Bagi tahun dalam kajian, PNB menyumbang sejumlah RM359.6 juta untuk membiayai semua program biasiswa di bawah Pendidikan. Dana ini memberi manfaat kepada 5,196 anak muda Malaysia yang layak sejak tahun 1996 dalam memberi peluang untuk mereka melanjutkan pendidikan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Komitmen Advokasi Sosial Kami

Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB/Anugerah Biasiswa Perdana YTI



Selama lebih 20 tahun, Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana Yayasan Tun Ismail dikenali sebagai antara anugerah biasiswa yang paling dihormati di negara ini.

Biasiswa-biasiswa ini membuka jalan kepada para pelajar yang memiliki keupayaan akademik yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dalam bidang pilihan mereka di universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia. Para pelajar kami boleh memilih pengkhususan dalam kursus pengajian dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan perniagaan teras yang diterajui oleh PNB tetapi tidak termasuk perubatan, pergigian, farmasi, muzik, fesyen dan teologi. Sehingga akhir tahun 2021, sejumlah 454 biasiswa telah dianugerahkan di bawah semua program ini.




454

biasiswa dianugerahkan
sejak program biasiswa ini
diperkenalkan

Universiti-universiti Terbaik Dunia di bawah Senarai yang Diluluskan oleh PNB

United Kingdom



Amerika Syarikat



Australia



Komitmen Advokasi Sosial Kami



01 PENDIDIKAN

Inisiatif Akauntan Bertauliah PNB (PCA)

Permintaan untuk akauntan yang berkeelayakan dan berkemahiran tidak pernah berkurangan kerana mereka memainkan peranan penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi dalam syarikat. Di PNB, kami juga ingin menggalakkan kepelbagaian dengan memberi peluang kepada para pelajar Bumiputera yang berminat untuk menjadi akauntan profesional.

PNB menjalinkan kerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), Kolej Pendidikan INTEC dan Ernst & Young (EY) Malaysia sejak Oktober 2016 untuk melahirkan lebih ramai Akauntan Bertauliah Bumiputera menjelang tahun 2022 melalui Inisiatif Akauntan Bertauliah PNB (PCA). Dengan program PCA, para pelajar diberikan biasiswa untuk melanjutkan pengajian perakaunan mereka di Kolej Pendidikan INTEC, Pusat Kecemerlangan Perakaunan Sunway TES dan Kolej SENTRAL Pulau Pinang. Sehingga akhir tahun 2021, sejumlah 1,025 biasiswa telah dianugerahkan.

1,025

Graduan sejak
dimulakan

462

Pelajar
aktif

Kelayakan ditawarkan:

Juruteknik Perakaunan Bertauliah (CAT)	Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
Sijil Kewangan, Perakaunan dan Perniagaan (CFAB-ICAEW)	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

Anugerah Biasiswa Untuk Anak-anak Kakitangan PNB dan Program Biasiswa PNB- Kolej Ilmu

Sebagai majikan yang prihatin, kami melabur untuk masa depan anak-anak kakitangan kami menerusi Anugerah Biasiswa Untuk Anak-anak Kakitangan PNB dan Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu. Sejak tahun 1998, PNB menyediakan biasiswa kepada anak-anak kakitangan bagi membantu mereka memenuhi aspirasi anak-anak mereka. Setiap kakitangan di PNB diberikan dua biasiswa untuk anak-anak mereka. Program ini membolehkan mereka untuk melanjutkan pengajian asasi, program diploma atau ijazah sarjana muda di universiti awam dan universiti swasta terpilih di seluruh Malaysia.

Di samping itu, sejak tahun 2005, kami juga menyediakan bantuan kewangan dan sokongan pendidikan kepada bekas pelajar Kolej Ilmu PNB untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti terpilih. Pelajar-pelajar ini kebanyakannya berasal dari keluarga yang kurang bernasib baik di Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Setakat akhir tahun 2021, seramai 1,097 orang pelajar telah memperoleh manfaat menerusi dua program ini.

Anugerah Biasiswa Untuk Anak-anak Kakitangan PNB

733

Graduan sejak dimulakan

Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu

364

Graduan sejak dimulakan

Universiti-Universiti Tempatan

21

Universiti awam

16

Universiti swasta

Komitmen Advokasi Sosial Kami

Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI)

Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI) merupakan sebuah program geran pendidikan yang dilancarkan oleh PNB sejak tahun 2019. Program ini sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk membantu golongan Asnaf (B40) dan telah berjaya memanfaatkan seramai 352 orang pelajar.

Menerusi program BUDI PNB-MRSM ini, kami membantu para pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran peringkat menengah di beberapa Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) terpilih, manakala BUDI PNB UNIRAZAK disediakan untuk para pelajar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Akauntan Amalan Bertauliah (CPA) di Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).




Menerusi program ini, pelajar-pelajar ini berjaya mencapai keputusan cemerlang dengan majoriti daripada mereka memenuhi syarat akademik yang ditetapkan oleh PNB. Lebih daripada 60% pelajar MRSM mencapai PNGK 3.50 dan memperoleh lebih daripada 6A manakala 95% daripada pelajar di UNIRAZAK berjaya mengekalkan PNGK 3.50 dan ke atas.

KEUPAYAAN ORGANISASI - PENGURUSAN PROJEK - KNOWLEDGE HUB PNB

eLibrary di KM Hub

Berikutan penubuhan Knowledge Management (KM) Hub PNB, eLibrary diwujudkan pada Disember 2021 bagi menyediakan ekosistem yang lebih luas untuk perkongsian dan pembelajaran pengetahuan dalam platform MS SharePoint. eLibrary menampilkan pelbagai bahan dalam talian yang akan melengkapkan matlamat KM Hub PNB untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan yang berkesan selain daripada menggalakkan kecekapan dalam menyampaikan maklumat kepada kakitangan PNB.



Komitmen Advokasi Sosial Kami



02 LITERASI KEWANGAN

MINGGU SAHAM DIGITAL 2021 MELABUHKAN TIRAI DENGAN PENCAPAIAN POSITIF - Salah satu acara literasi kewangan terbesar di Malaysia

Program utama literasi kewangan tahunan PNB, Minggu Saham Digital (MSD) merekodkan lebih daripada 1.5 juta tontonan sepanjang tujuh hari dan lebih 5 juta penglibatan merentas semua saluran media sosialnya. Acara MSD ini memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk mengenali PNB dan syarikat pelaburannya menerusi program unik dan bermaklumat MSD mengenai literasi kewangan. Acara hiburan pendidikan selama seminggu itu, bertemakan #laburbersama bertujuan untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia dari semua peringkat umur menerusi pelbagai aktiviti dalam talian. Kunjungan ke laman web rasmi MSD menghampiri sejuta kali dengan peraduan Jom...Kira Duit menerima lebih dari 307,000 penyertaan daripada lebih 9,000 peserta. Berjuta-juta penonton diberikan peluang untuk memenangi hadiah bernilai lebih dari RM500,000 dengan menyertai peraduan yang diadakan sebelum dan semasa MSD.

● ●

“ Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat, terutamanya peserta yang menjadikan MSD 2021 sebagai satu acara yang paling menyeronokkan. Semua program kami sepanjang minggu tersebut terus tersedia di Facebook dan saluran YouTube MSD. Kami berharap para peserta berjaya menimba ilmu baharu daripada pengalaman mereka bersama kami dan terus menyokong usaha literasi kewangan kami. ”

Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB



Maklumat lanjut mengenai program literasi kewangan seperti Sembang-Sembang ASNB dan Kuiz Pelaburan PNB boleh didapati di halaman 74 dan 75.

Komitmen Advokasi Sosial Kami



03 PENINGKATAN TARAF HIDUP MASYARAKAT

PNB berusaha untuk memperkasa masyarakat dengan menawarkan bantuan kewangan dan sokongan kepada pertubuhan bukan berasaskan keuntungan/bukan kerajaan dengan inisiatif bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Kami juga menganjurkan inisiatif alam sekitar dan sosial yang mempunyai impak positif terhadap alam sekitar dan masyarakat. Kami tetap teguh dengan komitmen kami dalam memastikan keuntungan dan kelestarian sosial dikekalkan melalui pembiayaan beberapa program peningkatan masyarakat yang dipacu berasaskan sasaran dan berskala. Program-program ini dinilai secara teliti, dilaksanakan bersama rakan kongsi strategik kami dan dipantau untuk penambahbaikan berterusan dalam memastikannya bermanfaat kepada orang ramai.

OBJEKTIF

- Menyediakan sokongan kewangan kepada organisasi yang menyediakan perkhidmatan yang menyumbang kepada peningkatan masyarakat.
- Berpusat pada campur tangan sosial yang memenuhi keperluan masyarakat dalam mengatasi segala cabaran dan kesukaran dalam kehidupan mereka.

SENARAI AKTIVITI DALAM TAHUN 2021



Jumlah Keseluruhan Sumbangan

RM25 juta



Pembangunan Penjagaan
Kesihatan

76.2%



Pembangunan
Masyarakat

23.3%



Pembangunan
Pendidikan

0.5%

Antara sumbangan-sumbangan penting kami termasuk:

- Menyokong kerajaan dalam memerangi pandemik melalui sumbangan secara terus dan derma kepada Kementerian, agensi Kerajaan dan NGO pihak ketiga yang berkenaan.
- Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Kebangsaan oleh Yayasan Hijau Malaysia.
- Misi Bantuan Banjir 2021 di Selangor, Pahang dan Kuala Lumpur.
- Laluan Pelepasan Sifar Bersih untuk Malaysia menjelang tahun 2050 menurut Kajian oleh World Wide Fund for Nature Malaysia (WWF Malaysia).
- Sumbangan komputer peribadi terpakai kepada beberapa sekolah terpilih di Selangor.
- Membaik pulih dan membeli peralatan baharu untuk bilik terapi pertuturan dan deria bagi Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) di Melaka & Kuala Lumpur.
- Perolehan dan penyediaan kemudahan bilik pengajaran dan latihan kemahiran bagi kanak-kanak sindrom down untuk Persatuan Sindrom Down Malaysia.

Komitmen Advokasi Sosial Kami



03 PENINGKATAN TARAF HIDUP MASYARAKAT

Pembangunan Penjagaan Kesihatan

MENYOKONG KERAJAAN DALAM MEMERANGI PANDEMIK COVID-19 (RM19.1 juta)

COVID-19 terus melanda negara pada TK2021 dan ramai orang yang terjejas oleh pandemik apabila ia memberi kesan buruk terhadap ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Sebagai sebuah entiti korporat yang sangat mengambil berat terhadap masyarakatnya, PNB bertindak balas dalam komitmennya menerusi sumbangan kewangan dalam penjagaan kesihatan dan terus menyokong usaha kerajaan memerangi COVID-19.

Bidang Tumpuan Utama

Sokongan Pembangunan Penjagaan Kesihatan & Perubatan	
Kementerian/Agensi	Penerangan
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Untuk membeli peralatan perubatan dan bukan perubatan sebagai menyokong Jabatan Kecemasan & Trauma di 29 buah hospital di seluruh Malaysia.
Tabung Bantuan Bencana: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)	Untuk memberi bantuan kewangan kepada mereka yang kehilangan pendapatan akibat kuarantin dan saudara-mara terdekat mangsa COVID-19 serta pengagihan bahan makanan di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
NGO Pihak Ketiga	Untuk menyediakan pek makanan, kit kebersihan, bekalan barangan perubatan & bukan perubatan, dsb.

Aktiviti Penguatkuasaan	
Kementerian/Agensi	Penerangan
Badan Penguatkuasaan: <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) 	Untuk membeli peralatan perlindungan diri (PPE) seperti Pakaian Pelindung Tahap C, pelitup muka tiga lapis, pelindung muka, sarung tangan/apron pakai buang dan peralatan keselamatan/ penyelamat yang lain.

Pembangunan Masyarakat

MISI BANTUAN BANJIR 2021 (RM5 juta)

Pada Disember 2021, banyak tempat di Malaysia termasuk Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur dilanda banjir yang bukan sahaja mengakibatkan kehilangan tempat tinggal dan harta benda tetapi juga menjejaskan mata pencarian dan menyebabkan ramai orang kehilangan tempat tinggal. Oleh itu, PNB menyediakan bantuan kewangan kepada badan bukan kerajaan yang menyediakan bantuan segera untuk banjir dan menjalankan misi menyelamatkan serta memberi sokongan dalam program pemulihan pasca banjir.

Fasa 1

MISI BANTUAN & MENYELAMAT BANJIR SEGERA

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

- Bantuan wang tunai
- Penggantian barangan isi rumah
- Perkhidmatan pembaikan dan pemulihan kediaman

Mercy Malaysia

- Air, sanitasi & kebersihan, pembersihan & pemulihan
- Sokongan penjagaan kesihatan
- Sokongan kapasiti pembelajaran & ketahanan
- Logistik dan sokongan operasi

Fasa 2

PROGRAM PEMULIHAN PASCA BANJIR

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor, JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan JPN Pahang

- Penggantian atau pembaikan peralatan sekolah yang rosak
- Pembelian pakaian seragam, kasut, beg, dsb. untuk pelajar yang terjejas
- Bantuan kewangan kepada kakitangan JPN yang terjejas

Yayasan Sejahtera

- Program pemulihan pendapatan (perniagaan mikro dalam F&B, pertanian dan perkhidmatan berasaskan kemahiran)

Komitmen Advokasi Sosial Kami

SUMBANGAN-SUMBANGAN LAIN



Laluan Pelepasan Sifar Bersih untuk Malaysia menjelang tahun 2050 menurut Kajian oleh World Wide Fund for Nature Malaysia (WWF Malaysia)



Perolehan dan penyediaan kemudahan bilik pengajaran dan latihan kemahiran bagi kanak-kanak sindrom down untuk Persatuan Sindrom Down Malaysia



Sumbangan sebanyak 600 unit komputer peribadi terpakai kepada beberapa sekolah terpilih di Selangor.



Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Kebangsaan untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan paru-paru hijau (green lungs) dan memupuk sikap menghargai hutan kepada orang ramai.



Pengagihan peranti kepada 100 orang pelajar sekolah menengah di Kedah untuk membantu mereka dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah.



Program Kebun Komuniti di PPR Lembah Subang 2, Selangor



Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM): membaik pulih dan membeli peralatan baharu untuk bilik terapi pertuturan dan deria di Melaka & Titiwangsa, Kuala Lumpur.



Program Infak Makanan untuk pelajar tingkatan 5 yang sedang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020.



Program Bank Makanan 3.0: Memberi manfaat kepada rakyat dari kumpulan B40 dan pelajar universiti yang terjejas oleh pandemik COVID-19 yang berpanjangan.



Program sumbangan pakaian baharu yang menyasarkan anak yatim dan fakir miskin di beberapa buah sekolah rendah dan menengah di sekitar Kota Kinabalu, Sabah.

Komitmen Advokasi Sosial Kami



03 PENINGKATAN TARAF HIDUP MASYARAKAT

Program Pengagihan Zakat CSR PNB

Pada tahun 2021, PNB menyumbang sejumlah RM9.1 juta menerusi Program Pengagihan Zakat CSR PNB yang diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Syariah. Zakat ini telah diperuntukkan mengikut Rangka Kerja Zakat CSR PNB yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB.

PNB meneruskan komitmennya untuk meningkatkan taraf hidup golongan Asnaf melalui agihan Zakat kami yang menumpukan kepada menggalakkan penjagaan kesihatan yang lebih baik, meningkatkan pendidikan dan menyediakan sokongan kewangan kepada golongan yang memerlukan. Ini termasuk bantuan kewangan untuk Asnaf, bantuan untuk mangsa COVID-19, peralatan perubatan untuk memerangi COVID-19 dan bantuan kewangan untuk pemulihan pusat kebajikan, masjid dan sekolah.

Gambaran Keseluruhan Pengagihan

Jumlah Pengagihan

RM9.1 juta

Jumlah Penerima Manfaat

77,526

Mengikut kategori

Pendidikan

RM172,400

Penjagaan Kesihatan

RM3.5 juta

Peningkatan Masyarakat

RM5.4 juta

Sumbangan utama

Bantuan kewangan melalui Program Bantuan Banjir:

- Sumbangan kepada empat negeri yang terjejas teruk akibat banjir pada tahun 2020 dan 2021 iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berjumlah RM836,000
- Dengan kerjasama Yayasan Ikhlas, Pusat Kutipan Zakat Pahang dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
- Memanfaatkan kira-kira 8,025 mangsa banjir

Bantuan kewangan untuk pesakit yang miskin dan kurang bernasib baik:

- Sumbangan kepada 35 buah hospital di seluruh negara berjumlah RM2.08 juta
- Dengan kerjasama Jabatan Kerja Sosial Perubatan
- Memanfaatkan kira-kira 6,933 orang pesakit yang kurang berkemampuan

Daripada lebih RM26 juta yang disumbangkan oleh PNB bagi membantu Malaysia memerangi COVID-19, sebanyak RM5.44 juta disumbangkan daripada peruntukan Zakat CSR PNB yang diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Syariah. Sumbangan terperinci adalah seperti berikut:

- Sumbangan kepada Yayasan Ikhlas berjumlah RM1.45 juta untuk Projek Bantuan Wira COVID buat Petugas Barisan Hadapan:
 - Dengan kerjasama Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (i-Medik), sebuah pertubuhan pakatan pengamal kesihatan Muslim
 - Pembelian 51,000 set peralatan perlindungan diri (PPE) dan 15,000 pelitup muka klinikal
 - Memanfaatkan lebih 25,000 orang petugas barisan hadapan di 18 buah hospital di tujuh negeri: Kedah, Selangor, Kuala Lumpur, Kelantan, Johor, Perak dan Pulau Pinang
- Bantuan kewangan berjumlah RM3.98 juta untuk rakyat Malaysia yang terjejas akibat pandemik COVID-19:
 - Dengan kerjasama 13 majlis agama negeri
 - Sumbangan dalam bentuk wang tunai dan bantuan makanan
 - Memanfaatkan lebih daripada 32,000 orang terdiri daripada golongan berpendapatan B40, Asnaf, pekerja bergaji harian, penjaja kecil, pekerja yang dibuang/diberhentikan.

Komitmen Advokasi Sosial Kami

PENERIMA MANFAAT

Sumbangan COVID-19

RM5.4 juta (20.4%) daripada jumlah keseluruhan sumbangan PNB sebanyak RM26 juta untuk menyokong usaha pemulihan dan bantuan COVID-19 bagi tujuan Penjagaan Kesihatan dan Masyarakat yang memanfaatkan masing-masing seramai 25,750 dan 32,548 orang penerima manfaat.

Jumlah penerima manfaat pengagihan Zakat CSR PNB mengikut Negeri

PERLIS 1 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 167 • Peningkatan Masyarakat : 37 	KELANTAN 8 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 10,833 • Peningkatan Masyarakat : 3,851 • Pendidikan : 15
PULAU PINANG 2 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 7,600 • Peningkatan Masyarakat : 2,122 	TERENGGANU 9 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 333 • Peningkatan Masyarakat : 2,009
PERAK 3 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 7,433 • Peningkatan Masyarakat : 371 • Pendidikan : 330 	PAHANG 10 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 500 • Peningkatan Masyarakat : 1,125 • Pendidikan : 6,000
SELANGOR 4 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 15,333 • Peningkatan Masyarakat : 1,612 • Pendidikan : 40 	JOHOR 11 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 11,367 • Peningkatan Masyarakat : 1,283 • Pendidikan : 71
WILAYAH PERSEKUTUAN 5 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 4,000 • Peningkatan Masyarakat : 1,852 	MELAKA 12 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 167 • Peningkatan Masyarakat : 3,385
NEGERI SEMBILAN 6 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 333 • Peningkatan Masyarakat : 736 • Pendidikan : 344 	SABAH 13 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 167 • Peningkatan Masyarakat : 657
KEDAH 7 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 500 • Peningkatan Masyarakat : 6,598 	SARAWAK 14 <ul style="list-style-type: none"> • Penjagaan Kesihatan : 700 • Peningkatan Masyarakat : 721



Komitmen Advokasi Sosial Kami



04 PERKONGSIAN PENGETAHUAN

••

Menerusi inisiatif perkongsian pengetahuan, kami berusaha untuk menyumbang ke arah mencari tindakan dan penyelesaian kolaboratif bagi menangani isu-isu penting negara. Platform perkongsian pengetahuan kami direka untuk menggalakkan perbincangan dan pertimbangan rentas sektor dalam kalangan pemimpin pemikiran dari pelbagai bidang kepakaran.

PNB KNOWLEDGE FORUM I:



14

JULAI 2021

Topic:

**RIISING ABOVE COVID-19:
REIMAGINING WORK IN
MALAYSIA & BEYOND**



Forum Pengetahuan PNB yang pertama diadakan pada 14 Julai 2021 dengan topik Rising Above COVID-19: Reimagining Work in Malaysia & Beyond. Pandemik COVID-19 merupakan situasi yang mencabar dengan risiko yang tidak pernah berlaku sebelum ini dan kesan gangguan terhadap kebanyakan aspek kehidupan kita. Pada masa yang sama, pandemik ini memberikan peluang untuk perubahan inovatif dan transformasi yang diperlukan bagi memastikan punca pendapatan yang mampan. Dalam sektor pekerjaan, semua pihak berkepentingan iaitu kerajaan, perniagaan, majikan dan pekerja perlu memikul suatu peranan dan tanggungjawab untuk melindungi nyawa, punca pendapatan dan produktiviti di dalam normal baharu.

Program ini dianjurkan oleh Institut Penyelidikan PNB (PNBRI) pada platform maya sepenuhnya, forum tersebut menampilkan para penceramah dari luar negara dan tempatan iaitu Profesor

Charles Fine dari Asia School of Business, Frank Michael Breittling dari Boston Consulting Group, New York, Wan Nadiah dari TMC Life Sciences Berhad dan Nadhir Ashafiq dari The Lorry. Charmaine Augustin dari Asia School of Business bertindak sebagai moderator untuk sesi tersebut.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria, dipetik berkata bagaimana pandemik ini mengubah sepenuhnya kehidupan seperti yang kita ketahui dan apa yang menarik tentangnya ialah penghasilan banyak kreativiti dan inovasi di peringkat negara, institusi dan individu di seluruh dunia. Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, mengulangi perkara ini apabila beliau secara ringkasnya berkata "Keperluan merupakan ibu kepada penciptaan semula".

Forum ini menarik lebih daripada 400 orang peserta terdiri daripada ahli rangkaian PNB

dan pihak berkepentingan Korporat Malaysia, termasuk pengamal industri, penggubal dasar dan pihak kawal selia. Forum juga menampilkan banyak pandangan yang tidak ternilai dan input yang hebat untuk difikirkan tentang cara terbaik untuk pengimejan dan pembentukan semula cara bekerja dan kehidupan dalam dunia COVID-19 dan akan datang.

400

peserta terdiri daripada ahli rangkaian PNB dan pihak berkepentingan Korporat Malaysia, termasuk pengamal industri, penggubal dasar dan pihak kawal selia.

Komitmen Advokasi Sosial Kami

PNB KNOWLEDGE FORUM II:

25

OKTOBER 2021

Topic:

CLIMATE CHANGE: A NEW GREEN DEAL FOR MALAYSIA

Moderator: Hamdan Abdul Majeed

Panelists: Dr. Julia Kim, Datin Seri Sunita Rajakumar, Agus Purnomo

Forum Pengetahuan PNB kedua dengan topik Climate Change: A New Green Deal for Malaysia diadakan pada 25 Oktober 2021 menggunakan platform maya.

Program forum ini dianjurkan oleh PNBRI membincangkan perubahan iklim, impaknya terhadap dunia - alam sekitar, orang ramai dan ekonomi dan keperluan mendesak untuk tindakan berkaitan iklim. Perubahan iklim selalunya mempunyai impak dan akibat yang tidak sama rata kepada negara dan masyarakat. Ini kerana mereka yang mempunyai sumber lebih bersedia untuk menangani isu perubahan iklim. Kumpulan yang terdedah dan kurang bernasib baik termasuk mereka yang mempunyai mobiliti terhad dan kekurangan capaian pada perkhidmatan disebabkan oleh ketakserasaan serantau dan mereka yang bergantung pada pertanian dan perikanan sebagai sumber rezeki lebih terdedah kepada risiko dan impak yang lebih besar.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria menekankan tentang tanggungjawab kolektif bersama - kerajaan, sektor swasta, NGO dan pihak berkepentingan lain untuk menangani perubahan iklim. Beliau menyeru agar semua pihak dapat mengamalkan minda dan persekitaran yang memudahkan kerjasama serta melibatkan semua pihak berkepentingan secara aktif terutamanya ahli sains, perniagaan dan rakyat dalam perkongsian bermakna. Ini akan memastikan ketangkasan kita dalam memanfaatkan peluang yang betul ketika dunia beralih menuju era penggunaan rendah karbon pada masa depan.

Untuk mengamalkan minda dan persekitaran yang memudahkan kerjasama serta melibatkan semua pihak berkepentingan secara aktif terutamanya ahli sains, perniagaan dan rakyat dalam perkongsian bermakna.

Dari satu segi, COVID-19 telah meningkatkan kepentingan transformasi, daya tahan dan perpaduan dalam masyarakat untuk mengatasi krisis ekonomi dan kesihatan yang belum pernah terjadi sebelum ini. Dengan ancaman perubahan iklim yang melanda, sememangnya ini merupakan masa yang sesuai untuk Korporat Malaysia mempercepatkan peralihan kepada inisiatif yang dipacu oleh Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.

Forum tersebut menampilkan ahli panel terkemuka iaitu Dr. Julia Kim dari Gross National Happiness Centre Bhutan, Datin Seri Sunita Rajakumar dari Forum Ekonomi Dunia Cawangan Malaysia untuk Inisiatif Tadbir Urus Iklim dan Agus Purnomo dari Golden Agri Resources Ltd, Indonesia. Hamdan Abdul Majeed dari Think City menjadi moderator untuk forum ini.

Komitmen Advokasi Sosial Kami



04 PERKONGSIAN PENGETAHUAN

YAYASAN TUN ISMAIL MOHAMED ALI (YTI)

Ditubuhkan pada 10 Oktober 1999, Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) diwujudkan bagi memperingati sumbangan Tun Ismail Mohamed Ali sebagai Pengerusi PNB yang pertama dan kepada negara secara keseluruhannya. Yayasan ini menjalankan pelbagai program dan aktiviti selaras dengan Surat Ikatan Amanahnya termasuk:

- Menyediakan biasiswa kepada pelajar cemerlang yang mendapat tawaran penempatan di universiti-universiti berprestij di luar negara;
- Menubuhkan Kerusi Profesor atas nama Tun Ismail Mohamed Ali di universiti-universiti penerima endowmen iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM);
- Menganjurkan Syarahan Umum dan penerbitan buku sebagai sebahagian daripada inisiatif perkongsian ilmu dengan masyarakat sivil; dan
- Sumbangan kepada aktiviti pendidikan lain dari semasa ke semasa seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah.

Program Kerusi Profesor YTI mengikut Universiti



2

RANGKA KERJA



6

UNIVERSITI



15

PEMEGANG
KERUSI

1

PROFESOR
PELAWAT

Pada tahun 2021, YTI memperkenalkan Rangka Kerja Geran untuk dilaksanakan bersama dengan Rangka Kerja Endowmen bagi Program Kerusi Profesor YTI (YTIPCP) seperti yang ditunjukkan di bawah. Program ini bertujuan untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi dalam kalangan universiti tempatan sebagai sebahagian daripada penglibatan berterusan PNB dengan universiti.

Rangka Kerja Endowmen:

Jumlah geran yang dianugerahkan	Dua endowmen sejak tahun 2000 (UM & UKM)	
Kitaran	Kitaran geran ditetapkan.	
Bidang penyelidikan	Undang-Undang Korporat, Sekuriti & Kewangan	Kewangan & Pelaburan
Jumlah Universiti	Universiti Malaya Sejak Tahun 2000	Universiti Kebangsaan Malaysia Sejak Tahun 2000

Rangka Kerja Geran:

Jumlah geran yang dianugerahkan	Tiga geran tertakluk kepada proses bida dan pic.		
Kitaran	Kitaran geran ditetapkan. Sehingga 24 bulan tempoh masa penyelidikan untuk setiap kitaran geran.		
Bidang penyelidikan	Meluaskan bidang penyelidikan selaras dengan keutamaan memerlukan untuk YTI, PNB dan syarikat-syarikat strategik dan terasnya serta Malaysia secara amnya.		
3 Universiti	Universiti Sains Islam Malaysia Tempoh Masa: 2021-2023	Universiti UCSI Tempoh Masa: 2021-2023	University of Nottingham Malaysia Tempoh Masa: 2021-2023

Application of Maqasid al-Shariah and Maslahah in Responsible Investment and Practices towards Environmental, Social and Governance Concern Environment: Evidence of PNB Investment

An Automated Intelligent Portfolio Management System for Strategic Planning and Investment Decision Making using Artificial Intelligence, Machine Learning, Fuzzy Logic and Genetic Algorithms

Vehicle-in-the-loop Safety Testing Platform for Autonomous Vehicle using Malaysian Road and Traffic Environment

Komitmen Advokasi Sosial Kami

Rangka Kerja Endowmen

Universiti UCSI

2021-2023



Prof. Dr. Ajith
Abraham
(2021-2023)

Universiti Malaya

Undang-Undang Korporat, Sekuriti & Kewangan | 2000

Prof. Dr. John
H. Farrar
(2007)

Prof. Tuan Razeen
Sappideen
(2011-2013)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Kewangan & Pelaburan | 2000

Prof. Dr.
Abdul Mansur
Mohammed Masih
(2004)

Prof. Dr.
S. Ghon Rhee
(2005)

Prof. Dr. Erik
S. Reinert
(2013)

Prof. Dr. Ben
Jaconson
(2015)

Prof. Robert
William Faff
(2019-2020)

Prof. Dr.
Naoyuki
Yoshino
(2016)

Rangka Kerja Geran

Universiti Sains Islam Malaysia

Kewangan & Perbankan Islam | 2012-2020 | 2021-2023



Prof. Dr. Fauzias
Mat Nor
(2021-2023)

Dr. Zamir Iqbal
(2012-2013)

Prof. Dr. Mohamed
Obaidullah
(2015)

Tan Sri Dr. Mohd.
Daud Bakar
(2017-Feb 2019)
2 penggal

Universiti Tun Abdul Razak

Kepimpinan | 2012-2019

Prof. Dr. Erik
van de Loo
(2013-2015)
2 penggal

Prof. Dr. Nicholas
H. Barker
(2016-2017)
2 penggal

Prof.
Catarina Tully
(2017-Aug 2019)

University of Nottingham Malaysia

(2021-2023)

- Tiada pelantikan Pemegang Kerusi

Komitmen Advokasi Sosial Kami



04 PERKONGSIAN PENGETAHUAN

Program Kerusi Profesor YTI

Sejak Dimulakan

2021

15 1

PEMEGANG
KERUSIPROFESOR
PELAWAT

6

UNIVERSITI TEMPATAN

2

PEMEGANG KERUSI

- Universiti Sains Islam Malaysia
- Universiti UCSI

Universiti Malaya (Undang-Undang Korporat, Sekuriti & Kewangan)

- Sejak tahun 2000

- Prof. Dr. John H. Farrar (2007)
- Prof. Tuan Razeen Sappideen (2011-2013) 2 penggal

Universiti Kebangsaan Malaysia (Kewangan & Pelaburan)

- Sejak tahun 2000

- Prof. Dr. Abdul Mansur Mohammed Masih (2004)
- Prof. Dr. S. Ghon Rhee (2005)
- Prof. Dr. Erik S. Reinert (2013)
- Prof. Dr. Ben Jacobson (2015)
- Prof. Robert William Faff (2019-2020)

Profesor Pelawat

- Prof. Dr. Naoyuki Yoshino (2016)

Universiti Sains Islam Malaysia (Kewangan & Perbankan Islam)

- Sejak tahun 2012

- Dr. Zamir Iqbal (2012-2013)
- Prof. Dr. Mohamed Obaidullah (2015)
- Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar (2017-Feb 2019) 2 penggal
- Prof. Dr. Fauzias Mat Nor (2021-2023)

Universiti Tun Abdul Razak (Kepimpinan)

- Sejak tahun 2012

- Prof. Dr. Erik van de Loo (2013-2015) 2 penggal
- Prof. Dr. Nicholas H. Barker (2016-2017) 2 penggal
- Prof. Catarina Tully (2017-Ogos 2019)

Universiti UCSI

- Prof. Dr. Ajith Abraham (2021-2023)

University of Nottingham Malaysia

- No appointment of Chairholder

Pengetahuan & Kepakaran

2013

- (Buku Kecil Ceramah) Board Leadership and Integrity
- Prof. Dr. Erik van de Loo (UNIRAZAK)

2015

Managing Philanthropy for Social Security and Economic Empowerment

- Prof. Dr. Mohamed Obaidullah (USIM)

The Shaking Foundations of Finance

- Prof. Dr. Ben Jacobson (UKM)

Corporate Governance and Boards

- Prof. Dr. Erik van de Loo (UNIRAZAK)

2016

Critical Readings in Islamic Social Finance

- Prof. Dr. Mohamed Obaidullah & Dr. Nurul Aini Muhamed (USIM)

2017

(Buku Kecil Ceramah) Critical Success and Failure Factors in the Islamic Financial Industry in the 21st Century

- Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar (USIM)

Extending the Boundaries in Islamic Finance

- Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar (USIM)

2018

Mainstreaming Islamic Finance Unveiling Critical Success & Failure Factors:

- An Insider and Global Perspective
- Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar (USIM)

Crisis Leadership & Resilience

- Prof. Dr. Nicholas H. Barker (UNIRAZAK)

2019

Entrepreneurial Leaders: Shaping the Malaysian Entrepreneurship Ecosystem

- Prof. Dr. Nicholas H. Barker (UNIRAZAK)

Rethinking Higher Education in Malaysia - Strategic Foresight

- Prof. Dr. Catarina Tully (UNIRAZAK)

The Theory of Wealth Circulation and the Risk Sharing in Islamic Finance (Siri Syarahan YTI Jilid 5)

- Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar (USIM)

2020

Islamic Finance in Digital Economy (Siri Syarahan YTI Jilid 6)


- Editors: Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Dr. Safeza Mohd Sopian, Dr. Muhammad Ridhwan Ab. Aziz (USIM)

Komitmen Advokasi Sosial Kami

MENINGKATKAN MASYARAKAT BUMIPUTERA



Sejak awal penubuhan kami, PNB sentiasa berusaha untuk memperluas dan meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam Korporat Malaysia. Ini berdasarkan mandat kami untuk meningkatkan kehidupan Bumiputera secara holistik dan kami ingin mencapainya menerusi inisiatif penciptaan kekayaan kewangan yang menangani jurang pendapatan, menyediakan peluang pendidikan, memupuk pembangunan modal insan dan menggalakkan keusahawanan. Tugas kami dalam semua bidang ini merupakan tunjang kepada usaha membangun negara ke arah merealisasikan visi negara yang memperkasakan Bumiputera.



Komited kepada Tadbir Urus Kukuh

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat	113
Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	125
Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti	135
Laporan Jawatankuasa Audit	142
Minggu Integriti, Risiko, Asurans & Pematuhan (iRAC)	147
Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah	148

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

PNB percaya bahawa budaya ketelusan, akauntabiliti dan integriti adalah amat penting dalam memastikan komitmennya untuk menjadi sebuah Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia. Dalam suasana pasaran semasa yang tidak menentu lagi mencabar ketika ini, adalah penting bagi PNB untuk memastikan pematuhan kepada standard Tadbir Urus Korporat yang tertinggi menerusi perumusan dan penerapan polisi dan proses dalamannya secara efektif. Sehubungan dengan itu, walaupun PNB bukan sebuah syarikat tersenarai awam, ia tetap berusaha untuk mencapai hasil yang disasarkan bagi tiga prinsip utama tadbir urus korporat baik yang membentuk asas kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod):

PRINSIP A	Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah
PRINSIP B	Pengurusan Audit dan Risiko yang Berkesan
PRINSIP C	Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Hubungan Baik dengan Pihak Berkepentingan

TANGGUNGJAWAB UTAMA LEMBAGA PENGARAH

Kelestarian dan pertumbuhan PNB sentiasa bergantung kepada pelaksanaan peranan asas yang betul oleh Lembaga Pengarah yang termasuk:


- menetapkan dan memantau objektif perniagaan strategik Kumpulan;
- mengkaji semula polisi dan prosedur untuk memastikan perlakuan korporat selari dengan prinsip integriti dan akauntabiliti;
- mengkaji semula kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan, sistem maklumat pengurusan dan pematuhan terhadap undang-undang yang berkenaan;
- memantau prestasi pengurusan dan menyemak semula pelan penggantian; dan
- menilai pelaksanaan sistem pengurusan risiko.

Selain itu, Lembaga Pengarah mengambil perhatian terhadap penguatkuasaan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020. PNB, sebagai salah satu syarikat pengurusan dana terbesar, berada di barisan hadapan dalam memastikan bahawa semua prosedur memadai dalam pencegahan rasuah.

Pelbagai inisiatif telah dilakukan dalam memberi kesedaran mengenai peruntukan baharu ini dengan menganjurkan ceramah dan seminar oleh penceramah tempatan dan antarabangsa kepada ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan kakitangan. PNB juga telah mewujudkan Dasar Pemberi Maklumat, dan Piagam dan Rangka Kerja Integriti. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusannya dalam memastikan kepatuhan sepenuhnya terhadap peruntukan ini di bawah Akta SPRM, PNB memperkukuhkan polisi dan prosedurnya, antaranya melibatkan Sistem Pengurusan Pencegahan Sogokan, Pengurusan Risiko Rasuah dan Kod Etika Perniagaan.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

PIAGAM DAN RANGKA KERJA INTEGRITI KUMPULAN PNB



PENGLIBATAN KEPIMPINAN

- Lembaga Pengarah & Pengurusan Kanan komited sepenuhnya untuk memastikan risiko rasuah diuruskan dengan berkesan
- Pihak pengurusan di semua peringkat terlibat dalam mengembangkan budaya integriti
- Sumber yang mencukupi diperuntukkan untuk program kesedaran integriti

BUDAYA INTEGRITI

- Menggalakkan budaya integriti yang kuat dalam Kumpulan PNB
- Menggalakkan tingkah laku integriti
- Dasar toleransi sifar terhadap rasuah

LATIHAN & KOMUNIKASI

- Mengenal pasti dan menangani kecekapan integriti dan keperluan latihan untuk Kumpulan PNB
- Menyampaikan maklumat dan memperkukuhkan pengetahuan integriti kepada kakitangan

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Budaya Lembaga Pengarah yang sihat menggalakkan dan mengekalkan amalan tadbir urus yang baik memastikan hak pihak berkepentingan dan mandat daripada kerajaan dilindungi. Amat penting bagi Lembaga Pengarah mempunyai pemahaman yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Lembaga Pengarah dipimpin oleh Pengerusi Kumpulan dan disokong oleh Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) bersama-sama dengan ahli Lembaga Pengarah yang lain yang mempunyai pelbagai kepakaran. Pengerusi Kumpulan bertanggungjawab untuk menerapkan amalan tadbir urus, kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah yang baik. Tanggungjawab setiap Pengerusi Kumpulan dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) serta Lembaga Pengarah, Jawatankuasa dan pihak pengurusan jelas dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Ketika ini, Lembaga Pengarah terdiri daripada sembilan (9) ahli yang merupakan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas, seorang (1) Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, dan tujuh (7) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Komposisi semasa Lembaga Pengarah memberikan gabungan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mencukupi, dan kewujudan majoriti Pengarah Bebas Bukan Eksekutif menyediakan semakan danimbangan yang berkesan kepada Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan. Ahli Lembaga Pengarah dapat melaksanakan tugas mereka dan memberikan pertimbangan bebas yang tidak terikat dan tidak berat sebelah bagi menggalakkan tadbir urus korporat yang baik.

PELANTIKAN PENGARAH

Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan (NRC) bertanggungjawab terhadap penamaan calon-calon pengarah. Pemilihan individu yang memiliki gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan adalah amat penting agar Lembaga Pengarah dapat memberikan kepimpinan yang jelas dan berkesan sambil memupuk amalan tadbir urus yang baik. Calon yang berpotensi dipilih daripada pelbagai latar belakang bagi memastikan hanya mereka yang mempunyai gabungan keupayaan, kemahiran dan pengalaman yang tepat akan dipilih. Komposisi Lembaga Pengarah turut

dikaji secara berkala untuk memastikan sumbangan yang berkesan dalam setiap pertimbangan oleh Lembaga Pengarah.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu melaksanakan fungsi pengawasannya dan memastikan terdapat semakan danimbangan dalam urusan fungsi atau bidang tertentu. Terdapat lapan Jawatankuasa di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah seperti yang berikut:



Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai terma rujukan bertulis yang terpisah dan ditentukan, yang memperincikan skop bidang kuasa dan tanggungjawab mereka yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengerusi setiap jawatankuasa melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dan tindakan yang diambil dalam mesyuarat mereka selepas setiap mesyuarat. Setiap jawatankuasa menyemak tugas dan fungsi masing-masing dan bekerjasama dengan Lembaga Pengarah untuk membuat pelarasan yang diperlukan. Lembaga Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, menubuhkan dan mengekalkan jawatankuasa tambahan sekiranya perlu. Namun begitu, tanggungjawab utama untuk membuat keputusan tetap terletak pada Lembaga Pengarah.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan, Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat setiap suku tahunan. Mesyuarat tambahan khas diadakan sekiranya perlu, untuk meluluskan cadangan korporat, pelan perniagaan strategik, dan hala tuju atau hal-hal lain yang memerlukan keputusan Lembaga Pengarah. Untuk perkara-perkara yang memerlukan keputusan dan persetujuan segera Lembaga Pengarah dalam selang waktu antara mesyuarat Lembaga Pengarah, keputusan pekeliling diserahkan kepada Pengarah-pengarah bersama semua maklumat dan penjelasan relevan yang diperlukan agar keputusan yang tepat dapat dibuat.

PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

PNB mengamalkan penilaian Lembaga Pengarah sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya untuk mengekalkan piawai tadbir urus korporat tertinggi, sesuai dengan saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Susulan keputusan Lembaga Pengarah, dalam memastikan Lembaga Pengarah berprestasi tinggi, penilaian Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan 2021 akan dilaksanakan oleh perunding luar pada tahun 2022.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

PENGENDALIAN MESYUARAT

Pada setiap mesyuarat, Pengerusi Lembaga Pengarah dan setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing memberikan penerangan dan menggariskan agenda mesyuarat. Ahli-ahli Lembaga Pengarah mempertimbangkan dan pada masa sama, menilai kebolehlaksanaan cadangan korporat dan risiko utama yang mungkin memberi kesan ketara terhadap perniagaan PNB atau kedudukan kewangannya, serta faktor-faktor untuk mengurangkan risikonya.

PENGAGIHAN BAHAN-BAHAN MESYUARAT

Pada masa ini, mesyuarat Lembaga Pengarah/Jawatankuasa mengamalkan sistem tanpa kertas dengan penggunaan Sistem BoardPac. Sistem ini membolehkan Setiausaha Syarikat memberi akses segera kepada bahan-bahan mesyuarat bagi Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah/Jawatankuasa. Sistem tanpa kertas ini membolehkan mesyuarat Lembaga Pengarah/Jawatankuasa dikendalikan dengan cekap dan ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa segera diberi maklumat terkini jika terdapat sebarang pindaan kepada mana-mana kertas kerja mesyuarat.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN NASIHAT

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya mempunyai akses tanpa sekatan untuk khidmat nasihat dan perkhidmatan daripada pegawai dan kakitangan PNB dan mungkin melibatkan pihak ketiga yang bebas sekiranya perlu dalam melaksanakan tugas dan memenuhi kewajipan mereka dan perbelanjaannya akan ditanggung oleh Kumpulan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Apa-apa percanggahan kepentingan sebenar atau yang berpotensi berkaitan kedudukan sebagai pengarah atau pegangan saham akan didedahkan oleh Ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah/Jawatankuasa melalui Setiausaha Syarikat. Sekiranya berlaku sebarang konflik kepentingan, ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa akan mengelak daripada mengambil bahagian dalam membuat keputusan.

SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN

Setiausaha Syarikat Kumpulan adalah berkecualan dan cekap sewajarnya untuk menyokong Lembaga Pengarah dalam menyediakan nasihat tadbir urus yang bernas, memastikan pematuhan kepada peraturan dan prosedur serta menyokong amalan terbaik tadbir urus korporat.

KEHADIRAN LEMBAGA PENGARAH

Butiran Mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang tahun laporan dinyatakan di bawah:

Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis	Bilangan Ahli	
	Lembaga Pengarah	Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah
13 Januari 2021	8	
4 Mac 2021	8	
23 Mac 2021	8	
22 April 2021	8	
3 Mei 2021	7	
17 Mei 2021	9	
29 Jun 2021	9	
24 Ogos 2021	9	
17 September 2021	9	
18 November 2021	9	
6 Disember 2021	9	
20 Disember 2021	9	

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

BUTIRAN KEHADIRAN

Rekod kehadiran Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti di bawah:

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (Bersara berkuat kuasa pada 1 Mei 2021)	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Tun Arifin bin Zakaria (Dilantik berkuat kuasa pada 5 Mei 2021)	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	7/7
Encik Ahmad Zulqarnain Onn	Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan/Eksekutif Bukan Bebas	12/12
Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon	Bebas Bukan Eksekutif	8/12
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali	Bebas Bukan Eksekutif	12/12
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari	Bebas Bukan Eksekutif	11/12
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif	12/12
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	12/12
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif	12/12
Datin Norazah binti Mohamed Razali (Dilantik berkuat kuasa pada 5 Mei 2021)	Bebas Bukan Eksekutif	7/7

Nota: Dengan perubahan kepada komposisi Lembaga Pengarah, berkuat kuasa dari ini komposisi Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Status
Tun Arifin bin Zakaria	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Encik Ahmad Zulqarnain Onn	Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan/Eksekutif Bukan Bebas
Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon	Bebas Bukan Eksekutif
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari	Bebas Bukan Eksekutif
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif
Datin Norazah binti Mohamed Razali	Bebas Bukan Eksekutif

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

Fungsi utama setiap Jawatankuasa serta keahlian dan kehadiran dalam mesyuarat semasa tahun kewangan dinyatakan seperti di bawah:



JAWATANKUASA PENAMAAN & IMBUHAN

Jawatankuasa Penamaan & Imbuan (NRC) mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk pelantikan dalam Lembaga Pengarah PNB dan Syarikat Subsidiari Beroperasi, begitu juga Syarikat Strategik, Teras, Kawalan dan Syarikat Pelaburan Minoriti. Jawatankuasa ini turut mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk pelantikan sebagai Presiden/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif di PNB, Syarikat Subsidiari Beroperasi, Syarikat Strategik dan Syarikat Kawalan Pelaburan serta pengurusan utama PNB. Dalam pemilihan calon-calon, NRC mengikut polisi dan proses yang telah ditetapkan di mana ia mengambil kira, antaranya, aspek seperti integriti, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman calon.

Di samping itu, Jawatankuasa membantu Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa imbuan Pengarah dan pengurusan PNB serta Syarikat Subsidiari Beroperasi adalah adil dan berdaya saing, sambil memberi perhatian yang sewajarnya terhadap kepentingan semua pihak yang berkepentingan. Jawatankuasa ini juga memastikan bahawa polisi-polisi perlu mengenai pelantikan dan imbuan bagi para Pengarah dan kakitangan PNB dan Syarikat Subsidiari Beroperasi disediakan.

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz <i>(Bersara berkuat kuasa pada 1 Mei 2021)</i>	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	3/3
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini <i>(Penjawatan semula sebagai Pengerusi berkuat kuasa pada 17 Sept 2021)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	9/9
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif	9/9
Datin Norazah binti Mohamed Razali <i>(Dilantik berkuat kuasa pada 5 Mei 2021)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Datuk Mohd. Anwar bin Yahya <i>(Dilantik berkuat kuasa pada 17 Sept 2021)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	2/2

Nota: Dengan persaraan Tan Sri Dr. Zeti pada 1 Mei 2021, komposisi NRC adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini <i>(Pengerusi)</i>	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif
Datin Norazah binti Mohamed Razali	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Mohd. Anwar bin Yahya	Bebas Bukan Eksekutif

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat



JAWATANKUASA PELABURAN

Jawatankuasa Pelaburan membantu Lembaga Pengarah merangka pelan dan strategi, serta meluluskan pemilihan pelaburan untuk portfolio pelaburan PNB dan dana unit amanah di bawah pengurusan PNB, tertakluk kepada had kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini turut mempertimbangkan sebarang cadangan untuk penggabungan dan pengambilalihan.

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (Pengerusi) (Bersara berkuat kuasa pada 1 Mei 2021)	Bukan Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Tun Arifin bin Zakaria (Pengerusi) (Dilantik berkuat kuasa pada 19 Mei 2021)	Bukan Bebas Bukan Eksekutif	11/11
Tan Sri Dr. Mohd. Daud bin Bakar	Bebas Bukan Eksekutif	14/15
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	15/15
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif	15/15
Encik Ahmad Zulqarnain Onn	Bebas Bukan Eksekutif	15/15

Nota: Dengan persaraan Tan Sri Zeti berkuat kuasa 1 Mei 2021, komposisi Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Tun Arifin bin Zakaria (Pengerusi)	Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Tan Sri Dr. Mohd. Daud bin Bakar	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif
Encik Ahmad Zulqarnain Onn	Eksekutif Bukan Bebas

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat



JAWATANKUASA AUDIT

Fungsi utama Jawatankuasa Audit adalah untuk menyemak kualiti dan keberkesanan keseluruhan sistem perakaunan dan kawalan dalaman. Jawatankuasa ini mengkaji kecukupan dan integriti penglibatan audit oleh juruaudit luaran dan dalaman pada setiap tahun kewangan. Polisi perakaunan yang diterima pakai oleh pengurusan dan diterima oleh juruaudit luaran akan disemak secara berkala untuk memastikan pematuhan kepada Standard Perakaunan yang berkenaan. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan aktiviti Jawatankuasa Audit ini dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit pada muka surat 142 hingga 146 dalam Laporan Tahunan ini.



JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai falsafah pengurusan risiko, polisi dan strategi pengurangan risiko seperti yang dicadangkan oleh Pengurusan untuk menguruskan risiko utama Kumpulan PNB. Ia juga mengawasi dan menyetujui pembangunan dan penyelenggaraan rangka kerja bersepadu pengurusan risiko Kumpulan PNB. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan kehadiran ahli Jawatankuasa ini dinyatakan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada muka surat 125 hingga 134 dalam Laporan Tahunan ini.



JAWATANKUASA PEMATUHAN

Jawatankuasa Pematuhan ditubuhkan untuk menentukan, meluluskan, menyemak dan memantau Pelan Kerja Pematuhan dan Integriti di Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap suku tahunan untuk menilai dan menyemak hasil penemuan laporan pematuhan dan membuat saranan tentang perkara yang berkenaan. Struktur keseluruhan fungsi pematuhan Kumpulan PNB akan disemak mengikut keperluan. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan kehadiran ahli Jawatankuasa Pematuhan dan Program Pematuhan PNB dinyatakan dalam Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti pada muka surat 135 hingga 141 dalam Laporan Tahunan ini.



JAWATANKUASA TENDER

Jawatankuasa Tender membantu Lembaga Pengarah untuk mempertimbangkan mengenai tender dan sebut harga untuk semua aset, bekalan dan perkhidmatan bagi Kumpulan PNB yang bernilai melebihi RM2 juta.

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	6/6
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	6/6
Encik Ahmad Zulqarnain Onn	Eksekutif Bukan Bebas	6/6

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat



JAWATANKUASA RAYUAN

Fungsi Jawatankuasa Rayuan adalah untuk mendengar rayuan kakitangan yang didapati bersalah berikutan salah laku dan untuk menentukan sama ada hukuman yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib setimpal dengan salah laku berkenaan. Jawatankuasa ini turut menimbang rayuan daripada kakitangan yang berkenaan tentang penentuan gaji dan kenaikan pangkat mereka.

Ahli Lembaga Pengarah	Status
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif



JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Jawatankuasa Penasihat Syariah ditubuhkan untuk memberi nasihat di samping pandangan dan panduan mengenai perkara berkaitan pematuhan isu-isu Syariah terhadap pelaburan yang dibuat oleh PNB dan dana unit amanah di bawah pengurusannya, serta membantu PNB untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Mohd. Daud bin Bakar (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria (Meninggal dunia pada 30 Mei 2021)	Bebas Bukan Eksekutif	0/4
S.S. Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
As-Sheikh Dato' (Dr.) Haji Nooh bin Gadot	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Profesor Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Haji Ab. Majid	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Dato' Idris bin Kechot (Bersara berkuat kuasa pada 9 Mac 2021)	Bebas Bukan Eksekutif	1/1
Dr. Aida binti Othman	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Encik Wan Abdul Rahim Kamil bin Wan Mohamed Ali (Dilantik berkuat kuasa pada 29 Mac 2021)	Bebas Bukan Eksekutif	3/3
Profesor Dr. Mohamad Akram bin Laldin (Dilantik berkuat kuasa pada 17 Dis 2021)	Bebas Bukan Eksekutif	-

Nota: Dengan pemergian Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani dan peletakan jawatan Dato' Idris, komposisi baharu Jawatankuasa Penasihat Syariah adalah seperti berikut:

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

Ahli	Status
Tan Sri Dr. Mohd. Daud bin Bakar (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
S.S. Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad	Bebas Bukan Eksekutif
As-Sheikh Dato' (Dr.) Haji Nooh bin Gadot	Bebas Bukan Eksekutif
Profesor Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Haji Ab. Majid	Bebas Bukan Eksekutif
Dr. Aida binti Othman	Bebas Bukan Eksekutif
Encik Wan Abdul Rahim Kamil bin Wan Mohamed Ali	Bebas Bukan Eksekutif
Profesor Dr. Mohamad Akram bin Laldin	Bebas Bukan Eksekutif

KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga Pengarah menyedari pentingnya memastikan bahawa pihak berkepentingannya dimaklumkan dan diberi maklumat terkini mengenai perkembangan Kumpulan. PNB melaporkan maklumat terkini aktiviti pelaburannya setiap suku tahun, termasuk keseluruhan perumpukan aset, aset di bawah pengurusan, pendapatan proforma yang digabungkan serentak dan perkembangan berkaitan pelaksanaan Pelan Strategiknya. Menerusi laman web rasmi www.pnb.com.my, orang awam juga boleh memperoleh maklumat terkini mengenai PNB. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, PNB juga telah mula berkongsi berita dan kemas kini melalui saluran media sosial iaitu, Instagram, Facebook dan LinkedIn untuk menjangkau segmen masyarakat yang berbeza.

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang boleh dipercayai untuk melindungi kepentingan PNB dan pemegang unitnya. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini dinyatakan pada muka surat 125 hingga 134 dalam Laporan Tahunan ini.

POLISI PEMBERI MAKLUMAT DAN POLISI HALANGAN MAKLUMAT

Selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dan amalan tadbir urus korporat yang baik, PNB menggalakkan semua pihak yang berkenaan untuk mengetengahkan sebarang perlakuan tidak wajar tanpa rasa takut terhadap tindakan yang akan dikenakan, menjadi mangsa atau layanan diskriminasi untuk mempertingkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi. Polisi Pemberi Maklumat PNB memudahkan pendedahan perlakuan tidak wajar yang berkaitan salah laku, penyelewengan, urus niaga haram, tingkah laku tidak senonoh, tidak berdisiplin, pelanggaran amalan atau prosedur yang telah ditetapkan, atau sebarang tindakan yang memudaratkan reputasi dan kepentingan PNB.

Polisi Halangan Maklumat bertujuan antara lain untuk melindungi dan menghalang Kumpulan PNB daripada melakukan kesalahan perdagangan orang dalam. Justeru, adalah penting aturan kerahsiaan dilaksanakan menerusi Polisi Halangan Maklumat. Pengarah, Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan semua kakitangan Kumpulan PNB dikehendaki untuk menandatangani Pengisytiharan Kepentingan berkenaan dengan pengambilalihan/pembelian/penjualan sekuriti-sekuriti syarikat dalam borang Pengisytiharan Kepentingan.

LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui pentingnya Pengarah-pengarah mendapatkan pendidikan berterusan bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi mereka dan memenuhi cabaran industri tertentu. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah terus menilai keperluan latihan untuk setiap Pengarah. Dalam tahun kewangan ini, semua ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel tentang pelbagai isu semasa yang relevan dengan PNB untuk mengemaskini pengetahuan mereka mengenai perkembangan undang-undang dan peraturan baharu.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

Program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri oleh Pengarah-pengarah dalam tahun kewangan 2021 adalah seperti berikut:

PERBANKAN

- MBB Investment Bank & Bursa Malaysia's ESG in Investment: The Time is Now
- BNM-FIDE FORUM Dialogue on the Role of Independent Directors in Embracing Present and Future Challenges
- JC3 Flagship Conference 2021: #FinanceforChange - The Time is Now: Choose a Brighter Future Case Studies of Failed Digital Banks

PENGURUSAN RISIKO

- FY2021 Etiqa Risk Landscape
- Corruption Risk Management
- BNM-FIDE FORUM Dialogue with Senior Leaders: Risk-Based Capital Framework for Insurers and Takaful Operators
- Program Pengarah Risiko Layak:
 - Mewujudkan Pemerksaan Jawatankuasa Risiko Lembaga
 - Panduan Pengarah untuk Pengurusan Risiko Organisasi dan ISO 31000
- Axiata Risk and Compliance Conference

PENGURUSAN KORPORAT

- ICDM Powertalk Series 2021 - A Boardroom Simulation: Corporate Strategy Beyond the Crisis
- MKE Captains Speak - Special Edition: Singapore: Recovering & Transforming
- A World Authority on Corporate Responsibility and Sustainable Future of Capitalism Called "Green Swans" by Mr. John Elkington SCRUM Training for EFTB and EGTB Board of Directors: Building a Resilient Organisation in Uncertain Time

KEPIMPINAN

- PNB ASNB Board Offsite - Transformasi ASNB
- Program Pengarah Pasaran Modal
- Sesi Townhall dengan Kakitangan
- PNB Knowledge Forum 2021 - Rising Above COVID-19: Reimagining Work in Malaysia & Beyond
- Investor Engagement Between Senior Leadership Teams of Maybank Group and PNB
- Responsible Investments and the Sustainability Agenda
- EES 2021 - Leadership Action Workshop by Korn Ferry
- PNB - Sustainability Framework 2021
- Khazanah Megatrends Forum
- Invest Malaysia 2021 - Panellist: GLICs; Refreshed Mandate, Recharged Capabilities
- Sesi Townhall ASNB bersama PGCE
- PNB Knowledge Forum 2021 - Climate Change: A New Green Deal for Malaysia
- Business Plan 2022: Investment Offsite Day 2
- Visit to Stadium Merdeka by Trustees of Merdeka Heritage Trust
- YB Minister of Finance's Official Working Visit to Kedah and Perlis in conjunction with the Misi Prihatin 2021
- Deferred 2020 Board Strategy Retreat at One&Only Desaru Coast
- MOF 2022 Budget Retreat at Westin Desaru
- YB Minister of Finance's Tour Programme in Johor in line with Budget 2022 Preparation Directors' Training Programme: Transformative Innovation - Reshaping Business Realities in Extraordinary Times
- YB Minister of Finance's Tour Programme in Penang in line with Budget 2022 Preparation Directors' Training Programme: 9th Government in Procurement Conference 2021: Procurement Digitalisation for the Future
- Special Position of Sabah and Sarawak in the Federal Constitution
- Board Room Workshop for Directors: Inspiring for Board Performance
- International Women's Day Celebration 2021 - IWD Flagship Programme
- Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan - Lebih Sekadar Menanda & Meningkatkan Keberkesanan
- Program Induksi Pengarah (Hari 1)
- Program Induksi Pengarah (Hari 2)
- Program Induksi Pengarah (Hari 3)
- Program Induksi Pengarah (Hari 4)
- Modul Program Latihan Pengarah Etiqa 1 - Siri #2
 - Corporate Overview of Etiqa: Its Dynamic Organisation, People, Process and Product
 - Industry Updates/Market Landscape
 - Brief Overview of Key Pillars
- Modul Program Latihan Pengarah Etiqa 1 - Siri #2
 - Introduction to Insurance and Takaful
- Program Latihan Pengarah - Modul 1 (Sesi Orientasi/Induksi), Siri #2
- Sime Darby Property Berhad's Board Retreat - Transforming Through the Crisis
 - Collaboration in the Boardroom: Behavioural and Relationships
 - Masterclass: Board Behavioural Dynamics
 - Launch of the 2020 Malaysian Board Practices Review Report
- Pre-Board Strategy Engagement
 - Technology and Innovation: Designing for the Future of Construction
 - Productising Funds: Keppel Capital's Journey
 - The Rise of Industrial and Logistics Development
 - Addressing the Challenges and Untapped Opportunities in Affordable Housing
- MISC Directors Training 2021
 - Reputation & Crisis Management
 - Overview on the Malaysian Code of Corporate Governance 2021 and the SC Guidelines on Conduct of Directors of Listed Issuers and Their Subsidiaries
 - Climate Governance Principles
 - Implementing TCFD and Driving Towards Net Zero
 - Related Party Transactions - Their Implications to the Board of Directors, the Audit Committee and Management
- United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC COP-26) in Glasgow, United Kingdom
- Sustainable Reset: Role of NRC in a Post-Pandemic World

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

EKONOMI

- Global Economic Outlook for 2021 and on the Challenges Facing the Financial World by Mr. Nouriel Roubini
- Virtual Invest Malaysia 2021 Series 1: The Capital Market Conversation Economic Reform
- 2022 Post-Budget Debate
- MAP Market Outlook 2021: Offshore Oil & Gas Business Outlook
- MAP Market Outlook 2021: Offshore Wind Industry Outlook
- MAP Market Outlook 2021: Oil Tankers, LNG Carriers and Marine Repair Markets Outlook
- MAP Market Outlook 2021: LNG and LNG Shipping Markets Outlook
- MAP Market Outlook 2021: Digitisation and Decarbonisation in the Maritime Industry
- MAP Market Outlook 2021: Global Energy Market Outlook and Trends
- Capital Market Director Programme for Fund Management
 - Directors as Gatekeepers of Market Participants
 - Emerging and Current Regulatory Issues in the Capital Market
 - Business Challenges and Regulatory Expectations - What Directors Need to Know (Fund Management)
- COVID-19, NPLs and Financial Challenges in Asian Development Bank's Economic Condition in Malaysia '1

TEKNIKAL

- Program Induksi PNB
- PNB Knowledge Forum - Rising from Covid 19: Reimagining Work in Malaysia and Beyond
- PNB & Astro Awani Joint Dialogue Programme: The 2020's Dividend is getting lower, is it worth it to continue investing in ASB to build up savings?
- Lawatan Kumpulan UEM ke Merdeka 118
- 2021 Credit Suisse Asian Investment Conference: Panellist: Whose money is it anyway? Why ESG? Insights from Government-Linked Investment Companies
- UT Strategy - Final Management Workshop & Engagement (ASNB Diagnostic & Strategy) '1
- Sesi Perkongsian bersama Pengerusi Kumpulan
- Private Investment Framework Programme 2 Training Session (Management Investment Committee)
- Sustainability Framework Visioning Workshop
- Perbualan CEO: Perjalanan Digital PNB
- Morning Plenary - Singapore Sustainable Investing & Financing Conference 2021
- Evening Plenary - Singapore Sustainable Investing & Financing Conference 2021
- PNB Knowledge Forum 2021: Beyond COVID-19: Reimagining the Future of Work

TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Program Kesedaran Keselamatan Siber untuk Lembaga Pengarah dan Pasukan Kepimpinan
- In-House Cyber Risk Training

SYARIAH

- Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam ke-14
- Persidangan Zakat Antarabangsa Kedah Ke-2 2021 (i-KEIZAC 2021)
- Forum Pengetahuan PNB 2021 Kesedaran Syariah: Mengukuhkan Budaya Syariah

TADBIR URUS KORPORAT

- MIA International Accountants Conference 2021 - Navigating a Sustainable Future with Agility and Resilient
- BNM-FIDE FORUM MASB Dialogue MFRS17 Insurance Contacts: What Every Director Must Know

PERUNDANGAN & PEMATUHAN

- Online Integrity Training for Chief Secretary (KSU) and State Government Secretaries (KUSN): You Are Integrity Champion
- iRAC Week 2021 - Upholding Good Governance in a Challenge Environment
- iRAC Week 2021 - Opening
- iRAC Week 2021: Track 3 - Global Risk Outlook and Emerging Trends '1
- Taklimat mengenai Peruntukan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009
- 766 Anti Money Laundering & Financial Crime in the Age of COVID-19
- Maybank Annual Risk Workshop 2021 - Compliance Session - Managing Financial Crime in Emerging Markets
- Business Law and the Transition to a Net Zero Carbon Economy
- Intentional Integrity: How Smart Companies Can Lead an Ethical Revolution
- Arbitration: Talk on Essentials of Arbitration
- Anti-Corruption and AMLA Measures - What next in Malaysia '1

PENGURUSAN KRISIS

- Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam Komunikasi Krisis

AUDIT

- MIA International Accountants Conference 2021 - Navigating a Sustainable Future with Agility and Resilience
- BNM-FIDE FORUM MASB Dialogue MFRS17 Insurance Contacts: What Every Director Must Know

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

- Environmental, Social and Governance (ESG) Related Training by EY

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

SOROTAN

••

Tahun 2021 menyaksikan pertumbuhan ekonomi global dan domestik menghadapi ketidaktentuan akibat faktor-faktor berkaitan seperti gelombang pandemik COVID-19 dengan varian baharu, kadar inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan, risiko geopolitik yang berterusan dan kenaikan harga komoditi. Di peringkat tempatan, kelemahan Ringgit berbanding Dolar AS dalam keadaan ketidakstabilan politik yang berterusan telah mempengaruhi sentimen pasaran.

PNB tidak terlepas daripada kesan ini. Walau bagaimanapun, perancangan berterusan dan pelarasan strategik yang ketara kepada operasi perniagaannya telah memastikan prestasi syarikat kekal berdaya tahan. Seterusnya, risiko yang timbul daripada landskap yang mencabar ini menuntut keperluan untuk mengukuhkan amalan dan proses pengurusan risiko sedia ada dalam menjaga kepentingan pihak pemegang kepentingan PNB, khususnya pemegang unit. Dalam mengharungi ketidaktentuan tahun 2021, PNB juga telah menunjukkan daya tahan dan komitmennya untuk mengekalkan tahap keberkesanan yang tinggi dalam pengurusan risiko bagi mengurangkan kesan pandemik dan cabaran lain yang belum pernah berlaku sebelum ini.

PNB telah menyediakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) yang mewujudkan persekitaran kawalan yang kukuh melalui pelaksanaan sistem yang sesuai dan proses penilaian risiko untuk mengurus risiko selaras dengan garis panduan utama dan relevan, keperluan kawal selia dan amalan terbaik. Rangka kerja ini membolehkan PNB menyepadukan strategi risiko strategik dan seragam dalam mengurus semua risiko utama di seluruh organisasi. Pada masa yang sama, PNB terus mengukuhkan struktur tadbir urusnya dan meningkatkan daya tahan operasi dengan sentiasa menilai dan memperhalusi rangka kerja ERM bagi memastikan ia selaras dengan strategi perniagaan PNB. Syarikat berusaha untuk membangunkan cara kerja baharu untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanannya dalam mengurangkan risiko gangguan perniagaan.


Kebebasan fungsi pengurusan risiko dan penjajaran yang dekat dengan perniagaan memastikan pengawasan risiko yang konsisten dan berkesan melalui:

- Sistem pengurusan risiko kukuh yang relevan dan berdaya tahan dalam menangani landskap risiko yang sentiasa berubah, memastikan bahawa risiko diuruskan dengan berkesan dalam organisasi;
- Proses pengurusan risiko menyeluruh yang menyediakan rangka kerja untuk membina daya tahan organisasi dalam memastikan fungsi perniagaan kritikal dapat terus beroperasi semasa waktu yang mencabar; dan
- Budaya risiko proaktif yang diterapkan dalam Kumpulan, dengan set kemahiran dan kompetensi yang sesuai.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

PNB percaya bahawa struktur tadbir urus yang kukuh adalah penting untuk memastikan pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang konsisten dan berkesan di seluruh organisasi. PNB telah menetapkan garis tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas untuk proses pengurusan risiko dengan mengguna pakai Model Tiga Barisan Pertahanan seperti yang ditunjukkan di bawah.



Gambar Rajah 1: Model Tiga Barisan Pertahanan Kumpulan PNB

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

PENGAWASAN PENGURUSAN KANAN

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menetapkan matlamat dan polisi pengurusan risiko serta menentukan nada pengurusan kanan dalam memupuk persekitaran pengurusan risiko dan fungsi pengurusan risiko yang kukuh, berpengaruh dan dihormati. Lembaga Pengarah akan memastikan sistem pengurusan risiko dalam Kumpulan adalah cukup mantap untuk bertindak balas terhadap perubahan dalam persekitaran perniagaan dan menyokong PNB dalam mencapai matlamatnya.

Lembaga Pengarah telah menugaskan tanggungjawab mereka kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) yang dibantu oleh Jawatankuasa Pemanduan Pengurusan Risiko (RMSC). Namun begitu, Lembaga Pengarah mengiktiraf tanggungjawab keseluruhannya bagi pewujudan dan pemantauan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) PNB.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

RMC bertanggungjawab untuk membantu Lembaga Pengarah dengan mengawasi dan meluluskan pembangunan dan penyelenggaraan semua rangka kerja dan aktiviti pengurusan risiko yang sedang berjalan. RMC diberikan tanggungjawab untuk menilai, mengenal pasti, mengukur dan memantau keseluruhan pendedahan risiko Kumpulan dan memastikan tahap pengurangan risiko yang mencukupi disediakan.

Komposisi dan Kehadiran

RMC hendaklah terdiri daripada maksimum lima ahli atau minimum tiga ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PNB, yang kesemuanya adalah Pengarah Bukan Eksekutif, dengan nisbah minimum Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ditetapkan pada satu pertiga daripada bilangan ahli Jawatankuasa. Pada masa ini, Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga ahli, dan kesemuanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang dirasakan perlu dan/atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah, tetapi tidak kurang daripada empat kali setahun, yang mana akan diadakan sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa. Sehingga 31 Disember 2021, empat mesyuarat telah diadakan dalam tempoh tahun kajian.

Komposisi RMC dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datuk Mohd. Anwar bin Yahya	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datin Norazah binti Mohamed Razali	Bebas Bukan Eksekutif	1/4

Nota: Datin Norazah dilantik sebagai ahli baharu RMC berkuat kuasa 17 September 2021.

Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko (RMSC)

RMSC merupakan jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE). Ia bertanggungjawab secara langsung untuk menyokong, menyelaras dan memantau semua program pengurusan risiko Kumpulan, seperti yang ditugaskan oleh RMC. RMSC turut mengemukakan sebarang cadangan kepada Lembaga Pengarah menerusi RMC bagi setiap perkara berkaitan aktiviti pengurusan risiko di bawah bidang kuasanya atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah.

Dalam meningkatkan usaha ke arah menanam budaya risiko yang sihat dan amalan pengurusan risiko bersepadu di seluruh syarikat, RMSC turut dibantu oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil Pengurusan Risiko. Jawatankuasa-jawatankuasa kecil ini ditubuhkan dalam kalangan peringkat kumpulan kerja bagi mengenal pasti, membincangkan dan/atau menilai hal-hal yang berkaitan dengan risiko dan untuk menyediakan penyelesaian yang merangkumi seluruh jabatan atau unit perniagaan. Hal-hal yang berkaitan dengan risiko diserahkan kepada RMSC untuk pertimbangan lebih lanjut.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PERNIAGAAN PNB (ERM)


Rangka kerja ERM menggariskan proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko dalam Kumpulan PNB. Ia memastikan PNB mengoptimumkan pulangannya daripada aktiviti pengambilan risiko dalam tahap Kesanggupan Mengambil Risiko PNB yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Objektif utama penubuhan rangka kerja ERM yang berstruktur dan bersepadu ini dinyatakan seperti berikut:

- Mengenal pasti, menganalisis dan memahami setiap risiko material di semua peringkat dalam Kumpulan;
- Memastikan risiko diuruskan sejajar dengan Kesanggupan Mengambil Risiko PNB;
- Menerapkan pengurusan risiko dalam membuat keputusan harian;
- Memastikan strategi, polisi kawalan operasi yang berkesan dan tindakan pengurangan lain yang bersesuaian serta beroperasi dengan berkesan; dan
- Memudahkan budaya risiko proaktif.



Gambar Rajah 2: Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PNB

Rangka kerja ini menyediakan persekitaran kawalan yang kukuh menerusi pelaksanaan sistem dan proses penilaian risiko yang sesuai untuk mengawal risiko sejajar dengan garis panduan yang utama dan relevan seperti:


- Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) 31000:2018 Pengurusan Risiko;
- Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) 22301: 2012 untuk Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan; dan
- Garis Panduan Dana Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Proses Pengurusan Risiko

Elemen utama ERM yang berkesan adalah seperti berikut:

- **Proses Penilaian Risiko:**
Proses keseluruhan yang merangkumi mengenal pasti, analisis dan penilaian risiko seperti yang didokumenkan dalam Daftar Risiko.
- **Pemantauan dan Semakan Risiko:**
Daftar Risiko dan Petunjuk Risiko Utama (KRI) digunakan oleh pihak pengurusan sebagai alat untuk memantau dan mengurus perubahan dalam pendedahan risiko dari semasa ke semasa.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman



Gambar Rajah 3: Proses Pengurusan Risiko PNB

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Rangka Kerja Kesanggupan Mengambil Risiko PNB

Kesanggupan Mengambil risiko ialah tahap dan jenis risiko yang sedia ditanggung oleh PNB dalam usahanya mencapai objektif perniagaannya. Rangka kerja ini digunakan untuk menerangkan dengan jelas Penyata Kesanggupan Mengambil Risiko (RAS) PNB dengan langkah dan metodologi yang disarankan. Selanjutnya, langkah-langkah RAS ini diterapkan ke dalam struktur pengurusan risiko PNB dan digabungkan ke dalam objektif perniagaan dan operasi PNB dengan tujuan untuk:

- menyatakan jenis dan kuantum risiko yang dihadapi oleh PNB berdasarkan nilai teras, strategi, kecekapan pengurusan risiko serta jangkaan pemegang saham;
- merumuskan had sensitif risiko kepada tahap perniagaan dan jenis risiko; dan
- menentukan penyangga risiko yang mencukupi untuk menyokong senario tekanan dengan tahap kesanggupan mengambil risiko PNB.

Polisi Petunjuk Risiko Utama (KRI)

KRI digunakan oleh pihak pengurusan sebagai alat untuk memantau dan mengurus perubahan dalam pendedahan risiko dari semasa ke semasa. Ia memberi kefahaman kepada pendedahan risiko operasi perniagaan dan juga kelemahan operasi dan kawalan melalui pemantauan terhadap pendorong utama pendedahan yang berkaitan dengan risiko utama. KRI bertindak terutamanya sebagai isyarat amaran awal potensi berlakunya risiko dan isu kawalan yang mungkin timbul dalam persekitaran perniagaan semasa.

Papan muka KRI Organisasi dan Jabatan, yang memantau risiko utama yang boleh menyebabkan kebimbangan atau masalah serius, secara berkala disampaikan kepada RMSC dan RMC oleh Jabatan Pengurusan Risiko.

Polisi Pengurusan Insiden (IMP)

Polisi Pengurusan Insiden (IMP) PNB menggariskan keperluan minimum dan proses untuk mengenal pasti, merekod, melapor dan mengurus insiden dalam PNB. Objektif IMP ini adalah untuk:

- meminimumkan kesan, pendedahan kepada kerugian dan gangguan disebabkan oleh insiden yang menjejaskan Kumpulan; dan
- memastikan semua pihak berkepentingan mendapat maklumat secukupnya dan terlibat sewajarnya dalam penyelesaian sebarang insiden.

“Insiden” ditakrifkan sebagai risiko operasi atau peristiwa pematuhan yang berpunca daripada kegagalan proses dalaman, manusia, sistem, atau peristiwa luaran yang berpotensi memberi kesan kewangan, reputasi atau pengawalseliaan terhadap PNB. Ia termasuk peristiwa yang nyaris berlaku, yang boleh menyebabkan kerugian kewangan.

IMP mempunyai kaitan kepada Polisi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM). Semua insiden bergantung kepada tahap keparahan, dan disampaikan kepada Jawatankuasa Pengurusan masing-masing dengan segera.

Pasukan Pengurusan Krisis akan diaktifkan untuk mengurus dan menyelaraskan tindak balas strategik secara berpusat bagi meminimumkan kerugian dan gangguan kepada operasi perniagaan.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran & Kecairan (MLR)

Objektif rangka kerja MLR adalah untuk memastikan pendedahan kepada risiko pasaran dan kecairan PNB dan dana unit amanah (UTF) adalah dalam kadar kesanggupan mengambil risiko. Rangka kerja MLR yang mantap menyediakan proses untuk PNB dan UTFnya mengenal pasti, mengukur, menilai, memantau dan menguruskan risiko pasaran dan kecairannya secara sistematik. Proses ini melibatkan pelaporan berkala kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan masing-masing untuk mempromosikan pengawasan dan membuat keputusan yang berkesan.

Risiko pasaran adalah risiko kerugian dari perubahan nilai portfolio untuk PNB dan dana di bawah pengurusannya disebabkan oleh turun naik harga atau kadar pasaran. Pendekatan mantap ke arah pengurusan risiko pasaran melibatkan kajian berterusan terhadap pelbagai metodologi dan metrik risiko, serta laporan berkala untuk memantau risiko di peringkat dana dan kelas aset. Ini dilakukan berdasarkan pengukuran dan pendekatan risiko di seluruh industri, antara lain termasuk, nilai yang berada pada risiko, ujian tekanan berdasarkan senario serta metrik yang disesuaikan dengan risiko lain untuk memastikan risiko dapat dikenal pasti dan dinilai. Pelan mitigasi yang sesuai kemudiannya dibuat untuk meminimumkan kerugian semasa keadaan pasaran yang teruk.

Risiko kecairan adalah berkaitan dengan ketidakmampuan PNB dan dana di bawah pengurusannya untuk mendapatkan sumber dana mencukupi bagi memenuhi tanggungjawab kewangannya. Risiko kecairan diuruskan dengan memperuntukkan secara strategik minimum 5% daripada aset dana dalam pasaran wang dan hingga 15% daripada aset dana dalam pelaburan mudah cair termasuk pasaran wang, sekuriti pendapatan tetap berkaitan kerajaan dan ekuiti awam. Pemantauan dan kajian berterusan terhadap metrik risiko kecairan, antara lainnya termasuklah, nisbah liputan kecairan, pelan pembiayaan luar jangka serta pelaporan berkala bagi papan muka risiko kecairan kepada pihak Pengurusan dilakukan untuk menilai tahap kecairan dana berbanding unjuran penebusan bersih unit.

Elemen utama rangka kerja MLR adalah seperti berikut:

Ujian Tekanan

Sebagai sebahagian daripada pemantauan berterusan, PNB melakukan ujian tekanan berdasarkan senario berkala yang direka untuk mengukur kesan peristiwa tekanan pasaran yang berpotensi terhadap PNB dan UTFnya. Pendekatan ujian tekanan merangkumi perspektif berdasarkan risiko yang mempertimbangkan kemungkinan hasil berdasarkan jangkaan dan senario pasaran yang sangat teruk.

Pelan Pendanaan Luar Jangka (CFP)

CFP dibangunkan untuk mengenali faktor dalaman dan luaran, melalui satu set petunjuk, yang boleh mempengaruhi kecairan PNB dan dana di bawah pengurusannya. Ia menetapkan strategi untuk menangani kekurangan kecairan dalam situasi krisis, menetapkan garis tanggungjawab yang jelas, serta menggariskan dengan jelas prosedur permohonan dan pengemukaan. Pelan ini diuji dan dikemaskini secara berkala untuk memastikan ia beroperasi dengan mantap selaras dengan Pelan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan PNB.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Penumpuan Pelaburan (ICRM)

ICRM menguruskan risiko penumpuan pelaburan yang dihadapi oleh PNB dan UTFnya, dengan objektif untuk meningkatkan keupayaannya untuk melupuskan pendedahannya tepat pada masanya untuk meminimumkan kerugian dan untuk mengukuhkan lagi kemantapan kecairan semua dana. Rangka kerja ini menggariskan, antara lain, pendekatan utama, tadbir urus, metodologi serta had dalaman yang ditetapkan dalam mengurangkan risiko penumpuan yang memberikan pandangan holistik tentang pendedahan tertumpu berdasarkan saiz sekuriti dan kecairan pasaran.

Rangka kerja ini akan terus dipertingkatkan bagi memasukkan pendekatan pengurusan risiko penumpuan untuk semua kelas aset dan sentiasa dikemas kini untuk memastikan keteguhan dan penjajarannya dengan perumpukan dan objektif pelaburan PNB.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Reputasi (MLR)

Kumpulan PNB mentakrifkan risiko reputasi sebagai risiko apabila reputasinya dicemari oleh satu atau lebih peristiwa seperti yang digambarkan dengan publisiti negatif mengenai amalan perniagaan, perlakuan atau prestasi kewangan PNB. Persepsi negatif boleh menjejaskan keyakinan pemegang unit dan pelbagai pihak berkepentingan terhadap Kumpulan. Bidang utama risiko reputasi untuk Kumpulan PNB diwakili oleh pemacu risiko reputasi dan tahap risiko reputasi diukur melalui Indeks Komposit Risiko Reputasi (RRCI) dan Petunjuk Risiko Reputasi (RRI).

Rangka Kerja Budaya Risiko (RC)

Rangka kerja ini menggariskan bidang fokus utama untuk terus memperkukuhkan lagi usaha budaya risiko ke arah menanam budaya risikan risiko. Ia termasuk memastikan pengemukaan risiko yang cepat, pengesanan dan pengurusan risiko yang efektif di peringkat organisasi dengan menjangkakan dan mengurus cabaran. Selain itu, pergantungan antara Pertahanan Barisan Pertama dan Kedua sangat penting untuk memastikan alat dan platform pemantauan risiko dilaksanakan dengan berkesan dan berjaya dalam meningkatkan tahap kematangan budaya risiko.

PNB melaksanakan RC dengan objektif yang berikut:

- Untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keupayaan fungsi risiko di seluruh organisasi;
- Untuk memupuk budaya setiap individu adalah bertanggungjawab dalam memastikan integriti, akauntabiliti dan ketelusan; dan
- Untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada individu/jabatan/pemimpin yang menunjukkan tingkah laku tadbir urus yang baik.

Tinjauan tahunan dijalankan untuk mengukur tahap kematangan budaya risiko organisasi dalam menerima pakai polisi dan amalan pengurusan risiko dan untuk memastikan bidang tumpuan untuk meningkatkan budaya risiko di seluruh organisasi.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Elemen utama rangka kerja ORM adalah seperti berikut:

- Pengurusan Risiko Operasi; dan
- Polisi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM).

Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

ORM menggariskan proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko dalam Kumpulan PNB. Bersandarkan latar belakang ini, rangka kerja ORM menyumbang kepada pengurusan tentang prestasi dan menyokong keputusan yang dibuat dalam perniagaan. ORM mengukur dan mengurangkan risiko kerugian daripada proses dalaman, orang dan sistem yang tidak mencukupi atau gagal, atau daripada peristiwa luaran. Kerugian operasi ialah kerugian kewangan sebenar akibat daripada risiko operasi.

PNB melaksanakan ORM dengan objektif yang berikut:

- Untuk menguruskan risiko operasi selari dengan Penyata Kesanggupan Mengambil Risiko PNB;
- Untuk memacu penambahbaikan perniagaan menerusi pengurusan risiko operasi yang berkesan; dan
- Untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan keupayaan PNB untuk mencapai objektif perniagaannya.

Rangka kerja ORM meliputi, antara lain, bidang sumber manusia, teknologi, pengurusan penyumberan luar dan vendor, kepatuhan dan integriti, keselamatan fizikal dan manusia, jenayah kewangan, kesinambungan perniagaan, keselamatan dan kesihatan, dan pengurusan risiko projek.

Polisi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM)

PNB telah mewujudkan program BCM yang mantap dan berkesan untuk memastikan kesinambungan fungsi perniagaan teras sekiranya berlaku gangguan perniagaan atau keadaan yang tidak dijangka.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman


Polisi BCM menggariskan proses, keperluan minimum dan peranan serta tanggungjawab BCM dalam Kumpulan PNB. PNB melaksanakan Polisi BCM dengan objektif yang berikut:

- Untuk mengekalkan kelangsungan organisasi semasa berlakunya krisis dengan melindungi nyawa manusia dan memudahkan penyambungan semula proses kritikal perniagaan tepat pada masanya;
- Untuk memastikan pembekalan operasi perniagaan, perkhidmatan dan produk utama terus dikekalkan pada tahap yang sewajarnya; dan
- Untuk melindungi reputasi dan imej Kumpulan.

Polisi BCM dan pelan bersepadunya terus dipantau, ditambah baik dan disampaikan kepada semua peringkat bagi memastikan Kumpulan bersiap sedia sekiranya berlaku krisis.

Latihan simulasi BCM sentiasa dijalankan untuk mengenal pasti jurang dan menilai keberkesanan dan keutuhan pelan, proses dan kemampuan PNB menghadapi krisis.

Penerapan BCM dalam budaya organisasi



Gambar Rajah 4: Polisi dan Program BCM PNB

INISIATIF UTAMA DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2021

Dalam menyediakan sokongan berterusan ke arah objektif dan strategi PNB, inisiatif pengurusan risiko utama yang dilaksanakan pada tahun yang disemak termasuk yang berikut:

Penambahbaikan Proses Tadbir Urus

Menggalakkan inisiatif tadbir urus korporat yang baik dengan meningkatkan komitmen PNB dalam memupuk budaya risiko proaktif di seluruh organisasi yang dipandu oleh rangka kerja ERM.

Minggu iRAC - Memupuk Kolaborasi antara Badan Tadbir Urus dalam PNB Sebagai Sebahagian daripada Aktiviti Budaya Risiko

Selaras dengan usaha PNB untuk meningkatkan kecekapan dan keupayaan fungsi risiko seluruh organisasi, satu konvensyen wakil risiko telah dijalankan sebagai sebahagian daripada acara tahunan Minggu iRAC. Matlamatnya adalah untuk menengahkan dan membincangkan risiko yang timbul daripada landskap yang mencabar yang memerlukan PNB mengukuhkan kawalan risikonya. Acara ini dihadiri oleh pasukan Pengurusan Kanan dan wakil risiko.

Maklumat lanjut mengenai acara Minggu iRAC dibentangkan di halaman 147 laporan ini.

Penilaian Tadbir Urus & Proses Teknologi di Seluruh Organisasi

Semakan meliputi, antara lain, rangka kerja dan strategi teknologi, pengurusan vendor dan bidang risiko utama. Perkara ini bagi memastikan amalan tadbir urus yang kukuh diterapkan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada semua unit perniagaan dalam Kumpulan PNB. Penilaian juga termasuk kajian penanda aras terhadap amalan utama industri mengenai pendekatan/metrik teknologi sedia ada untuk memenuhi keseluruhan strategi teknologi PNB.

Memperkemas Tadbir Urus Operasi

Semakan bertujuan untuk mengukuhkan lagi tadbir urus operasi dengan menekankan tanggungjawab dan akauntabiliti bagi urusan operasi melalui perwakilan kuasa untuk Jawatankuasa Pengurusan masing-masing. Ini termasuk memperkemas tahap dan proses kelulusan dengan memanfaatkan penyelesaian digital.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Meningkatkan Daya Tahan Operasi Perniagaan dengan Memperhalusi Rangka Kerja, Polisi, Program Dan Pelan Sedia Ada

Membina dan meningkatkan daya tahan organisasi terhadap potensi ancaman dengan memperhalusi rangka kerja, polisi, pelan dan pendekatan sedia ada agar selaras dengan strategi perniagaan organisasi, keperluan kawal selia dan amalan terbaik terkemuka. Beberapa pencapaian penting yang dicapai oleh organisasi termasuk:

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Penumpuan Pelaburan (ICRM)

Penubuhan rangka kerja ICRM adalah untuk mengurus risiko penumpuan melalui had penumpuan dalaman berdasarkan saiz sekuriti dan kecairan pasaran. Tambahan pula, rangka kerja ini diperkenalkan dengan objektif untuk meningkatkan keupayaan PNB dan UTFnya bagi melupuskan pendedahan tepat pada masanya.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Projek (PRM)

Penambahbaikan rangka kerja PRM adalah untuk menyediakan pendekatan yang komprehensif dalam mengurus risiko projek dan prestasinya (tanpa mengira jenis dan magnitudnya) yang akan meningkatkan keupayaan PNB dalam memberikan pandangan dan membuat keputusan yang lebih baik. Rangka kerja ini berfungsi sebagai garis panduan untuk semua unit perniagaan, bagi meningkatkan daya tahan pengurusan risiko yang berkaitan dengan risiko projek dan akhirnya membantu unit perniagaan ke arah penyampaian projek yang lancar.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Vendor dan Penyumberan Luar (OVRM)

Semakan dan penambahbaikan rangka kerja OVRM dijalankan untuk menyelaraskan keperluan kawal selia yang berkaitan dan amalan terbaik yang diterima pakai oleh pemain terkemuka industri. Rangka kerja menggariskan proses, dan kawalan standard untuk membimbing semua unit perniagaan dalam Kumpulan untuk mengurus aturan pihak ketiga. Ia juga menggariskan risiko di seluruh PNB melalui pengenalpastian risiko, penilaian, mitigasi dan pemantauan yang sesuai untuk meningkatkan ketangkasan PNB menangani risiko gangguan perniagaan, di samping menguruskan pengurusan risiko penyumberan luar dan vendor dengan berkesan.

Pengurusan Risiko Teknologi & Keselamatan Siber

Persekitaran kerja yang didayakan teknologi dan perjalanan pendigitalan mendedahkan PNB kepada ancaman siber dan jenayah yang lebih besar. Untuk menguruskan pendedahan risiko ini, PNB terus mengukuhkan kawalan risiko sedia ada melalui penilaian tetap terhadap pelbagai langkah/alat pendayaan teknologi. Ini termasuk, antara lain, meningkatkan alat dan ciri keselamatan siber, membina kebolehppercayaan sistem, meningkatkan daya tahan, meningkatkan tadbir urus teknologi dan menjalankan simulasi siber.

Rangka Kerja Kelestarian

Kelestarian semakin menjadi agenda penting di peringkat global. Menyedari hal ini, Rangka Kerja Kelestarian PNB diwujudkan untuk menetapkan asas kelestarian PNB dan menyediakan pelan hala tuju untuk kemajuan selanjutnya dalam mencapai objektif dan mandat strategiknya. Rangka kerja ini memberi tumpuan kepada tiga (3) teras utama, yang terdiri daripada Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.

INISIATIF UTAMA UNTUK TAHUN 2022

Jabatan Pengurusan Risiko akan terus menyokong PNB dalam misinya untuk menyusun strategi dan mengukuhkan pendekatan pengurusan risiko melalui komitmen yang lebih tinggi dalam memupuk budaya risiko yang proaktif dan amalan risiko yang berpandangan ke hadapan di seluruh organisasi. Jabatan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan perjalanan Pelan Tindakan ERM lima tahun dan terus memberi tumpuan kepada bidang berikut untuk menyokong PNB dalam mengukuhkan strateginya:

- Membina dan mempertingkatkan daya tahan organisasi secara berterusan terhadap risiko yang baru muncul dan potensi ancaman dengan menyemak dan memperhalusi rangka kerja risiko sedia ada selaras dengan strategi perniagaan organisasi, keperluan kawal selia dan amalan terbaik terkemuka;
 - Mengintegrasikan pengurusan risiko kemampunan ke dalam Rangka Kerja ERM PNB selaras dengan usaha keseluruhan PNB untuk memastikan penilaian risiko seluruh organisasi yang berkesan dan langkah-langkah proaktif dalam menguruskan hal-hal kemampunan.
 - Menilai risiko dari pelbagai aspek termasuk pengurusan keselamatan, pengurusan krisis dan kesinambungan perniagaan, kerana PNB akan berpindah ke pejabat korporat baharu di Merdeka 118.
 - Menyemak rangka kerja pengurusan risiko sumber manusia untuk menyokong objektif PNB dalam membina kecekapan organisasi apabila PNB menerima transformasi digital merentas organisasi.
- Meningkatkan kecekapan dan keupayaan fungsi risiko seluruh organisasi dengan mempromosikan program penglibatan risiko dan menghalusi budaya untuk menyokong keseluruhan inisiatif dalam memupuk bakat risiko, berpandukan Rangka Kerja Budaya Risiko.
- Memanfaatkan analitik data yang mantap dalam pelaporan risiko untuk menyokong proses pemantauan risiko dan memberikan pandangan masa nyata untuk membuat keputusan yang pantas; dan
- Meningkatkan tadbir urus risiko dengan memupuk inovasi melalui strategi risiko bersatu dengan matlamat untuk menguruskan pendedahan risiko secara berkesan dan terus meningkatkan usaha budaya risiko dalam PNB.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Ketua Jabatan Asurans Dalaman (IAD) ialah Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM). Beliau juga merupakan jempunan tetap kepada Jawatankuasa Pematuhan Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Teknologi, Jawatankuasa OSHA, Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dan Jawatankuasa Pemberi Maklumat di PNB.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Jabatan Asurans Dalaman (IAD) melapor terus kepada Jawatankuasa Audit (AC) Lembaga Pengarah PNB. IAD adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan dan unit sokongan lain dalam Kumpulan PNB.

Dalam membantu Kumpulan PNB mencapai objektifnya, IAD menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan risiko, proses kawalan dalaman dan tadbir urus.

Tanggungjawab utama IAD adalah untuk menyediakan perkhidmatan asurans yang bebas, munasabah dan objektif serta perkhidmatan rundingan yang direka untuk menambah nilai dan meningkatkan kecekapan operasi dan kawalan dalaman Kumpulan PNB. Di samping itu, IAD menjalankan penyiasatan, semakan atau penilaian khas dan/atau ad-hoc ke atas kawalan dalaman apabila dan jika diminta oleh Pengurusan dan/atau Jawatankuasa Audit.

Skop liputan IAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan PNB, termasuk syarikat-syarikat subsidiari.

Tanggungjawab IAD termasuk Audit Kualiti Dalaman (IQA) yang bertujuan untuk menyediakan penilaian dan asurans bebas terhadap entiti yang diperakui Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) dalam Kumpulan PNB. Ia direka untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap pematuhan kepada dokumentasi dan keperluan piawaian ISO yang berkenaan. Pada masa ini, terdapat tiga (3) persijilan Sistem Pengurusan ISO yang dikekalkan dalam Kumpulan PNB iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015, Sistem Pengurusan Kualiti Berdasarkan Syariah MS1900:2014 dan Sistem Pengurusan Antisogokan (ABMS) ISO 37001:2016.

Piawaian Amalan

Proses dan aktiviti IAD dipandu oleh Piagam Audit dan ditadbir oleh garis panduan kawal selia yang berkaitan dan panduan mandatori yang ditubuhkan di bawah Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA). IAD juga merupakan ahli korporat Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM) dan mematuhi piawaian yang dikeluarkan oleh IIAM.

Untuk Audit Kualiti Dalaman, amalan ini mematuhi piawaian berikut:

- Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015;
- Sistem Pengurusan Kualiti Berdasarkan Syariah MS 1900:2014; dan
- Sistem Pengurusan Antisogokan (ABMS) ISO 37001:2016.

Pelan Audit Tahunan

IAD membangunkan pelan audit tahunan berasaskan risiko yang menetapkan tugas audit dalam Kumpulan PNB untuk tahun tersebut. Pelan audit, yang disemak dan diluluskan oleh AC, adalah tangkas dan disemak sewajarnya untuk memasukkan perubahan ketara kepada risiko dan petunjuk utama yang mungkin memberi kesan kepada operasi Kumpulan PNB.

Memaklumkan Hasil

Penemuan IAD dan maklum balas Pengurusan dibentangkan kepada AC untuk memastikan Pengurusan melaksanakan tindakan pembaikan yang dipersetujui. Sebelum dibentangkan kepada AC, penemuan dibincangkan di peringkat pengurusan kanan dan pelan tindakan disediakan untuk melengkapkan tindakan pencegahan dan pembetulan yang diperlukan. Selepas itu, IAD menjalankan tindakan susulan ke atas jabatan atau unit perniagaan masing-masing untuk memastikan pelan tindakan yang diperlukan dilaksanakan bagi mencapai hasil yang diharapkan.

Program Peningkatan Asurans Kualiti

IAD telah mewujudkan program asurans kualiti dan penambahbaikan berstruktur untuk merangkumi semua aspek aktiviti audit dan memantau keberkesannya secara berterusan. Jabatan melibatkan pihak luar yang bebas untuk melaksanakan penilaian luaran sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun, yang mana penilaian terkini telah dilaksanakan pada tahun 2021.

Aktiviti IAD diperincikan pada halaman 145 laporan tahunan ini.

PROSEDUR OPERASI STANDARD

Prosedur Operasi Standard (SOP) dibangunkan untuk meraih kecekapan, output berkualiti dan prestasi yang standard, pada masa yang sama, mengurangkan ketidakpatuhan kepada keperluan kawal selia. SOP ini memberikan arahan dan garis panduan untuk kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan tepat dan konsisten untuk mencapai hasil akhir dengan kualiti yang diinginkan, dan merupakan elemen penting dalam sistem kawalan dalaman PNB.

Dengan menggabungkan pendekatan berasaskan risiko seperti yang ditetapkan dalam ISO 9001:2015, SOP peringkat jabatan yang diwujudkan oleh PNB adalah selari dengan polisi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dan berjaya memenuhi keperluan prasyarat tadbir urus korporat yang baik di semua jabatan. SOP berasaskan risiko ini membantu kakitangan untuk menjadi lebih sedar dan berhati-hati dengan risiko yang berkaitan dengan pekerjaan mereka.

Penambahbaikan SOP sedia ada dan pembentukan SOP yang baharu juga merupakan elemen yang penting dalam pelaksanaan fasa projek Kejuruteraan Semula Proses Perniagaan. Langkah ini membentuk asas bagi kejayaan penyerahan kepada pemilik perniagaan pada peringkat akhir setiap projek. PNB juga telah menubuhkan Pangkalan Data Proses Perniagaan (eBPD) elektronik bagi memastikan dokumentasi yang secukupnya untuk semua SOP. SOP yang digunakan dalam eBPD ini dilindungi secukupnya dan dapat diakses oleh kakitangan untuk difahami dan dilaksanakan oleh kakitangan PNB.

JAMINAN DARIPADA PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN (PCGE) DAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN (GCFO) MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah diberi jaminan oleh PGCE dan GCFO bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat beroperasi dengan baik dan berkesan dalam semua aspek penting untuk tahun kewangan yang dikaji.

Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti



Sejajar dengan visi PNB untuk menjadi Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia, PNB menasaskan untuk mencapai standard tadbir urus dan pematuhan tertinggi dengan kehendak undang-undang dan pihak berkuasa kawal selia. PNB, yang diberi lesen oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA), ditadbir oleh peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh SC, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, dan undang-undang lain yang berkaitan. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, PNB komited untuk menegakkan dan menjaga kepentingan para pemegang kepentingan, pada masa sama mendukung standard ketelusan dan akauntabiliti tinggi yang sangat penting untuk memelihara reputasi integriti.

PNB meneruskan pendekatan yang sistematik dan jelas dengan mekanisme pengujian dan pemantauan yang mantap bagi memastikan pematuhan kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan, polisi dan prosedur dalaman dan standard etika yang berkaitan.

STRUKTUR TADBIR URUS PEMATUHAN DAN INTEGRITI

Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memastikan terdapat pengurusan risiko pematuhan dan rasuah yang berkesan untuk Kumpulan PNB dalam mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan Kumpulan PNB mematuhi semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah untuk menyelia pelaksanaan dan operasi Program Pematuhan dan Integriti oleh Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti. Ia juga menyelia Pegawai Pematuhan dan Ketua Pegawai Integriti dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Pegawai Pematuhan memegang tanggungjawab utama fungsi pematuhan PNB, yang meliputi untuk menubuhkan, melaksana, mengendali dan memantau Program Pematuhan Kumpulan PNB. Sementara itu Ketua Pegawai Integriti memikul empat fungsi utama Jabatan Integriti iaitu pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan, pengukuhan tadbir urus dan

integriti serta pelaksanaan Program Integriti. Pelaporan kemajuan Program Pematuhan dan Integriti dibuat secara terus kepada Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah.

Bagi memenuhi objektif di atas, Jawatankuasa bertanggungjawab dalam menetapkan hala tuju dan strategi untuk pematuhan dan integriti. Ini termasuk mewujudkan rangka kerja dan polisi pematuhan dan integriti untuk pengurusan risiko pematuhan dan rasuah. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap suku tahunan untuk menilai dan menyemak hasil penemuan laporan pematuhan dan integriti serta membuat saranan tentang perkara yang berkenaan.

Struktur keseluruhan fungsi pematuhan dan integriti Kumpulan PNB akan disemak mengikut keperluan. Butiran lanjut mengenai komposisi Jawatankuasa dan Program Pematuhan dan Integriti Kumpulan PNB dinyatakan dalam Penyata ini.

Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti

Komposisi dan Kehadiran Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa hendaklah terdiri sekurang-kurangnya tiga ahli, dan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada jumlah ahlinya ialah anggota Bebas. Pada masa ini, Jawatankuasa ini terdiri daripada empat ahli, dan kebanyakannya ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa. Enam mesyuarat telah diadakan dalam tempoh tahun kajian.

Komposisi Jawatankuasa dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	6/6
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	6/6
Encik Ahmad Zulqarnain Onn	Eksekutif Bukan Bebas	6/6
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari (Dilantik berkuat kuasa dari 17 September 2021)	Bebas Bukan Eksekutif	1/2

Skop Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa mempunyai kuasa, dan bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah, untuk memantau, antara lain perkara yang berikut:

- Pengawasan yang sewajarnya dan pengurusan risiko pematuhan dan rasuah;
- Membantu Lembaga dalam melaksanakan tanggungjawabnya ke arah memenuhi keperluan undang-undang, peraturan, peraturan dan syarat pelesenan yang berkaitan;
- Membantu Lembaga Pengarah dalam menyelia semua isu berkaitan integriti untuk memastikan penggunaan amalan terbaik dan standard etika tertinggi; dan
- Memberi nasihat, bimbingan dan arahan berhubung pelaksanaan Rangka Kerja dan Piagam Pematuhan, dan Rangka Kerja dan Piagam Integriti bagi Kumpulan PNB, serta Pelan Kerja Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti.

Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti

Fungsi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Secara umumnya, fungsi dan tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- Menyediakan pengawasan dalam pelaksanaan polisi dan rangka kerja Pematuhan dan Integriti termasuk tetapi tidak terhad kepada Piagam dan Rangka Kerja Pematuhan, Piagam dan Rangka Kerja Integriti, semua inisiatif dan pelan kerja lain;
- Merumus, menyemak dan meluluskan semua perkara yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Menilai dan menyemak penemuan laporan pematuhan dan integriti yang dibentangkan oleh Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Menilai pelanggaran pematuhan/integriti, mengesyorkan tindakan yang diambil untuk menangani pelanggaran tersebut, dan mewujudkan tindakan tatatertib yang perlu, jika ada;
